



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 16**Khamis****16 Ogos 2022**

K A N D U N G A N

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1/92)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

USUL-USUL:

Usul Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 17(1)

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Ke-14

Dewan Rakyat Tentang Perolehan Littoral Combat Ship (LCS)

Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

- YB Senator Puan Lim Hui Ying

(Halaman 38/106)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Levi Pelepasan (Pindaan) 2022 (Halaman 40)

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022 (Halaman 54)

Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang
(Pindaan) 2022 (Halaman 77)

Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa
(Pindaan) 2022 (Halaman 86)

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2022 (Halaman 96)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang Di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. “ Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Dilantik)
4. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi] (Dilantik)
5. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I] (Dilantik)
6. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Dilantik)
7. “ Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Dilantik)
8. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
9. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
10. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
11. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
12. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
13. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
14. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim (Dilantik)
15. “ Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad (Dilantik)
16. “ Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Dilantik)
17. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
18. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
19. “ Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Dilantik)
20. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
21. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
22. “ Puan Susan Chemerai Anding (Dilantik)
23. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa (Dilantik)
24. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
25. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
26. “ Datuk Dr. Azhar bin Ahmad (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

27. Yang Berhormat Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali (Dilantik)
28. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi (Dilantik)
29. “ Datuk Nicole Wong Siaw Ting (Dilantik)
30. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh (Dilantik)
31. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
32. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
33. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
34. “ Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
35. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
36. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
37. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
38. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad (Kelantan)
39. “ Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
40. “ Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid (Perak)
41. “ Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
42. “ Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya (Kedah)
43. “ Dato' Wira Othman bin Aziz (Kedah)
44. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
45. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
46. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
47. “ Puan Noraini binti Idris (Sabah)
48. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
49. “ Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
50. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
51. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
52. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
53. “ Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip (Dilantik / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

AHLI HADIR (samb/-)

54. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik /Wilayah Persekutuan Labuan)
55. Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Dilantik /Wilayah Persekutuan Putrajaya)

AHLI TIDAK HADIR:

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan] (Dilantik)
2. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin [Menteri Kanan Pendidikan] (Dilantik)
3. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] (Dilantik)
4. “ Dato’ Haji Husain bin Awang (Terengganu)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
2. “ Dato’ Arman Azha bin Abu Hanifah (Dilantik)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)] (Jeli)
2. “ Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Menteri Kanan Pertahanan] (Sembrong)
3. “ Dato’ Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Menteri Alam Sekitar dan Air] (Kubang Kerian)
4. “ Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Menteri Tenaga dan Sumber Asli] (Kota Bharu)
5. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Menteri Wilayah Persekutuan] (Arau)
6. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu [Menteri Belia dan Sukan] (Tambun)
7. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Masjid Tanah)
8. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak)] (Mukah)
9. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Timbalan Menteri Pertahanan](Tanah Merah)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)

10. Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Timbalan Menteri Kewangan I] (Paya Besar)
11. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Timbalan Menteri Kewangan II] (Sipitang)
12. “ Datuk Jonathan bin Yasin [Timbalan Menteri Dalam Negeri II] (Ranau)
13. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Maran)
14. “ Datuk Ago anak Dagang [Timbalan Menteri Kesihatan II] (Kanowit)
15. “ Datuk Muslimin bin Yahaya [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Sungai Besar)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Nor Yahati binti Awang

Setiausaha Dewan Negara
Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Halijah binti Mat Sin
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Yoogeswari a/p Muniandy
Muhamad Fazal bin Mahat
Nor Aizafasya binti Zainal
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

| | |
|----------------------------------|-----------------------------------|
| Nik Muhammad Ismail bin Karim | Muhammad Firdaus bin Ahmad |
| Azmir bin Mohd Salleh | Izzul Syazwan bin Abdul Halim |
| Mohd. Izwan bin Mohd. Esa | Maryam binti Azinuddin |
| Nor Kamsiah binti Asmad | Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili |
| Aifarina binti Azaman | Nurul Syakirah binti Ibrahim |
| Noorfazilah binti Talib | Suhaila binti Sariffuddin |
| Farah Asyraf binti Khairul Anuar | Siti Fatimah Nurain binti Mohamad |
| Julia binti Mohd. Johari | Nor Afina binti Mohamed Rashid |
| Syahila binti Ab Mohd Khalid | Muhamad Shafiq bin Ahamad |
| Ismalinda binti Ismail | Muhammad Akmal bin Md Yusoff |
| Hazliana binti Yahaya | Nur Azmina binti Jamaluddin |
| Amir Arshad bin Ab Samad | Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani |
| Hizamihatim Maggisa bin Juara | Anisah Sahirah binti Hamzah |

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 16 Ogos 2022

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini hari keenam persidangan Majlis Dewan Negara iaitu hari yang terakhir bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk mencadangkan Usul Urusan.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.04 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputus dan diluluskan serta ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke-satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta sokongan?

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya

ialah Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan, bagi soalan nombor 1, saya telah mendapat maklum, disebabkan Yang Berhormat Senator menghadapi sedikit kekangan untuk tiba ke Dewan pada pagi ini, dengan ini saya meminta salah seorang Ahli Yang Berhormat Senator untuk membacakan soalan ini. Dipersilakan.

[Soalan No.1 – YB. Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid tidak hadir]

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, boleh saya?

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Senator yang belakang.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffin: Ya, bagi yang muda sedikit. Saya mewakili soalan pertama, hari terakhir.

1. **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffin** *[Di bawah P.M. 23(2)]* minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam usaha menarik minat murid dalam subjek STEM.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk memastikan murid mempunyai minat dalam mata pelajaran bidang Sains dan Teknologi, *Engineering* dan Matematik (STEM) pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Dalam hal ini, KPM memberi tumpuan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam dan di luar bilik darjah.

Pada masa yang sama, penerapan elemen Sekolahku SEJAHTERA seperti eksplorasi dan artikulasi menjadi fokus untuk menyediakan peluang kepada murid mencipta idea baharu dan meningkatkan kemahiran dalam bidang STEM. Aktiviti PdP berkaitan bidang STEM dioptimumkan melalui pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran berasaskan *inquiry* dalam konteks dunia sebenar. Aktiviti tersebut diberi penekanan dalam Projek Bimbingan Eksekutif STEM (STEMEC) bagi menghasilkan pembelajaran bermakna.

Bahan sokongan bagi pelaksanaan aktiviti di bawah projek STEMEC turut disediakan dalam bentuk modul e-Pembelajaran iaitu modul pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) STEM Bersepadu yang mengandungi video, bahan bacaan, garis panduan dan contoh aktiviti. Aktiviti PdP berkaitan STEM khususnya dalam amali sains adalah lebih mudah difahami dan menyeronokkan apabila dilaksanakan di luar bilik darjah.

Oleh yang demikian, KPM berusaha untuk memastikan makmal sains di setiap sekolah adalah lengkap dan selesa bagi tujuan tersebut. Buat masa ini sebanyak 1,216 buah makmal sains telah siap diubahsuai dan naik taraf. KPM turut berusaha untuk meningkatkan kompetensi dan kebolehan guru dalam pendekatan PdP menerusi Program Pembangunan Profesionalisme Guru.

Antara Program Pembangunan Profesionalisme Guru yang dilaksanakan termasuklah pendidikan sains, matematik dan sains komputer berasaskan *inquiry* serta projek STEMEC. Di samping itu, KPM juga menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), institusi pendidikan tinggi, serta sektor swasta bagi memastikan pendidikan dalam mata pelajaran bidang STEM menarik dan menepati keperluan semasa. KPM akan memastikan mata pelajaran bidang STEM menjadi subjek pilihan setiap murid di semua peringkat sekolah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu yang mana di sekolah rendah dan sekolah kebangsaan, slot pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris iaitu 10 berbanding dengan sains hanya tiga dan matematik hanya enam. So, maksudnya *rationya* tidak seimbang kalau kita melihat kepada penambahbaikan STEM di sekolah-sekolah. Apakah langkah-langkah ataupun pendedahan awal perancangan KPM untuk menaikkan masa pengajaran mata pelajaran STEM? Terima kasih.

■1010

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang benar bahawa penekanan sejak peringkat awal daripada segi bidang STEM ini sangat penting. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada peringkat sekolah rendah sebanyak 30 peratus mata pelajaran yang ditawarkan merupakan mata pelajaran STEM iaitu meliputi Sains, Matematik serta Reka Bentuk dan Teknologi. Jadi, elemen sains dan teknologi turut diterapkan dalam semua mata pelajaran seperti elemen merentas ataupun merentasi kokurikulum. Elemen ini ialah nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Seperti dimaklumkan oleh kementerian, ada seramai 65 ribu orang pelajar di sekolah swasta. Oleh itu, mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sejauh manakah STEM ditekankan dalam pembelajaran sekolah swasta yang terutama masih mengikuti silibus kebangsaan.

Adakah terdapat sebarang jawatankuasa atau bidang kuasa yang mengawal selia perkembangan STEM dalam kalangan pelajar di luar sekolah kebangsaan, terutamanya swasta? Terima kasih.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator, selagi institusi ataupun sekolah swasta mengikuti sukatan di bawah KPM, maka tekanan yang sama diberikan kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain dijadikan sebagai rancangan di stesen televisyen pendidikan yang berteraskan STEM, juga perlu melibatkan pendedahan awal di peringkat prasekolah, lebih-lebih lagi bagi anak-anak daripada keluarga miskin di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa inisiatif yang berteraskan Keluarga Malaysia yang sedang dipergiatkan oleh KPM bagi mempromosikan modul pendidikan yang berorientasikan STEM di peringkat prasekolah, termasuklah di tadika-tadika di bawah kendalian Kerajaan Persekutuan seperti KEMAS dan Tadika Perpaduan? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr Mah Hang Soon: Terima kasih. Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, pendekatan perlu diberikan sejak awal persekolahan lagi. Jadi, sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, bahawa penekanan sejak prasekolah memang penting. Jadi, selain daripada itu, saya hendak terangkan di sini bahawa hala tuju pendidikan STEM negara kita ini dirangka selaras dengan dasar dan pelan utama negara. Termasuklah daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menggariskan penekanan, termasuklah kepada murid sejak prasekolah lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

*Burung nuri sarang tempua,
Soalan saya nombor dua.*

2. Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, langkah-langkah jangka sederhana (dalam tempoh lima tahun) untuk menyelesaikan isu air di negeri Kelantan Darul Naim.

Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man]: *Bismillahi Brahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, penyelesaian kepada isu bekalan air di negeri Kelantan merupakan tindakan berterusan secara proaktif yang melibatkan tiga buah komponen utama iaitu pembangunan aset air, pemantapan tadbir urus melalui kemapanan kewangan dan intervensi kawal selia yang lebih berkesan. Peruntukan bagi pembangunan aset-aset bekalan air di Kelantan terdiri daripada empat- sumber utama.

Pertama, melalui dana Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), diperuntukkan sebanyak RM664.8 juta di bawah OP4. Kedua, sebanyak RM49 juta di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan. Ketiga, sebanyak RM124 juta peruntukan pembangunan di bawah RP2, RMKe-12 dan yang keempat ialah sebanyak RM381 ribu di bawah inisiatif Projek Wakaf Air melibatkan lapan buah projek.

Fokus diberikan kepada penerokaan sumber air baharu iaitu peningkatan kadar rizab margin air terawat, menangani isu kehilangan air, perluasan program penggantian dan pemasangan paip air dan sistem retikulasi serta pemodenan sistem teknologi maklumat. Antara projek yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan rizab margin dan sumber air di negeri Kelantan seperti berikut:

- (i) pembangunan loji rawatan air Kampung Teluk, berkapasiti 30 juta liter sehari dan dengan kos keseluruhan sebanyak RM48.7 juta secara pinjaman. Untuk makluman Dewan yang mulia, Kampung Teluk telah pun siap dan mula beroperasi secara berperingkat-peringkat;
- (ii) pembinaan LRA, projek di bawah Kerajaan Negeri Kelantan. LRA Mini Ketereh kapasiti 8 juta liter sehari dengan kos sebanyak RM10 juta dan telah pun siap pada Mei 2022;

- (iii) LRA Teluk Masira, Bachok berkapasiti 3 juta liter sehari dengan kos RM2.7 juta. Untuk makluman, Teluk Masira juga telah pun siap berperingkat. Keseluruhan dijangka siap sepenuhnya pada Ogos tahun ini, pada bulan ini *insya-Allah*; dan
- (iv) Air Mini Jelawat, kapasiti 4 juta liter sehari. Dijangka siap pada November 2022.

Selain daripada itu, setelah kesemua LRA ini beroperasi, kadar liputan bekalan air di negeri Kelantan dijangka dapat ditingkatkan daripada 71.7 peratus kepada 80 peratus dengan peningkatan kapasiti pengeluaran air terawat keseluruhan sebanyak 40 juta liter sehari.

Untuk makluman Dewan yang mulia, selain daripada itu, Program Pengurangan Air Tidak Bersih (NRW) Kebangsaan melalui pendekatan satu juga diperuntukkan sebanyak RM69.9 juta secara geran di bawah PK pertama dan dijangka siap 4 Oktober 2022. Pembinaan rintangan air- *low weir* di Sungai Pahi, Kuala Krai dan Sungai Pekan Datu, Kota Bharu, Kelantan dengan kos sebanyak keseluruhan sebanyak RM35 juta dan dijangka siap pada Mac 2023 dan sebahagian itu akan siap pada tahun 2025 bagi memastikan bekalan air- *surface water* dapat ditingkatkan.

Akhir sekali, ialah Kajian Pembangunan Sumber Air Negeri Kelantan Fasa 2 dengan kos keseluruhan sebanyak RM16 juta. Selain daripada kita menubuhkan satu *taskforce* khas untuk Kelantan, Kedah dan Pahang bagi mengatasi masalah bekalan air di ketiga-tiga negeri. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Hakikatnya, tidak ada mana-mana negeri yang boleh berdikari- *independent* untuk membina infrastruktur air dalam Malaysia, tidak ada, walaupun Selangor dan Pulau Pinang. Tidak ada, kerana saya konsultan ia... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Tidak ada.

Semua negeri mesti bergantung kepada paip Putrajaya, mesti Pusat. Jadi soalan tambahan saya, apakah kementerian berhasrat meneruskan projek-projek usaha sama dengan NGO terpilih untuk mengadakan projek air setempat? Seperti mana di Seterpa dengan Yayasan Amal Malaysia dan sebagainya, dengan usaha sama universiti-universiti yang membuat kajian.

Mereka ada pakar-pakar untuk mengurangkan beban dan kos kerajaan dan untuk mengelakkan daripada air, dengan izin, *non-revenue water* (NRW), yang sangat besar di seluruh negara. Apakah kerajaan ada hasrat dan lama-lama boleh pindahkan pengurusannya kepada syarikat-syarikat air GLC tempatan? Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum*.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Terima kasih. Untuk makluman Dewan yang mulia, sumber air berada di bawah kawalan selia kerajaan negeri. Manakala bekalan air pada penduduk berada di bawah syarikat air negeri masing-masing. Manakala agensi di bawah kementerian seperti Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB), ia membiayai pendanaan dalam bentuk pinjaman kepada negeri-negeri yang telah migrasi kepada Kerajaan Pusat.

Di samping itu, kita menyedari bahawa keperluan air di luar daripada sistem perpaipan utama, contohnya kawasan pedalaman, kawasan orang asal dan sebagainya di Sabah dan Sarawak. Kita membiayai program ini melalui Projek Wakaf Air yang diuruskan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Untuk makluman, di Kelantan kita telah pun di bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar ini, selain daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air, kita ada Projek Bekalan Air Luar Bandar di bawah PKLB, bekalan air di bawah Kementerian Kesihatan dan pelbagai agensi sebenarnya, selain daripada NGO yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Jadi, saya bersetuju bahawa kerjasama bagi mendapatkan bekalan air ini dapat dioperasikan, ditingkatkan. Untuk makluman Dewan yang mulia, melalui dana wakaf air untuk di Kelantan sahaja, ini luar daripada bajet kementerian, melalui pendanaan wakaf, kita telah belanjakan sebanyak RM381,431 untuk di Kelantan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: *Sorry*, lapan projek. Minta maaf, lapan projek yang telah pun dibuat meliputi kawasan Dabong, kawasan Pasir Puteh, Kuala Krai dan kawasan-kawasan sekitarnya, termasuk juga kawasan di Manik Urai dan sebagainya.

■1020

Ini projek yang telah kita laksanakan. Saya setuju bahawa kerjasama berterusan ini penting supaya rakyat mendapat bekalan air terawat tetapi kerajaan tidak melepaskan tangan dalam tanggungjawab ini. Kita cuba membantu semaksimum mungkin bagi menyelesaikan masalah air di seluruh negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan lain. Silakan.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua saya ada satu soalan tambahan. Agaknya, berapa kos keseluruhan yang diperlukan untuk menaik taraf bekalan air di negeri Kelantan ini. Pada pengamatan saya lah— kalau saya salah, minta maaf. Saya rasa di Malaysia ini negeri yang paling lama mempunyai

masalah air itu negeri Kelantan... *[Ketawa]* Sejak dahulu lagi, saya rasa bukan belasan tahun, puluhan tahun. Saya rasa- saya amat prihatinlah.

So, saya rasa apa juga masalah, berapa banyak sudah dana yang diperlukan, saya rasa kita perlu bantu Kelantan ini sebaik mungkin sebab masalah ini sudah terlalu lama. Sahabat-sahabat saya di Kelantan, saya rasa dua, tiga bulan kebelakangan ini lagi parah keadaan bekalan air di sana.

Jadi, saya rasa kita perlu buat sesuatu untuk mengatasi masalah ini. So, saya hairanlah kenapa Kelantan ketinggalan begitu lama dalam masalah air sedangkan air itu keperluan asas semua rakyat. Terima kasih... *[Tepuk]*

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Secara keseluruhannya kita bukan sahaja di negeri Kelantan berdepan dengan masalah air. Hampir semua negeri ada masalah bekalan air. Cumanya, apa yang saya hendak *highlight*kan di sini ialah ada tiga faktor utama yang dapat dilihat oleh kementerian menjadi punca.

Pertama sekali, tarif air. Untuk makluman syarikat-syarikat operator air berdepan dengan masalah kedudukan kewangan yang sangat kritikal. Sebagai contoh negeri Pahang 40 tahun tarif air tidak pernah disemak. Kelantan sebagai contoh- tarif akhir disemak Pahang pada tahun 1983, Perlis tahun 1996, Terengganu tahun 1997, Kedah tahun 2010. Sebahagian besar tarif air ini tidak dapat membiayai CAPEX dan OPEX pun. Yang ini ia begitu besar.

Kedua ialah sumber bekalan air yang menyebabkan kos rawatan di loji agak tinggi. Di Kelantan 70 peratus bekalan air diambil di bawah tanah- *underground water* yang menyebabkan kos rawatan- kerana faktor *manganese* yang tinggi, dan *iron* yang tinggi yang menyebabkan kos rawatan di loji sangat tinggi.

Apa yang dibuat oleh pihak kementerian- Yang Berhormat Senator bertanya tentang, jumlah kos keseluruhan. Untuk operasi ke hadapan ini kita menjangka untuk membina sebuah loji takungan air yang besar di Machang berkapasiti 500 juta liter sehari dengan kos RM1.3 bilion. Manakala, projek yang besar yang kedua ialah di kawasan Pasir Putih yang bekalkan bekalan air untuk 50 juta liter bagi menampung kawasan Bachok, Pasir Putih dan sekitarnya. Satu lagi projek bagi menampung bekalan air di kawasan Pasir Mas di sebelah Sungai Kelantan.

Kita menjangka unjuran di peringkat kementerian dengan siap tiga projek besar ini kita akan menyelesaikan masalah air di Kelantan. Unjuran kita, kita sudah masuk untuk kajian bagi TAPS besar 500 juta liter.

Untuk makluman Dewan yang mulia, keperluan seluruh negeri Kelantan air ialah 500 juta liter sehari sahaja, bukan besar. *Insya-Allah*, dengan usaha yang sedang dibuat oleh kementerian kita lihat kita berada atas trek yang betul. Kita telah

pun meluluskan untuk tarif air bagi bukan domestik diluluskan dan mula operasi pada 1 Ogos tahun ini.

Manakala, untuk domestik kita memahami situasi ekonomi rakyat, kesusahan rakyat kerajaan menanggungkan ataupun tidak naik tarif air untuk domestik dan kita hanya bagi kawasan-kawasan industri. Itu pun kenaikan sekadar RM5 lebih daripada kos yang ada dan kita jangka dengan ini operator air akan lebih mantap bagi menyelesaikan masalah pembiayaan bekalan air di peringkat negeri-negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

3. Datuk John Ambrose minta Perdana Menteri menyatakan, status terkini usaha-usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam mengembalikan hak-hak Sarawak yang terkandung dalam Perjanjian MA63.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) [Dato Hajah Hanifah Hajar Taib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa komited untuk menyelesaikan tuntutan yang dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga dalam ucapan sempena perutusan sambutan Hari Malaysia 16 September 2021 telah menyatakan bahawa kerajaan memberi jaminan untuk terus memperhalus perkara-perkara yang perlu diselesaikan melalui rundingan menerusi Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 yang dipengerusikan sendiri oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua sehingga kini sebanyak lima tuntutan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah selesai dilaksanakan seperti yang berikut:

- (i) penyerahan kuasa kawal selia, *liquefied petroleum gas* (LPG) telah selesai diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada bulan Jun 2021;
- (ii) pindaan kepada Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan juga telah selesai dilaksanakan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 2022 [Akta A1642] telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkuat kuasa mulai 11 Februari 2022. Akta ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 14 Disember 2021 dan Dewan Negara pada 23 Disember 2021 dengan majoriti lebih daripada dua pertiga;

- (iii) pemberian kuasa mengenai perlesenan perikanan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sarawak selesai dilaksanakan pada 7 Jun 2022. Satu majlis penyerahan secara rasmi antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kerajaan Negeri Sarawak akan diadakan pada waktu terdekat;
- (iv) pembatalan Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL) bagi Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di Sabah telah diputuskan semasa Mesyuarat Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 kali kedua pada 13 April 2021. Dalam mesyuarat tersebut diputuskan bahawa perintah kawasan larangan yang dibuat ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 dibatalkan. Namun begitu, bagi aspek keselamatan ia masih jadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan; dan
- (v) kajian semula pemberian khas kepada negeri Sabah di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan, JCC Sabah. Perintah Perlembagaan Persekutuan Kajian Semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D (Negeri Sabah) 2022 telah diwartakan pada 20 April 2022. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022 bayaran akan dibuat bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun kewangan 2022.

Selain itu, kajian semula mengenai pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan bagi negeri Sarawak juga dijangka akan memulakan perundingan dalam tempoh waktu terdekat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk John Ambrose: Mohon Yang Berhormat Menteri menggulung, apakah pada pihak kerajaan akan mengubah Perjanjian MA63 kepada satu akta baharu? Adakah usaha Kerajaan Persekutuan dalam memastikan hak-hak kepentingan seperti hasil royalti minyak, peruntukan kepada kerajaan negeri dan sewaktu dengannya dapat diberi sama rata pada Sabah dan Sarawak.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, setakat ini tiada cadangan untuk mengubah Perjanjian MA63 ini kepada suatu akta baharu. Buat masa sekarang kerajaan akan

menggunakan platform sedia ada untuk membincangkan isu-isu di bawah Perjanjian MA63 seperti Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 dan empat buah Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Khas Perjanjian Malaysia ini.

Bagi jawapan untuk kedua. Majlis Khas Perjanjian MA63 yang ditubuhkan pada 2 Disember 2022 merupakan platform yang diwujudkan khusus bagi membincangkan isu-isu berbangkit mengenai pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 di antara Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak termasuk isu-isu berkenaan dengan hasil royalti minyak dan peruntukan kepada kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

Sebanyak empat buah Jawatankuasa turut ditubuhkan untuk membincangkan isu-isu ini agar persetujuan dapat dicapai oleh semua pihak sama ada di Peringkat Persekutuan atau di negeri. Terima kasih.

■1030

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mengenai Akta Laut Wilayah 2012. Akta ini mengubah sempadan negeri. Kalau kita ikut Perlembagaan Persekutuan, Perkara 2(b), mengubahkan sempadan tiap-tiap negeri mesti mengambil persetujuan daripada tiap-tiap negeri punya Dewan Undangan Negeri dan persetujuan bersama daripada persidangan Raja-Raja Melayu. Soalan saya ialah, adakah kerajaan mengikut peraturan di Perlembagaan ini, Perkara 2? Terima kasih.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Setakat ini, saya belum pasti daripada segi maklumat itu telah memberikan maklum balas. Ini perlulah diperbincangkan jikalau dicadangkan oleh kerajaan negeri dahulu kepada Kerajaan Pusat. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada jawapan yang asas yang telah diberikan. Ingin saya nyatakan bahawa saya memang menyokong dan mempertahankan pengenalan Perjanjian Malaysia 1963.

Berbalik kepada soalan tambahan saya. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan, bagaimana Kerajaan Persekutuan memastikan bahawa autonomi-
autonomi termasuk hak-hak yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan

Sarawak, seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan, tidak berkompromi atau melanggar sentimen sesebuah negara bangsa Malaysia secara menyeluruh?

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Yang Berhormat Senator, saya percaya bahawa Kerajaan Persekutuan mestilah bersifat adil dan saksama daripada segi kepentingan untuk semua negeri dalam Malaysia. Jadi, kalau daripada segi autonomi, ia merupakan sesuatu yang perlu dipastikan bahawa kerajaan negeri mempunyai kepakaran dan persediaan untuk melaksanakan autonomi yang boleh dilaksanakan.

Waktu sekarang, sukar hendak dikatakan jikalau dipastikan dapat diberikan keseluruhan kerana ia tertakluk daripada segi apakah- ia adalah antara perjanjian yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam Perlembagaan Persekutuan, ada terletak bahawa daripada segi punca kuasa adalah jikalau ia adalah di bawah Kerajaan Persekutuan, ia akan dilaksanakan melalui Kerajaan Persekutuan. Jikalau ia merupakan satu perkongsian, ia dapat diperkembangkan lagi dengan persetujuan sesama. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah satu. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Jauh ini- Terengganu. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu, kenapakah rakyat Semenanjung hendak masuk Sabah dan Sarawak masih lagi menggunakan pas? Sabah dan Sarawak masuk Semenanjung tidak perlu ada pas, *entry pass*, tetapi Semenanjung ke Sabah dan Sarawak ada pas. Saya hendak tanya, apakah kerajaan tidak berhasrat untuk menghapuskan pas untuk memudahkan rakyat ke Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah antara syarat-syarat yang terletak di MA63 bahawa Sarawak masih mempunyai kuasa untuk mengawal daripada segi kemasukan orang luar dari Sarawak dan Sabah. Ia telah dahulu wujud tetapi dikurangkan.

Jikalau Sabah masih berhasrat untuk mempertingkatkan, mereka boleh laksanakan begitu. Jikalau dilonggarkan, ia merupakan hasrat kepada- punca kuasa kepada negeri. Jadi, untuk Sarawak, pada waktu sekarang, ia adalah sesuatu yang Kerajaan Negeri Sarawak mengatakan bahawa ia masih dikekalkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) atas jawapan yang telah diberikan.

4. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, senarai negara yang sedang bekerjasama dengan Malaysia dalam pembangunan sektor industri halal di luar Malaysia. Bagaimana usaha perkongsian kepakaran industri halal Malaysia dengan negara lain ini sedang dilakukan dengan cara yang strategik untuk memberikan manfaat kepada syarikat dan Kerajaan Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada keprihatinan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun 2022, sebanyak sembilan buah negara atau ekonomi yang sedang aktif bekerjasama dengan Malaysia dalam pembangunan sektor halal di peringkat global. Antaranya termasuk Vietnam, Kemboja, Indonesia, Thailand, Arab Saudi, Rusia, Korea Selatan, Jepun dan Taiwan.

Kerjasama tersebut adalah dalam bentuk pembangunan rangka ekosistem industri halal untuk mempercepatkan kerjasama ekonomi dan integrasi antara negara serta kesalinghubungan yang baik antara pasaran serantau di mana ia akan melonjakkan peluang pertumbuhan ekonomi yang melibatkan produk-produk dan perkhidmatan halal melalui pengembangan akses pasaran, galakan aktiviti pelancongan mesra Muslim dan promosi pelaburan asing ke dalam negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, perkongsian kepakaran industri halal Malaysia dilakukan secara strategik untuk membentuk ekosistem industri halal global yang lebih komprehensif memandangkan industri halal global dijangka mencapai nilai USD5 trilion menjelang tahun 2030 berdasarkan Pelan Induk Industri Halal (HIMP). MITI, melalui agensinya *Halal Development Corporation* (HDC), mempromosikan industri halal sebagai penanda aras terhadap nilai kualiti serta tahap keselamatan sesuatu barangan yang menepati piawaian ataupun standard antarabangsa dan bukan terhad kepada pasaran di negara Muslim semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kerjasama ini dilakukan sehingga ia boleh membawa manfaat dan kelebihan dalam melaksanakan kerjasama pembangunan sektor halal tersebut adalah seperti berikut.

Pertama, menggalakkan ketelusan yang lebih tinggi, perkongsian maklumat, memudah cara perdagangan, kerjasama ekonomi serta penyeragaman piawaian dan peraturan antarabangsa berkaitan Pensijilan Halal Malaysia di mana ia akan membuka pasaran yang lebih luas kepada industri halal tempatan.

Kedua, kerjasama strategik yang dilakukan akan meningkatkan jenama halal produk-produk yang dihasilkan di Malaysia dan ia akan menggalakkan lebih banyak

pelaburan asing ke dalam taman industri halal untuk membentuk kerjasama strategik. Ini akan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan baharu.

Ketiga, mengenal pasti ketersediaan sumber bahan mentah yang dapat diperoleh di kalangan negara-negara yang terlibat dalam kerjasama tersebut pada harga yang lebih kompetitif dan ia akan memantapkan integrasi rantai bekalan bahan mentah industri halal tempatan.

Keempat, pembangunan dan kerjasama dalam sektor halal dengan negara-negara yang dinyatakan akan mempelbagaikan barangan dan perkhidmatan halal yang berkualiti di pasaran dunia pada harga yang berpatutan. Ini akan memberi kesan positif kepada pasaran halal sedunia termasuk Malaysia.

Kelima, ia akan menggalakkan perkongsian teknologi dalam pengeluaran produk halal dan pembangunan bakat industri halal sedunia. Ini akan memberi kesan positif kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Timbalan Menteri. Baiklah, memandangkan Sijil Halal dikeluarkan oleh JAKIM dan HDC pula mempromosikan industri halal di Malaysia dan di luar negara, seperti yang dikatakan tadi, bagaimana kerjasama dengan negara-negara asing dapat diaturkan supaya tidak menjejaskan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar Sijil Halal, dan ekosistem kita tidak menjejaskan daya saing kita- *our competitive edge*, dengan izin, di persada antarabangsa? Terima kasih.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator, pengeluaran Sijil Halal ini adalah daripada JAKIM dan HDC, agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri membantu dalam mempromosikan industri halal negara.

■1040

Seperti saya sebutkan tadi, kerjasama kita adalah lebih kepada untuk membentuk ekosistem yang lebih baik, yang komprehensif. Di mana sekiranya kita mempunyai ekosistem tersebut, ia akan membantu menggalakkan pembangunan industri halal secara umumnya dalam pelbagai produk yang kita hasilkan, termasuk dalam segi makanan, minuman, bahan ramuan halal, kosmetik, derivatif minyak sawit, bahan kimia dan lain-lain.

Sekiranya kita lihat kepada kerjasama strategik itu, kita sebenarnya berkongsi dengan mereka tentang kepakaran dan juga macam mana kita nak

bangunkan industri halal. Apabila kita berkongsi dengan mereka, mereka mengikut piawaian dan juga standard yang kita cadangkan kepada mereka. Ini akan membantu kita menggalakkan pembangunan industri halal secara keseluruhan.

Kita nampak dalam usaha kerjasama dengan mereka ini, ia sebenarnya menaikkan jenama dan juga prestasi industri halal negara. Ini akan mengukuhkan, memantapkan lagi kedudukan Sijil Halal dan juga kedudukan industri halal negara secara keseluruhannya, selaku pemimpin industri halal dalam rangkaian bekalan sedunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya melihat isu yang pernah berlaku dalam negara yang menjadi tamparan hebat pada Malaysia iaitu isu kartel daging import, juga berkaitan dengan isu halal. Jadi persoalan saya, apakah langkah drastik yang diambil oleh kerajaan khususnya kementerian untuk mengelak isu kartel daging import seumpama itu berulang kembali dalam negara kita? Terima kasih.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu kartel yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator ini, saya fikir ini adalah terletak di dalam bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sebelum ini, perkara ini juga telah diberi penjelasan oleh kementerian berkenaan dan saya fikir, lebih baik penjelasan tersebut perlulah kita rujuk kembali kepada kementerian yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan Pelan Induk Industri Halal 2030, Malaysia mempunyai potensi industri halal yang besar di peringkat global. Namun, masih wujud 80 peratus jurang antara permintaan dan pengeluaran di peringkat global. Jadi, apakah inisiatif daripada pihak kerajaan dalam mengatasi hal ini? Terima kasih.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita lihat pada eksport halal Malaysia, kita nampak pada tahun 2021, jumlah eksport kita adalah sebanyak RM36.3 bilion. Kita yakin dengan usaha yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensinya HDC, kita dapat kembali ke tahap nilai eksport sebelum pandemik berlaku iaitu melepasi RM40 bilion.

Apakah usaha yang dilakukan terutamanya untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia? Sebenarnya banyak usaha yang dilakukan. Saya boleh memberitahu beberapa program yang dilaksanakan untuk membantu meningkatkan kapasiti dan juga keupayaan serta daya saing perusahaan kecil dan sederhana tempatan.

Pertama, kita melakukan program i-Connect (*Halal Supply Chain*) ataupun rantai bekalan halal. Ini merupakan program usaha sama HDC dengan Akademi Sains Malaysia yang bertujuan untuk sediakan bantuan kewangan bagi pengkomersialan produk R&D dan inovasi halal.

Keduanya, kita melakukan program *e-branding* ataupun e-penjenamaan. Ini merupakan program pemasaran strategik yang bertujuan untuk meningkatkan profil produk-produk perusahaan kecil dan sederhana tempatan. Dengan kerjasama ini, kita nampak penyertaan syarikat-syarikat tempatan untuk pasarkan produk dan perkhidmatan halal mereka melalui rangkaian platform *Google* seperti *Google Search*, *YouTube* dan *banner display*.

Ketiganya, kita juga ada program *Malaysia Halal Global Show* bertujuan untuk memasarkan produk-produk halal tempatan, untuk menembusi pasaran global. Program ini, sasaran kita ialah perusahaan mikro kecil dan sederhana tempatan.

Keempat, kita ada satu lagi program iaitu yang dilakukan oleh HDC melalui *Halal Integrated Platform* (HIP) ataupun Platform Bersepadu Halal. Ia menyediakan program pembiayaan khas dengan usaha sama institusi-institusi kewangan untuk manfaat peserta-pesertanya yang berdaftar dan ini menyediakan dana untuk membantu perkembangan perusahaan kecil dan sederhana tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Ban Hong, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

5. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sebanyak mana jumlah operasi melibatkan lumba haram dan sejauh manakah promosi berkaitan kesedaran mengenai perkara tersebut di media massa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Datuk Jonathan bin Yasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencegah lumba haram dalam kalangan masyarakat di negara ini, Polis Diraja Malaysia melalui Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik telah mewujudkan Operasi Samseng Jalan. Objektif utama operasi ini adalah untuk memberi kesedaran dengan mengambil tindakan saman ke atas pesalah jalan raya. Pelumba haram ini boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu memandu secara melulu dan berbahaya sehingga mengganggu pengguna jalan raya yang lain.

Berdasarkan statistik Operasi Samseng Jalan yang dijalankan oleh pihak JSPT bagi tahun 2020, sebanyak 1,125 operasi telah dijalankan, 2,878 orang pesalah berjaya ditangkap, 20,603 saman telah dikeluarkan dan sebanyak 2,694 buah kenderaan disita untuk siasatan.

Seterusnya pada tahun 2021, sebanyak 1,569 operasi telah dijalankan. 2,560 orang pesalah telah berjaya ditangkap, 24,481 saman telah dikeluarkan dan sebanyak 3,370 buah kenderaan disita untuk siasatan. Pada tahun 2022 pula iaitu dari bulan Januari hingga bulan Jun 2022, sebanyak 1,096 operasi telah dijalankan-1,491 orang pesalah berjaya ditangkap, 21,258 saman telah dikeluarkan dan sebanyak 2,200 buah kenderaan disita untuk siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, PDRM telah menjalankan pelbagai promosi berkaitan kesedaran bahaya lumba haram dalam kalangan masyarakat di negara ini, terutamanya di media massa. Antara kaedah ataupun pendekatan promosi yang telah diambil oleh pihak PDRM adalah seperti berikut:

- (i) Kempen Keselamatan Jalan Raya dengan menggabungkan kesemua jabatan dan agensi kerajaan seperti JPJ, Institusi Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), *non-governmental organization* (NGO) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
- (ii) *[Rakaman kurang jelas]* ...Berkaitan isu trafik dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya seperti Ops Selamat, Ops Didik dan Ops Bersepadu melalui platform seperti media sosial, TV dan radio;

- (iii) melalui pegawai perhubungan sekolah, PDRM memberi ceramah tentang isu mat rempit di kalangan para pelajar; dan
- (iv) seterusnya menguar-uarkan secara meluas dalam media sosial bagi meningkatkan kesedaran terhadap masyarakat dengan setiap tangkapan dan pertuduhan berkait seksyen 42(1), Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan?

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bersetuju dengan cadangan agar pindaan undang-undang dibuat agar hukuman lebih berat dalam usaha membanteras isu lumba haram serta aktiviti mat rempit di negara ini yang terus berlarutan, bahkan melibatkan kematian? Sekian, terima kasih.

Datuk Jonathan bin Yasin: Soalan yang sangat baik Yang Berhormat Senator. Memang kerajaan sememangnya mempunyai perancangan untuk menggubal undang-undang. Kemungkinan pada bulan Oktober ini akan dikemukakan pindaan terhadap Akta Pengangkutan Jalan Raya oleh MOF berkaitan contohnya antara yang telah dicadangkan adalah bagi setakat ini, belum ada undang-undang yang mengekang penonton- penonton wanita, kanak-kanak, orang tua atau muda ke perlumbaan-perlumbaan ini.

■1050

Jadi sebab itu kita mencadangkan supaya diwujudkan akta supaya orang ramai yang pergi menonton ini juga diambil tindakan.

Kedua ialah tentang bengkel-bengkel yang mempunyai aksesori, yang mengubahsuai motosikal ini supaya mereka juga dikenakan tindakan kerana telah mengubahsuai motor. Jadi sebab itu, kita juga memikirkan bahawa hukuman denda atau penjara yang ada pada masa sekarang mungkin juga perlu ditingkatkan supaya menunjukkan keseriusan kerajaan dalam menangani hal ini.

Walau bagaimanapun, ini masih dalam perbincangan. Cadangan tentang dua perkara iaitu tentang aksesori bengkel-bengkel yang diambil tindakan dan juga para penonton yang pergi menonton ini berkemungkinan besar pada bulan Oktober ini akan dikemukakan dalam sesi Dewan Rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Pada hari Sabtu lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob menyatakan bahawa kerajaan

bercadang untuk membina litar khusus bagi perlumbaan *drag* di setiap negeri dalam usaha memperkasakan Program Pembangunan Sukan Permotoran dalam negara.

Apakah pandangan pihak kementerian berkaitan dengan cadangan yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membina litar *drag* di setiap negeri serta adakah dengan pembinaan litar ini mampu mengurangkan masalah perlumbaan haram di atas jalan raya yang mampu menggugat keselamatan dan nyawa orang awam? Terima kasih.

Datuk Jonathan bin Yasin: Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agak baik. Namun mengikut kepada maklumat daripada beberapa buah negeri, setakat ini menunjukkan bahawa bila diwujudkan tempat bagi mereka untuk mengadakan litar khas bagi mereka ini, kita dapati bahawa sambutan di pihak orang-orang muda, para belia terhadap ini sangat kurang.

Ini kita dapati seingat saya di Pulau Pinang juga mereka menyediakan tempat tetapi penglibatan daripada pihak swasta itu sangat mengecewakan. Bahkan di Selangor juga mereka ada litar khas berkaitan dengan perkara yang sama, namun penglibatan daripada orang muda atau belia ini sangat tidak mendapat sambutan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi apa pun cadangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu mungkin cadangan yang baik, namun kita akan lihat daripada semua perkara sebelum memberi cadangan-cadangan selainnya kepada kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kewujudan mat rempit di atas lebuh raya boleh mengundang risiko kepada pengguna jalan raya yang lain terutama pada waktu malam.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak KDN khususnya PDRM telah mengemukakan kertas cadangan kepada Kementerian Pengangkutan mengenai langkah-langkah penting untuk membanteras gejala lumba haram menerusi penguatkuasaan undang-undang yang berada di bawah tanggungjawab KDN dan Kementerian Pengangkutan.

Datuk Jonathan bin Yasin: Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya telah ada perbincangan pada 8 Ogos 2022 tentang beberapa cadangan yang dikemukakan oleh KDN kepada MOF tentang mengubah undang-undang ini supaya ia lebih ketat dan ditambah aspek-aspek yang perlu diambil tindakan undang-undang oleh pihak penguat kuasa. Setakat ini kita sudah kemukakan dan

kemungkinan pada Oktober akan dibawa ke dalam sidang Dewan Rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jonathan bin Yasin, Timbalan Menteri Dalam Negeri II atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi.

6. Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah usaha kementerian dalam penyediaan perumahan yang inklusif dan kebolehcapaian yang baik menjelang Malaysia sebagai negara tua pada tahun 2030 serta nyatakan antara inisiatif penyediaan perumahan sebagai destinasi persaraan warga emas.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Hj. Abd Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi yang tidak jemu-jemu membela nasib OKU dan juga warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited dalam menyediakan perumahan meliputi segenap lapisan masyarakat dan sentiasa berusaha bagi memenuhi sasaran yang telah dirancang.

Berdasarkan Data Unjuran Penduduk 2010-2040 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia dijangka akan menjadi warga tua pada tahun 2030 dengan 15.3 peratus penduduk akan berada dalam lingkungan umur 60 ke atas. Di samping itu, kategori *super-aged society* iaitu peratus penduduk berumur 65 tahun dan ke atas diunjurkan pada 19.9 peratus menjelang tahun 2050.

Sebagai persediaan, KPKT merancang untuk menyediakan mekanisme pemajuan kediaman bagi warga emas yang bercirikan kemudahan kesihatan, kemudahan rekreasi, kehidupan berdikari dan banyak lagi elemen kerohanian serta unsur budaya masyarakat Malaysia yang dapat diterapkan. KPKT juga melalui PLANMalaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas yang memberikan panduan perancangan fizikal dalam merancang, membangunkan dan mereka bentuk penempatan atau residensi warga emas yang memberi fokus kepada tiga jenis penempatan warga emas.

Ini bukunya Tuan Yang di-Pertua iaitu Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas... [Menunjukkan sebuah buku] Maknanya khusus buku yang kita sediakan iaitu meliputi pusat jagaan, perumahan khas warga emas dan perumahan persendirian. Pusat jagaan mengikut Akta Pusat Jagaan 1953, Pusat Jagaan Warga Emas terdiri daripada dua kategori iaitu Pusat Jagaan Harian dan Pusat Jagaan Berkediaman yakni yang diletakkan di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pusat Jagaan Harian ialah di bawah Akta 506 merujuk kepada mana-mana premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk jagaan selama satu tempoh berterusan yang melebihi tiga jam sehari antara matahari terbit hingga matahari terbenam. Ini Tuan Yang di-Pertua, *term* ini cukup cantik ini, bermakna betapa seriusnya kerajaan untuk membela warga emas dan juga OKU ini.

Pusat Aktiviti Warga Emas merupakan salah satu contoh tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Di samping itu, kita ada juga Pusat Jagaan Berkediaman mengikut Akta 506 yang merupakan premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk jagaan sebagai penghuni di dalamnya sama ada untuk upah atau selain ini. Pusat Jagaan Berkediaman ini terdiri dari pusat penjagaan minimum, penjagaan sederhana dan juga penjagaan khas yang telah pun dikategorikan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawapan yang begitu *detail* sekali. Namun begitu saya ingin bertanya, warga OKU selalunya merungut kerana sukar untuk kami memohon perumahan kerana diskriminasi yang kami lalui ketika memohon. Jadi saya ingin bertanya, apakah langkah KPKT untuk pastikan proses ini dipermudahkan? Apakah KPKT sudah mempunyai perancangan untuk sediakan skim khas untuk membantu OKU dan juga warga emas OKU? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Hj. Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, untuk ingatan Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja daripada segi perumahan bahkan kita harap seluruh rakyat di negara kita jangan cuba melakukan diskriminasi kepada warga emas bahkan kepada orang-orang yang istimewa di negara kita. Kita bertuah, mungkin kita ada keluarga yang sihat tetapi apakah harus kita fikirkan bagi mereka yang mempunyai keluarga yang kurang upaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertanggungjawab dalam menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif serta

mampu milik untuk keperluan kumpulan sasar termasuk golongan rentan seperti orang kurang upaya.

Bagi memastikan OKU memiliki rumah, KPKT telah menetapkan supaya satu peratus daripada jumlah keseluruhan unit perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) diperuntukkan kepada warga OKU. Saya pernah mempersoalkan Tuan Yang di-Pertua, adakah satu peratus ini tinggi atau masih rendah untuk kita membela masa depan OKU.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada unsur diskriminasi dalam pemilihan untuk pengisian mana-mana Skim Perumahan Mampu Milik di bawah KPKT. Prosedur permohonan dan pemilihan dibuat secara atas talian melalui laman web Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN). Untuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), KPKT juga telah menyediakan kediaman khas untuk golongan OKU yang terletak di tingkat bawah serta dilengkapi dengan piawaian spesifikasi reka bentuk sejagat seperti tempat letak kenderaan OKU, lif mesra OKU, suis atau plag capaian OKU.

■1100

Selain itu garis panduan perancangan perumahan bagi pemajuan perumahan telah mensyaratkan keperluan untuk menyediakan rumah mengikut reka bentuk sejagat bagi mendapatkan kelulusan kebenaran berancang. Laluan khas ataupun *green lane* dalam permohonan kelulusan kebenaran merancang akan diberikan kepada pemaju perumahan yang perlu mematuhi spesifikasi reka bentuk ini.

Andai kata peraturan ini tidak dipatuhi Tuan Yang di-Pertua, kita berhak mengambil tindakan kepada mereka yang merancang ini di mana mungkin kita tidak akan memberikan kelulusan kepada mereka dan mungkin juga kita boleh denda sehingga RM50 hingga RM1,000 ataupun di penjara selama tiga tahun ataupun kedua-duanya sekali. Andai kata pelanggaran itu diteruskan, maka mungkin RM1,000 denda akan dikenakan bagi setiap hari pelanggaran syarat yang dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan lain? Saya merakamkan...

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Ada. Saya. Tuan Yang di-Pertua boleh...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Yang Berhormat Timbalan Menteri terima kasih. Namun begitu saya ingin memberitahu di sini bahawa sahabat-sahabat saya yang tinggal di kawasan perumahan yang disediakan. Ada kalanya orang yang bukan OKU itu parkir di tempat kereta kami dan juga laluan untuk kami- di rem itu

mereka letak motosikal. Jadi saya mohon mungkin kita beri sedikit ketegasan RM1,000, RM5,000. Bukan RM50.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi dan kita hendak kalau boleh masyarakat, bukan sahaja OKU kerana mereka mempunyai berbagai-bagai-bagai kelemahan. Kita hendak berikan maklumat kepada kita. *Insyah-Allah* kita akan turun ke gelanggang untuk memberikan pembelaan. Jadi *alhamdulillah*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

7. Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan, adakah kerajaan akan menaikkan tarif elektrik dalam masa terdekat dan apakah langkah yang telah dibuat untuk mengekang kenaikan tarif elektrik.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam bahagia Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff atas soalan berkaitan dengan tarif elektrik.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan kita mempunyai sebuah dasar berkaitan dengan pelarasan tarif elektrik dalam negara kita ini melalui satu mekanisme yang dipanggil perlepasan kos tidak seimbang ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *imbalance cost pass-through* (ICPT) yang mana ICPT ini Tuan Yang di-Pertua disemak setiap enam bulan sekali dengan mengambil kira kos bahan api dan penjanaan lain bagi tempoh enam bulan ke belakang.

Dalam hal ini, kos ICPT bagi tempoh Januari sehingga Jun 2022 untuk maklumat Dewan yang mulia ini adalah berjumlah RM7 bilion yang mana dengan jumlah ini, sepatutnya kos ini dilepaskan kepada semua pengguna TNB sebanyak 9.4 juta Akaun TNB ini sebanyak *surcharge* RM11.81 per kilo watt jam bagi tempoh bulan Julai sehingga Disember 2022.

Namun demikian, Kabinet telah membuat keputusan sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 24 Jun 2022,

kerajaan tidak mengenakan sebarang kenaikan bil elektrik bagi tempoh bulan Julai sehingga Disember 2022. Sebaliknya mengekalkan untuk domestik, rebat 2 sen satu kilo watt jam. Manakala untuk pengguna bukan domestik iaitu komersial dan industri hanya sebanyak RM3.07 satu kilo watt jam berbanding RM11.81 per kilo watt jam. Ini bagi tempoh bulan Julai sehingga Disember 2022. Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kenaikan tarif untuk bulan Julai sehingga Disember 2022 berbanding sebelum daripada itu.

Susulan daripada itu, ini penting Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kerajaan tidak melepaskan kos ini kepada pengguna, kerajaan terpaksa menampung subsidi sebanyak RM5.8 bilion. Daripada kos RM7 bilion ini, RM5.8 bilion telah ditampung oleh kerajaan untuk memastikan mengekang daripada kenaikan tarif elektrik ini. Saya juga ingin menyatakan bahawa kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan kerajaan ataupun TNB meningkatkan campuran tenaga boleh baharu (TBB) dalam penjanaan elektrik- 31 peratus pada tahun 2025 dan 40 peratus pada tahun 2035.

Satu perkara yang saya hendak sebut dalam tempoh yang singkat ini. Ekoran daripada pelaksanaan dasar yang dibuat oleh kerajaan, di tangan saya ini merupakan contoh Bil Elektrik yang dibesarkan lah- yang kecilnya... *[Menunjukkan dokumen berkaitan]* Dalam mulai bulan Ogos, bil elektrik yang diterima oleh pengguna akaun TNB semuanya dicatatkan di bawah sini yang berwarna oren ini.

Jumlah bil sebenar dan juga jumlah subsidi yang diberi oleh kerajaan. Sebagai contoh jumlah bil, ini bil sebenar ya kepada seorang pengguna yang menggunakan sebanyak 1,500 kilo watt jam untuk bulan Julai. Bil sebenarnya berjumlah RM958.35 tetapi dengan pemberian subsidi sebanyak RM207.15, bil semasanya hanya RM751.20. Ini merupakan subsidi sebanyak RM5.8 bilion yang telah diberikan oleh kerajaan kita.

Atas dasar itu kita tujuannya adalah supaya rakyat mengetahui sumbangan kerajaan dalam isu penjanaan tarif elektrik dan supaya kita bersikap lebih berjimat-cermat dalam menggunakan tenaga elektrik ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya apa akan jadi selepas Disember 2022 dan bolehkah Yang Berhormat Menteri berkongsi perbandingan bagaimana langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani krisis tenaga global ini berbanding negara serantau dan juga negara maju? Terima kasih.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Senator dalam soalan tambahan ini. Ini adalah cukup penting cukup besar. Kerajaan menyedari bahawa dengan adanya krisis bahan api terutamanya arang batu di pasaran global sekarang ini termasuk negara-negara pengeluar di Australia dan juga di Rusia akibat daripada peperangan Rusia dengan Ukraine terutamanya. Ia telah menyebabkan gangguan rantaian bekalan bahan api. Susah sekarang ini. Permintaan banyak tapi *supply*nya ataupun penawarannya cukup sedikit.

Oleh sebab itulah kerajaan amat berhati-hati, kita menganggarkan, ini anggaran yang dibuat. Daripada kos RM7 bilion untuk bilion Januari sehingga Jun, kita menganggarkan tiga kali- ganda akan naik. Hampir RM20 bilion untuk kos pada bulan Julai sehingga Disember. Itu keadaannya. Bayangkanlah dengan RM7 bilion sepatutnya *surcharge* RM11.81 per kilo watt jam. Kalau hampir RM20 bilion Tuan Yang di-Pertua, kita amat bimbang perkara ini.

Atas dasar inilah kerajaan sedang mengkaji langkah-langkah yang perlu diambil antaranya. Ini saya sebut antara. Ini kajian sedang dibuat. Antaranya subsidi yang mungkin diberikan oleh kerajaan pada masa depan adalah bersasar. Mereka yang berkemampuan misalnya golongan T20 yang menggunakan di rumahnya mungkin 10 biji *aircond*. Mereka mungkin tidak digalakkan ataupun tidak diberikan subsidi sebagaimana B40 dan juga M40. Itu cadangan yang kita akan buat.

Perkara ini Tuan Yang di-Pertua, bukan satu perkara yang hanya berlaku di negara kita. Di Jerman mengalami krisis di mana kenaikan elektrik puratanya 63.7 persen, manakala di Itali dan juga Singapura, Thailand, Hong Kong dan sebagainya semuanya telah menaikkan tarif kadar elektrik. Kita masih belum lagi. Jadi itu satu kelebihan kepada negara kita. Walau bagaimanapun, kita mengambil langkah yang berhati-hati dalam mengatasi keadaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Noraini binti Idris: Soalan tambahan.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Soalan tambahan saya.

Puan Noraini binti Idris: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tahu bahawa selama ini tenaga kita ini, kita guna hidro, arang batu dan juga gas dan petroleum. Akan tetapi *la ni* dengan SDG 2030 *free carbon* apa semua dengar dimaklumkan Indonesia pun sudah tidak mahu eksport arang batu. Kemudian, kita sudah tentulah ada program TBB Yang Berhormat sebut tadi.

■1110

Kemudian, kita sudah tentu ada program TBB Yang Berhormat sebut tadi. Jadi, saya hendak tanya jangkaan kadar- *ratio*, nisbah antara tenaga konvensional

dengan TBB ini, mungkin untuk sepuluh tahun yang akan datang, bagaimanakah perancangan dan apakah insentif yang diberikan oleh SEDA? Terima kasih.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dato' Wira Othman Aziz. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, bahawa kerajaan melalui syarikat utiliti kita, TNB, tidak mengesampingkan penggunaan tenaga boleh baharu.

Kalau saya boleh jelaskan, di Semenanjung kita menggunakan arang batu 48 peratus, gas 39 peratus, hidro iaitu TBB ini 10 peratus, solar dua peratus. Akan tetapi, macam di Sabah dan Sarawak, penggunaannya lebih tinggi. Sebagai contohnya di Sarawak, 67 peratus penjanaan daripada hidro, manakala di Sabah juga 76 peratus daripada gas, tetapi itu masih konvensional.

Isunya sekarang ini, Yang Berhormat, ialah infrastruktur stesen jana kuasa kita itu dibuat suatu masa lampau tidak untuk digunakan melalui penjanaan TBB. Jadi, kita kena tunggu sehinggalah stesen jana kuasa yang ada ini bersara dahulu. *Depa* bersara juga macam kita juga. Apabila *retired* dahulu, barulah boleh untuk digunakan penggunaan TBB ini.

Jadi dalam konteks ini, kita memang menggalakkan. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita harap bagi tahun 2025, kita hendak meningkat kepada 31 peratus, tahun 2035 meningkat kepada 40 peratus. Ini adalah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk ke arah TBB ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Soalan tambahan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Tuan Yang di-Pertua, berapakah kos yang ditanggung oleh kerajaan apabila terpaksa menanggung kenaikan tarif elektrik pada tahun 2021?

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam. Ya, saya dengar tadi untuk tahun 2021... *[Disampuk]* Oh, tahun 2021, saya perlukan masa untuk mendapatkan ini. Akan tetapi untuk tahun 2022, yang saya sebutkan tadi. Untuk separuh tahun pertama, RM7 bilion. Kalau ditambah RM20 bilion untuk separuh tahun yang kedua, bermakna RM27 bilion. Itu kos penjanaan. Tahun 2021, saya janji akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli atas jawapan yang telah diberikan.

8. Datuk Wira Koh Nai Kwong minta Perdana Menteri menyatakan, perancangan kerajaan untuk membuat pengiraan semula nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dengan mengambil kira pendapatan, simpanan, pendidikan, kesihatan, dan dimensi-dimensi lain rakyat setelah peralihan ke fasa endemik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Koh Nai Kwong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan bagi membolehkan setiap ahli isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. Pengukuran ini adalah berdasarkan kepada konsep kos keperluan asas daripada item makanan dan bukan makanan.

Seterusnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PGK pada tahun 2016 iaitu RM980 sebuah keluarga. Ini telah dinaikkan. Oleh sebab RM980 itu tidak realistik, maka pada tahun 2020, kerajaan membuat keputusan bahawa untuk tahun 2019 dinaikkan kepada RM2,208. Jadi, naik daripada RM980 pada tahun 2019 kepada RM2,208 pada tahun 2020.

Satu konsep lagi miskin tegar. Miskin tegar ini yang amat miskin, papa kedana ataupun miskin sangat. Jadi miskin tegar ini untuk keperluan makanan sahaja- RM1,169. Kira-kira separuh. Jadi, miskin ialah RM2,208 PGK sekarang ini dan miskin tegar ialah RM1,169. Cukup makan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada tiga ukuran miskin. Pertama, miskin mutlak; kedua, miskin relatif; dan ketiga ialah pelbagai dimensi. Miskin mutlak ini apabila COVID-19 melanda kita pada tahun 2020, kadar kemiskinan naik daripada 5.6 peratus pada tahun 2019 kepada 8.4 peratus pada tahun 2020. Miskin tegar yang amat miskin tadi daripada 0.4 peratus kepada satu peratus. Kemiskinan itu kemiskinan mutlak.

Satu lagi ukuran yang digunakan ialah kemiskinan relatif. Ini merupakan pendapatan sebuah keluarga di bawah pendapatan penengah. Pendapatan penengah pada tahun 2020 ialah kira-kira RM5,200. Jadi, mana-mana keluarga yang pendapatannya kurang daripada RM5,200 dianggap miskin. Mengikut ukuran ini, kadar kemiskinan ialah 16.2 peratus. Ini jarang-jarang kita gunakan. Ia digunakan beberapa orang pengkaji termasuk ahli akademik. Ukuran yang kita gunakan ini ialah kemiskinan mutlak.

Satu lagi ialah kemiskinan pelbagai dimensi, di mana beberapa perkara diambil perhatian termasuklah iaitu berkaitan ketersisihan pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan juga pendapatan. Jadi, ada 11 angkubah yang digunakan untuk mengukur kemiskinan pelbagai dimensi. Mengikut ukuran ini, cuma terdapat untuk tahun 2019 sebanyak 80,044 keluarga miskin. Jadi, lebih rendah daripada angka-angka yang lain.

Jadi mengenai soalan kedua, bilakah kita hendak pinda ini? Hendak meminda ini memakan proses yang lama iaitu setahun, melibatkan satu kajian 92 ribu keluarga kesemuanya. Kajian bermula bulan Januari, saya lancarkan di Sepang awal tahun ini, dan berakhir bulan 12. Maka yang baharu ini kita jangka sekitar bulan tiga, bulan empat tahun hadapan.

Ini kerana kita hendak tengok pula corak perbelanjaan, pendapatan. Kerana PGK ini terkesan apabila kos sara hidup naik, umpamanya, bilangan isi rumah keluarga mungkin sudah mengecil. Sekarang ini jumlah purata isi rumah ialah 3.9. Bermakna sebuah rumah suami isteri dan dua orang anak. Mungkin ke depan ini bilangan anaknya lebih kurang.

Jadi, ini antara perkara-perkara yang sedang dikaji melibatkan 92,000 isi rumah di seluruh negara yang berakhir pada bulan 12. Maka, selepas itu barulah kita boleh membuat satu kajian semula. Buat masa ini, yang kita pakai RM2,208 untuk miskin, RM1,169 satu keluarga untuk miskin tegar.

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, ICU di Jabatan Perdana Menteri juga menerbitkan angka-angka berkaitan dengan miskin dan miskin tegar. Pada 31 Julai yang lalu, bilangan miskin tegar di Malaysia adalah 136,923 keluarga, miskin ialah 308,699 keluarga. ICU mengutip data ini dengan kerjasama pejabat daerah dan di peringkat negeri, pejabat setiausaha kerajaan negeri dan dimurnikan dari semasa ke semasa. Itu angka terkini di Malaysia. Miskin tegar sekali lagi iaitu 136,923 dan miskin ialah 308,699.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu jelas tadi.

Soalan tambahan saya. Kerajaan sedang melaksanakan projek rintis Fasa 1 Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia sejak Mei lalu. Setakat manakah *progress* program ini dan apakah mekanisme yang digunakan bagi memastikan matlamat untuk menjadikan Malaysia sifar kemiskinan tegar pada tahun 2025 tercapai? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih. Sebagai mukadimah, di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, semua negara bersetuju untuk menghapuskan miskin tegar menjelang tahun 2030. *Sustainable Development Goal 1: No Poverty*. Itu SDG 1. Ada 17 semua matlamat peringkat antarabangsa.

Jadi, itu matlamat di peringkat antarabangsa. Akan tetapi di Malaysia, kita buat keputusan untuk bawa ke hadapan pada tahun 2025. Jadi di Malaysia, tahun 2025 kita hendak menghapuskan miskin tegar, yang betul-betul- sangat miskin.

Kita bercadang untuk melaksanakan program ini di 1,000 lokaliti. Jadi, rintis ini melibatkan 80 lokaliti. Di Melaka ada dua lokaliti dan yang paling banyak ialah di Sabah 10, di Sarawak 10. Saya ada angka-angka ini. Jadi program ini pendekatannya berbeza, holistik. Kita bekerjasama antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, NGO, syarikat-syarikat pun ada yang bersama kami, syarikat-syarikat gergasi dan kecil pun ada.

Jadi, berbeza dahulu dan sekarang. Pertama, pendekatan holistik melibatkan semua pihak. Dahulu mungkin Kerajaan Pusat, kerajaan negeri ada program sendiri, NGO pun ada, badan berkanun pun ada, tetapi sekarang kita satukan semua sekali, diselaraskan oleh EPU dan ICU.

Jadi, rintis ini sudah berjalan. Rintis kerana kita percubaan. Ini kali pertama kita mengambil pendekatan bersepadu. Jadi, kita akan belajar daripada kelemahan-kelemahan. Ada beberapa kelemahan. Umpamanya program.

■1120

Program ini tertumpu kepada program untuk tingkatkan pendapatan. Ini berasingan daripada JKM. JKM sedang membantu kira-kira 445 ribu keluarga. Ini yang kurang upaya, ibu tunggal yang daif. Ini program-program miskin tegar ini ialah program melibatkan usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan. Program JKM ialah untuk membantu mereka yang terlantar, mereka yang sakit.

Oleh itu, pendekatannya adalah untuk membantu umpamanya menyediakan modal bagi memajukan perniagaan, memajukan pertanian ataupun kalau nelayan mungkin perlukan bot nelayan dan enjin. Kalau yang sudah ternak tilapia, membesarkan ternakan. Kalau yang terlibat dalam perniagaan kecil, maka kita akan besarkan melibatkan *online*.

Jadi rintis ini melibatkan 80 buah kawasan dan paling banyak di Sabah dan Sarawak sudah pun berjalan. Oleh sebab, ini rintis ada beberapa isu dan masalah. Jadi, peringkat kedua kita bercadang untuk 100 lokaliti dan akan dimuktamadkan awal bulan depan. Jadi, yang kedua ini kita akan belajar daripada kelemahan dan kesilapan yang pertama dan kita akan mantapkan lagi.

Tujuannya adalah untuk meningkatkan pendapatan mereka dengan mereka bekerja dan akhir tahun 2025, tiga tahun lagi kita harap mereka akan terkeluar daripada kelompok miskin tegar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan lain? Kalau tidak ada, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali.

9. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apa usaha kerajaan dalam mengukuhkan lagi peranan koperasi di Malaysia melalui kerjasama dengan pihak koperasi lain di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Muslimin bin Yahaya]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali. Soalan yang agak khusus berkaitan kerjasama koperasi di peringkat antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, kami di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), kita sentiasa memberi sokongan kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) selaku badan puncak yang mewakili gerakan koperasi di Malaysia untuk di peringkat antarabangsa melalui Ikatan Koperasi Antarabangsa.

Jadi, perhimpunan ICA ataupun Ikatan Koperasi Antarabangsa di Seville, Sepanyol baru-baru ini sesuatu yang sangat kita boleh banggakan, wakil negara Yang Berhormat Datuk Haji Kamarudin Ismail daripada ANGKASA telah berjaya mempertahankan kedudukan selaku kerusi Ahli Lembaga ICA bagi tempoh 2022-2026. Untuk makluman Yang Berhormat, ini sesuatu yang kita rasa kita bangga dengan kemampuan sebahagian daripada rakan-rakan ANGKASA kita.

Terdahulu di perhimpunan ICA peringkat Asia Pasifik di Korea pada tahun 2021, Presiden ANGKASA Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah telah dipilih sebagai naib presiden ICA untuk Asia Pasifik bagi tempoh empat tahun juga. Beliau juga merupakan Presiden Organisasi Koperasi Asien (ACO) dan juga Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan ICA di peringkat Asia Pasifik.

Kejayaan mewakili negara ini penting kepada gerakan koperasi di Malaysia terutamanya mewakili ataupun membawa suara 14,834 buah koperasi di seluruh

negara yang merangkumi lebih daripada 7.08 juta orang anggota di peringkat global. ANGKASA juga telah memeterai memorandum persefahaman MoU dengan badan koperasi peringkat antarabangsa.

Ini pertanyaan daripada Yang Berhormat tadi, dengan izin Yang Berhormat, *Indian Farmers Fertiliser Cooperative* iaitu daripada negara India dalam pembekalan baja nano urea di mana kerjasama ini diyakini mampu meningkatkan hasil pengeluaran serta kualiti penuaian melalui peningkatan produktiviti.

Kedua, dengan izin *National Agricultural Cooperative Federation* Korea Selatan dalam membangunkan industri lembu tenusu merangkumi kerjasama melatih kakitangan dalam bidang veterinar.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha memperkukuhkan lagi peranan gerakan koperasi di peringkat antarabangsa pada masa hadapan, ANGKASA akan mengadakan kerjasama, dengan izin sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, *Cambodian Muslim Development Foundation* khususnya untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat setempat melalui pembangunan koperasi kariah masjid.

Ketiga, Kerajaan Eswatini, Switzerland untuk menyokong pembangunan koperasi sekolah supaya lebih berkesan di negara tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali: Jadi tahniah kepada wakil-wakil Malaysia di peringkat antarabangsa. Gerakan koperasi di Jepun sering dijadikan satu panduan kerana bukti kejayaan gerakan koperasi ini yang menjalankan aktiviti perniagaan dan juga menguasai bekalan barangan keperluan harian pasarannya.

Namun begitu, melalui laporan pada tahun 2020 menunjukkan lain pula di Malaysia ini. Koperasi kita lebih berminat dalam sektor kewangan dan juga pinjaman kredit ataupun pinjaman peribadi yang mana perolehan gerakan koperasi yang lebih RM40 bilion ini, 77 peratus datangnya daripada pinjaman peribadi ataupun pinjaman kredit. Manakala daripada gerakan koperasi di Malaysia hanya 22 peratus sahaja yang menjalankan aktiviti perniagaan.

Jadi, bagaimanakah kementerian merancang untuk ubah situasi ini melalui Dasar Koperasi Negara yang sedang dirangka agar kerjasama dengan koperasi antarabangsa dalam bidang pertanian seperti yang disebut tadi boleh kita manfaatkan? Terima kasih.

Datuk Muslimin bin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman, aset koperasi kita ada RM154 bilion. Kemudian kita ada lebih RM40 bilion

perolehan. Kita ada lebih RM15 bilion syer dan kita tahu memang hampir kebanyakan koperasi kita adalah berasaskan kepada kredit.

Jadi, sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat koperasi negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya melangkau ke depan. Selain daripada kita fokus kepada koperasi ataupun Gerakan Koperasi Malaysia, kita juga menghantar produk-produk kita ke luar negara. Ini adalah sebahagian daripada unjuran yang telah kita buat dan salah satu daripadanya kita telah menghantar produk-produk kita di pasar raya- *HOA Mart* Singapura dengan unjuran perolehan kita adalah lebih daripada RM2 juta.

Kita juga telah menghantar beberapa buah produk kita ke Brunei melalui enam buah koperasi. Ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah terbaik koperasi kita untuk menjana pendapatan lebih besar dan kita melebarkan lagi sayap kita di peringkat antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pada Mei 2020 Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad mewujudkan Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50) bagi mengukuhkan peranan badan koperasi dan menjadikannya pilihan utama rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kewujudan 14,834 yang menjadi ahli dan keanggotaan ahli-ahlinya 7.8 juta, adakah terdapat cadangan dan usaha-usaha daripada pihak kementerian untuk membawa wakil koperasi ke dalam Dewan yang mulia ini dan dilantik sebagai seorang Senator dalam usaha untuk memartabatkan kedudukan koperasi itu sendiri serta bersama-sama menjadikan pencetus kepada idea-idea baharu demi kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Muslimin bin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan yang sangat baik dan bolehlah kita bawa dalam perbincangan di peringkat kementerian dan kita boleh ajukan. Ini kerana ia mewakili 7.08 juta dan lebih 14 ribu buah koperasi.

Kita meyakini bahawa kalau 7.08 juta ia sudah mewakili hampir 25 peratus seluruh penduduk Malaysia. Mungkin hasrat itu kita boleh panjangkan untuk mewakili gerakan koperasi supaya lebih mapan. Kita tahu gerakan koperasi kita sudah mencecah usia 100 tahun pada 21 Julai yang lepas. Ini pastinya akan memberi satuimbangan yang sangat baik untuk gerakan koperasi di negara kita. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua. Dengan penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berpuas hati apabila membuat perbandingan dengan pencapaian-pencapaian oleh koperasi-koperasi di negara-negara tetangga baik Vietnam, baik Indonesia, baik Singapura.

Saya tak nak sebut Taiwan dan Korea. Macam mana kedudukan kita kalau banding secara umumnya dengan negara-negara tetangga, di mana kedudukan secara umumnya koperasi-koperasi negara kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Muslimin bin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tidak memiliki data itu sekarang tetapi dengan pemilikan, kita bertahan selama 100 tahun berbanding kalau di *England* ditubuhkan pada tahun 1844.

■1130

Kita tahu, tahun 1922 dan kita masih boleh bertahan sehingga sekarang dengan ada keahlian seramai 7.08 juta orang ahli. Ada aset sebanyak RM154 bilion. Kita ada perolehan dalam keadaan pandemik RM40 bilion, kita ada syer lebih daripada RM15 bilion. Itu menunjukkan bahawa koperasi kita merupakan pilihan sebahagian daripada rakyat negara kita khususnya. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara luar, kita tidak ada perbandingan yang secara statistik, daripada segi perbandingan.

Akan tetapi, kita meyakini sebahagian daripada produk-produk koperasi yang kita telah *packaging* dengan cukup baik, kita telah sampai ke beberapa buah negara. Saya sebut tadi, kita sudah ada *mall*, di Pattani pun kita ada promosi produk di situ. Kita ada di Singapura, kita ada di Brunei dan hari ini koperasi telah membuat satu keputusan bahawa kita ada satu *labeling* yang menunjukkan bahawa setiap apa juga produk yang dikeluarkan koperasi itu merupakan produk koperasi.

Contohnya, kita ada *labeling*, '*CoopMart Sejak 1922*'. Itu sebagai satu *trademark* bahawa selepas ini apa saja produk koperasi akan sampai bukan sekadar untuk masyarakat tetapi kita hingga ke peringkat antarabangsa. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Muslimin bin Yahaya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

10. Dato' Wira Othman bin Aziz minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan yakin Unjuran Pertumbuhan Ekonomi Negara antara 5.5 peratus hingga 6.5 peratus untuk tahun 2022 dapat dicapai? Apakah sektor utama yang menyumbang kepada KDNK sehingga kini?

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi kepada semua Ahli Dewan dan juga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh suku pertama tahun 2022, negara kita telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak lima peratus dan petunjuk utama terkini juga mencerminkan prestasi ekonomi yang semakin positif dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku kedua mengukuh kepada 8.9 peratus di mana suku pertama pada awal tahun ini, 2022 sebanyak lima peratus. Sekali gus mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.9 peratus bagi separuh pertama tahun 2022.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kadar pengangguran kita berkurang di bawah empat peratus. Kalau kita buat *approximation is* 3.8 peratus pada Jun 2022 berbanding 5.3 peratus pada Mei 2020. Seiring dengan peningkatan permintaan barangan dan perkhidmatan yang ketara di mana penggunaan swasta meningkat sebanyak 18.3 peratus pada suku kedua, di mana suku pertama tahun 2022 ia cuma *like* 5.55 peratus.

Pelaburan langsung asing (FDI) pula mencatatkan peningkatan bagi separuh pertama tahun 2022 kepada RM41.7 bilion berbanding RM20.2 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan dasar kerajaan yang konsisten terutamanya melalui inisiatif di bawah Bajet 2022 yang mengembang dengan langkah yang giat dilaksanakan sejak awal tahun dijangka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada tahun ini.

Selain itu, kesan limpahan daripada pelaksanaan langkah Bajet 2021 serta pakej-pakej rangsangan ekonomi dan bantuan sebelum ini terus mendorong pemulihan ekonomi ke arah mencapai paras KDNK pra pandemik.

Dengan momentum pertumbuhan separuh pertama tahun 2022 yang disokong oleh aktiviti ekonomi dan sosial yang lebih rancak serta permintaan domestik dan luar yang terus memberangsangkan berikutan peralihan negara ke fasa endemik, pembukaan semula sempadan antarabangsa, pasaran buruh yang semakin baik dan pelaksanaan projek-projek yang bersifat pelaburan, kerajaan yakin ekonomi Malaysia berada pada landasan yang kukuh untuk mencapai unjuran pertumbuhan terkini antara 5.3 peratus dan 6.3 peratus.

Dari sudut penawaran atau pengeluaran sektor perkhidmatan dan pembuatan yang menyumbang lebih 80 peratus kepada ekonomi negara kekal sebagai sektor utama yang menerajui aktiviti ekonomi.

Pada separuh pertama tahun 2022, sektor perkhidmatan terus meningkat sebanyak 9.2 peratus berbanding 4.9 peratus separuh pertama tahun sebelumnya dan prestasi yang sangat memberangsangkan ini didorong oleh prestasi dan subsektor pengangkutan dan penyimpanan perdagangan borong dan runcit serta makanan, minuman dan penginapan yang dipacu oleh peningkatan permintaan isi rumah dan aktiviti berkaitan pelancongan.

Sektor pembuatan pula mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.9 peratus disokong oleh peningkatan dalam kebanyakan subsektor di bawahnya dan peningkatan yang ketara dalam prestasi subsektor ialah produk elektrik, elektronik serta *optical* serta peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan telah menyumbang kepada pertumbuhan dalam sektor pembuatan pada tempoh separuh pertama tahun ini. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah kepada pihak kerajaan, kita bangga lah sebagai rakyat Malaysia dan kita sebagai Ahli-ahli Dewan pun bangga kerana pertumbuhan ekonomi suku kedua yang begitu memberangsangkan sebanyak 8.9 peratus. Kita tahu pertumbuhan GDP ini mencipta lebih banyak kerja, peningkatan hasil gaji, rakyat boleh berbelanja lebih dan kerajaan boleh kutip cukai lebih.

Namun, kita sedar dalam ekonomi kita ini, kita *net exporter* minyak. Harga minyak tinggi dan dapat hasil lebih. Akan tetapi, dalam masa yang sama kos pengeluaran meningkat. Jadi, bagaimana kerajaan melihat untuk mengimbangkan antara pendapatan yang lebih sikit itu dengan kos pengeluaran yang meningkat menyebabkan kesan kepada kuasa membeli dan mungkin menekan kepada inflasi. Adakah melalui bantuan-bantuan ini dapat bertahan dan sejauh manakah boleh ditahankan? Terima kasih.

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz atas soalan susulan. Kos pengeluaran itu meningkat tetapi kalau kita lihat daripada segi harga minyak mentah itu, ia boleh membayar harga kos yang meningkat itu dan kita lihat juga daripada segi output negara.

Walau bagaimanapun, biarpun ekonomi kita menunjukkan kemajuan suku tahun kedua dan kita juga membuat satu unjuran yang suku tahun ketiga juga kita akan mendapat mungkin angka yang lebih baik.

Akan tetapi, risiko terhadap pertumbuhan ekonomi masih wujud dan sudah tentu antaranya ialah pertumbuhan global secara menyeluruh yang lebih lemah

daripada jangkaan awal dan juga konflik geopolitik yang berterusan dan gangguan rantai bekalan yang berlarutan. Kemunculan mungkin orang bilang kalau boleh tidak, kemunculan varian COVID-19 yang baharu dan *volatility* pasaran kewangan itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, kita akan memantau perkembangan ekonomi global daripada semasa ke semasa supaya kita sentiasa bersedia untuk menangani apa-apa kejutan luaran yang boleh memberi kesan ke atas kesejahteraan rakyat kita dan kelangsungan perniagaan. Di samping itu, keutamaan kerajaan dalam jangka masa sederhana ialah untuk melaksanakan pembaharuan struktural bagi meningkatkan potensi daya tahan dan prospek ekonomi negara serta menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang lebih baik.

Kita yakin bahawa komitmen ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan *inclusive* untuk seluruh Keluarga Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator.

11. Datuk Wong Siaw Ting minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sebab-sebab 12 acara dalam SUKMA digugurkan terutamanya acara wanita dan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan negeri menghantar atlet untuk acara-acara tersebut.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akibat penangguhan Temasya SUKMA Johor 2020, MSN telah menawarkan 21 jenis sukan bagi temasya tahun ini.

Namun begitu, selepas Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi yang saya mempengerusikan, telah menetapkan sebanyak 426 jenis acara sukan layak dipertandingkan dengan 223 jenis acara lelaki, 184 jenis acara wanita dan 19 jenis campuran dan terbuka daripada 31 jenis sukan. Keputusan awal di peringkat Jawatankuasa Tertinggi adalah berdasarkan penyertaan minimum untuk sesuatu acara merupakan sebanyak lapan penyertaan.

Namun, ia telah dikurangkan kepada enam penyertaan hasil keputusan secara bersama kerana terdapat beberapa acara tidak menepati syarat penyertaan yang ditetapkan. Sebanyak 12 jenis acara sukan terpaksa digugurkan kerana penyertaan kurang daripada enam buah- kontinjen seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi SUKMA.

Bagi menangani isu yang dibangkitkan ini, kementerian menerusi Majlis Sukan Negara dan kerjasama Majlis Sukan Negeri dan juga Persatuan Sukan Negeri

telah melaksanakan langkah penambahbaikan dan penelitian semula program-program pembangunan di negeri-negeri.

■1140

Antara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan bagi merencanakan penyertaan bakat-bakat baru dalam sukan ini adalah:

- (i) bekerjasama dengan persatuan sukan kebangsaan yang terlibat untuk menganjurkan kejohanan bertaraf kebangsaan secara berasingan;
- (ii) memperhebatkan program pengenalan sukan di kalangan pelajar sekolah melalui kem bakat;
- (iii) mempertingkatkan kerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi pelaksanaan program sukan terjun di sekolah sukan Malaysia yang mempunyai fasiliti untuk sukan ini. Bagi sekolah yang tidak mempunyai fasiliti pula, kerjasama dengan kelab-kelab sukan akan diwujudkan bagi menyediakan platform penyertaan dalam sukan ini;
- (iv) menubuhkan pusat latihan kebangsaan di beberapa buah negeri yang terpilih bagi mengenal pasti dan melatih atlet-atlet muda berbakat di bawah program sukan pilihan;
- (v) menyediakan kemudahan latihan yang setara dengan pusat latihan kebangsaan di beberapa buah negeri yang dikenal pasti;
- (vi) melantik jurulatih yang berpengalaman dalam menjalani latihan yang lebih komprehensif serta mampu melonjak prestasi atlet dalam masa terdekat. Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada jurulatih luar negara; dan
- (vii) peluang mendedahkan pertandingan peringkat umur di luar negara sekerap mungkin bagi memberi peluang untuk menimba pengalaman dan mengukur keberkesanan program latihan yang diikuti.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali. Ada tambahan? Sila, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada hanya satu soalan tambahan pendek. Kadang-kadang kita lihat acara sampingan dalam

SUKMA ini membantu sesuatu kejuaraan negeri tersebut. Jadi, saya nak tahu apakah kriteria acara sampingan dalam SUKMA? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu: Untuk makluman, dalam edisi SUKMA pada kali ini, edisi SUKMA ke-20, kita telah pun meletakkan dua sukan baru yang dipertandingkan, iaitu sukan *Sibad Kabaddi* dan juga *Silambam* untuk dijadikan sebagai sukan demonstrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Apa namanya Yang Berhormat, sukan itu?

Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu: *Kabaddi* dan *Silambam*. Sukan-sukan ini juga ialah sukan yang dipertandingkan di peringkat sukan Asia. Jadi, kita perlu mendedahkan kepada para atlet kita untuk menjalani latihan di dalam kedua-dua sukan ini agar kita dapat menghantar atlet dalam Sukan Asia yang akan datang. Kita sedia maklum bahawa SUKMA ini ialah kejohanan untuk membuka peluang kepada atlet-atlet muda mengambil bahagian untuk kita kenal pasti bakat dan kita dapat gilap bakat mereka untuk kita pergi ke peringkat yang jauh lebih tinggi di peringkat antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*. Sesi untuk soal jawab berakhir sudah.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 17(1)

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-14 DEWAN RAKYAT TENTANG PEROLEHAN *LITTORAL COMBAT SHIP* (LCS) BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM)

11.43 pg.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon jasa baik Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya bentangkan Usul seperti berikut, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 17(1), Majlis Mesyuarat hari ini akan ditangguhkan dengan tujuan hendak merundingkan perkara berhubung Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen ke-14 Dewan Rakyat tentang perolehan *Littoral Combat Ship* (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia.

Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) telah menerima kontrak Kerajaan Malaysia bernilai RM9.1286 bilion untuk membina enam buah kapal LCS dan lima daripada kapal itu perlu siap dihantar kepada TLDM pada Ogos 2022.

Namun sehingga kini, tiada sebuah LCS pun disiapkan walaupun kerajaan telah membayar sebanyak RM6.083 bilion kepada syarikat tersebut. Kos projek

tersebut juga telah melebihi kos asal sebanyak RM1.4 bilion. Laporan PAC turut mendedahkan pelbagai kepincangan, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam keseluruhan projek ini, termasuk melibatkan mantan Menteri Pertahanan. Justeru, perkara ini wajar dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini memandangkan perkara ini melibatkan kepentingan awam dan keselamatan negara.

Saya memohon agar Tuan Yang di-Pertua untuk mempertimbangkan usul ini memandangkan perkara tersebut bukan sahaja melibatkan keupayaan keselamatan negara yang kritikal, malah wang cukai rakyat berjumlah RM9.1286 bilion. Ini mewajarkan perkara tersebut dilihat sebagai perkara kepentingan awam yang berkehendakkan disegerakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Diambil maklum. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying pada hari Selasa, 9 Ogos 2022. Teks Usul itu adalah seperti yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Senator tersebut, dan seharusnya mendapat perhatian dan pertimbangan untuk dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1).

Saya bacakan Peraturan Mesyuarat 17(1), *“Siapa-siapa Ahli, selain seorang Menteri, pada waktu yang ditetapkan di bawah Peraturan Mesyuarat 13, bolehlah berdiri di tempatnya, dan meminta izin hendak mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu yang berkenaan dengan kepentingan orang ramai, yang berkehendakkan disegerakan dengan membaca teks Usul yang diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua”*.

Demikian bunyinya peraturan mesyuarat dan hendaklah dipadankan dengan apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, Puan Lim Hui Ying.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah iaitu bahawa perkara itu bersifat tertentu.

Syarat kedua ialah bersifat bagi kepentingan orang ramai.

Dan syarat ketiga ialah, ia berkehendakkan disegerakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa perkara ini ialah perkara yang tertentu atau pun spesifik.

Kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai kerana melibatkan kepentingan awam dan keselamatan negara. Perkara ini telah pun disebar luas dalam berita, media dan juga perbincangan orang ramai di tempat-tempat perhimpunan, perjumpaan, malah di warung-warung pun.

Ketiga, perkara ini juga perlu disegerakan. Didapati bahawa isu ini yang sedang menular dan mendapat perhatian kerajaan sendiri. Malah, dirakamkan juga oleh media, yakni kerajaan sendiri inginkan perkara ini dijalankan siasatan dan mereka yang bertanggungjawab dapat dikemukakan kepada muka keadilan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini untuk dibahaskan... [Tepuk]

Mengikut Peraturan Mesyuarat 17(3), Usul ini akan dibahaskan pada petang ini, hari Selasa, 16 Ogos 2022 di dalam Dewan ini. Saya membenarkan Pihak Pencadang untuk berbahas selama 30 minit, dan selepas itu, Pihak Kerajaan akan menjawab selama, tidak lebih dari 30 minit. Tertakluk kepada permohonan dan pernyataan dari Ahli Yang Berhormat, bolehlah menyertai perbahasan itu mengikut kadar yang dapat diberikan menurut peraturan mesyuarat.

Terima kasih kepada semua yang terlibat dan dengan itu, saya, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, Yang di-Pertua Dewan Negara memasyhurkan hal tersebut seperti yang telah dihebahkan.

■1150

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEVI PELEPASAN (PINDAAN) 2022

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.50 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia makmur sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Satu Akta untuk meminda Akta Levi Pelepasan 2019 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Levi Pelepasan (Pindaan) 2022 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Levi Pelepasan 2019 [Akta 813] iaitu dengan memasukkan peruntukan baharu yang bertujuan untuk menambahbaikkan pentadbiran levi pelepasan melalui peruntukan yang membolehkan fasilitasi tertentu diberikan kepada pembayar cukai khususnya semasa berlaku kecemasan awam seperti bencana alam atau krisis kesihatan awam seperti pandemik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini yang mengandungi dua fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 62A dan 62B ke dalam Akta 813. Seksyen 62A memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melanjutkan apa-apa tempoh sebelum tamat tempoh yang ditetapkan di bawah Akta 813 atau perundangan subsidiarinya jika tempoh tersebut tidak dapat dipenuhi oleh mana-mana orang disebabkan berlakunya kecemasan awam seperti bencana alam atau krisis kesihatan awam seperti pandemik.

Sebagai contoh, Akta 813 telah menetapkan bahawa penghantaran penyata dan bayaran levi hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari selepas tamat tempoh bercukai. Namun, disebabkan berlakunya pandemik COVID-19, sektor penerbangan yang telah mengutip levi pelepasan daripada penumpang udara yang meninggalkan Malaysia tidak dapat meremitkan bayaran levi ke Jabatan Kastam dalam tempoh yang ditetapkan susulan sekatan perjalanan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan. Situasi ini menyebabkan levi pelepasan hanya dapat dibayar selepas tamat tempoh 30 hari dan tertakluk kepada dikenakan penalti lewat bayar.

Dengan adanya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan baharu mengenai lanjutan tempoh ini, sekiranya berlaku kecemasan awam atau krisis kesihatan awam pada masa akan datang, Menteri boleh melanjutkan tempoh penghantaran penyata dan bayaran levi melebihi 30 hari jika terdapat kekangan untuk membayar cukai mematuhi tempoh yang ditetapkan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan atau penutupan operasi perniagaan. Lanjutan tempoh boleh diberikan sebagai kelonggaran kepada pihak industri untuk membuat bayaran levi tanpa dikenakan penalti lewat bayar.

Seksyen 62B pula, Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menambah, memotong atau mengubah apa-apa terma dan syarat yang dikenakan menurut Akta 813 dengan syarat bahawa suatu Notis Makluman diberikan terlebih dahulu kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat tersebut. Peruntukan ini dimasukkan sebagai inisiatif yang menyediakan fasilitasi kepada pihak industri sekiranya terdapat keperluan untuk memohon pengubahsuaian terma dan syarat di masa akan datang.

Pindaan Akta 813 ini secara umumnya tidak menjejaskan pengenaan levi pelepasan kepada penumpang udara yang meninggalkan Malaysia dan tidak melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan. Sebaliknya, ia adalah pindaan bersifat positif untuk memberi kelonggaran tertentu kepada sektor penerbangan yang berdaftar dan bertanggung mengutip levi pelepasan dalam melaksanakan obligasi di bawah Akta 813, dan perundangan subsidiarinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah yang menyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Levi Pelepasan 2019 Dibacakan Kali Yang Kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahaskan.

Terdapat lima orang Ahli Yang Berhormat Senator yang mohon untuk memberi ucapan dan saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

11.55 pg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut sama berbahas di dalam perbahasan ini yang melibatkan Rang Undang-undang Levi Pelepasan (Pindaan) 2022 bagi meminda Akta Levi Pelepasan 2019 [Akta 813].

Pindaan ini membolehkan jika terdapat kekangan untuk membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau penutupan operasi perniagaan, pelanjutan tempoh boleh diberikan sebagai kelonggaran untuk pihak industri membayar levi tanpa dikenakan levi lewat bayar. Ini adalah merupakan satu pindaan yang perlu disokong di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya menyokong pindaan RUU ini sebagai usaha untuk memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya berlaku krisis kesihatan seperti mana yang telah kita hadapi sewaktu berhadapan dengan COVID-19. Sememangnya kita memerlukan tindakan yang pantas dan efisien. Walaupun sudah tentulah kita mengharap dan berdoa agar krisis kesihatan seperti pandemik COVID-19 tidak berlaku lagi pada masa akan datang, namun kewaspadaan mestilah kita terus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang mengandungi dua fasal ini memasukkan dua peruntukan baharu bagi menambah baik levi pelepasan melalui fasilitasi tentu yang diberikan kepada pembayar cukai khususnya semasa berlaku kecemasan awam seperti bencana alam. Dengan adanya peruntukan baharu ini, sekiranya berlaku kecemasan atau krisis kesihatan awam di masa akan datang, Menteri Kewangan boleh melanjutkan tempoh penghantaran penyata dan bayaran levi melebihi 30 hari.

Saya melihat bahawa pindaan ini juga berperanan untuk Menteri menggunakan kuasa bagi memastikan bahawa ekonomi rakyat dapat dijana. Memperlihatkan pengalaman negeri melihat bagaimana rakyat kehilangan pekerjaan, pejabat dan kilang terpaksa ditutup dan industri ekonomi terhenti akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) perlu kita elakkan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, saya juga ingin menyatakan di sini berkaitan cukai yang dikenakan kepada rakyat lebih-lebih lagi ketika ini rakyat sedang dalam proses untuk meningkatkan kembali ekonomi masing-masing. Kerajaan mestilah bertindak adil kepada rakyat dalam soal ini. Firman Allah SWT dalam al-Quran, "*Sesungguhnya Allah perintahkan kamu supaya menunaikan amanah kepada ahlinya dan apabila kamu berhukum di antara manusia bahawa kamu menjatuhkan hukuman dengan adil.*" Surah an-Nisa, ayat ke-58.

Tanpa menafikan bahawa selain daripada cukai yang dikutip daripada hasil perniagaan, ada cukai yang dikutip daripada rakyat. Cukai yang diambil daripada rakyat ini juga akan dikembalikan kepada rakyat melalui pelbagai saluran oleh kerajaan termasuk pembinaan infrastruktur. Hasil daripada cukai ini digunakan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus sesebuah negara yang juga bagi digunakan untuk perbelanjaan pembangunan. Saya mencadangkan supaya kerajaan menilai kembali cukai yang dikenakan kepada rakyat yang ingin keluar negara bagi tujuan bukan pelancongan seperti untuk tujuan ibadah, kesihatan dan melanjutkan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Cukai Pelepasan (Pindaan) 2022. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

11.59 pg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sebut nama yang betul. Ada sesetengah Menteri panggil saya 'Naii'. Itu maknanya 'anjing'.

Tuan Yang di-Pertua: Oh ya. Kita sudah bersahabat lama, sebab itu saya kenal.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, terima kasih. Ya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

■1200

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan: Pada tahun 2019, saya adalah salah seorang Ahli Dewan Negara bahas dan menyokong rang undang-undang ini. Sekarang saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah yang telah dikutip daripada penerbangan luar negara dari tahun 2019 sehingga Jun 2022? Ini adalah esok- di Malaysia kita ini ada enam buah lapangan terbang antarabangsa, iaitu: KLIA1 dan 2; Senai, Johor Baru; Langkawi; Pulau Pinang; Kuching; dan Kota Kinabalu.

Kalau boleh setiap lapangan terbang, berapa kita kutip. Tujuan saya tanya ini adalah untuk mengetahui berapakah pendapatan dijana untuk negara kita. Sejak tahun 2019 sehingga sekarang, beberapa buah negara lain yang telah melaksanakan Levi Pelepasan daripada Asia Tenggara dan Asia secara umumnya.

Soalan yang terakhir adalah bolehkah kerajaan mengurangkan levi pelepasan dari lapangan terbang kita ke negara Asia dan negara-negara Asia Tenggara keseluruhannya untuk kelas ekonomi untuk membolehkan golongan B40 dan M40 untuk pergi melancong. Itu sahaja soalan saya dalam rang undang-undang ini. Ini merupakan rekod baharu, tidak sampai tiga minit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu selalu, bagus juga untuk Dewan kita. Tahniah... *[Ketawa]*

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

12.03 tgh.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Membaca sepotong doa]*

Berkenaan dengan Rang Undang-undang Levi Pelepasan (Pindaan) 2022 sewajarnya kita menyokong kerana kerajaan memerlukan sumber kewangan, di samping masalah percukaian ini merupakan masalah yang bukan hanya dilakukan oleh negara kita tetapi hampir ke seluruh negara di dunia ini.

Cukai sebenarnya tidak lain tidak bukan bagi menzahirkan *masalah* yang dibenarkan oleh syarak sama ada bersifat *daruriyat* ataupun *hajiyat*. Ini kerana pemerintah mempunyai tanggungjawab sosial bagi rakyatnya. Sebarang tindakan diikat dengan *masalah* berdasarkan kaedah *tasaruful imam alla ra'yah manutun bil masalah*. Sebarang tindakan pemerintah terhadap rakyat adalah mengikut *masalah*.

Saya menekuni isu percukaian ini kepada dua pandangan yang masyhur. Mengikut Mazhab Hanafi, hukumnya haram. Ini berdasarkan kepada nas, daripada hadis Nabi SAW... *[Membaca sepotong Hadis]* Harta tidak berhak untuk dipungut

melainkan hanya zakat sahaja. Hadis ini riwayat Ibnu Majah tetapi apabila dibahaskan oleh para ulama seperti Imam Nawawi dalam majmuk menyatakan hadis ini *dhaif jiddan* atau dalam erti kata daif yang amat sangat.

Begitu juga Imam Al-Zayla'i ini dalam Mazhab Hanafi sendiri menyebut hadis ini daif, Al Imam as-Suyuthi dalam kitabnya *Al-Jami' Ash-Shaghir* juga menyatakan daif. Justeru, pendapat jumhur ulama daripada kalangan Mazhab Syafie, Maliki dan juga Hambali menyatakan bahawa berhak bagi pihak kerajaan untuk memungut percukaian.

Sebagaimana ulama kemudian seperti Ibnu Hazm, Ibnu Taimiyah, Ibnu al-Musili al-Syafi'i, al-Syatibi, Ibnu Khaldun dan ulama semasa *syaikhul azhar* iaitu Syeikh Mahmud Syaltuk sekitar tahun 60-an dahulu telah memberi pandangan bahawa kerajaan berhak mengenakan cukai kepada rakyat sekadar untuk memenuhi maslahat umum pentadbiran negara dan inilah pandangan yang diterima pakai oleh ulama masa kini seperti Syeikh Dr. Ahmad al-Raysuni dan ini juga berdasarkan kepada kaedah yang masyhur... [*Berucap dalam bahasa Arab*] iaitu di mana kerajaan terpaksa menanggung mudarat yang khusus semata-mata untuk menolak mudarat yang lebih besar.

Ini kerana *maslahah* untuk menanggung dan juga hak sosial atau tanggungjawab kepada rakyat adalah lebih utama. Mengimbas sejarah dalam Islam, kita lihat Sayidina Umar begitu terkehadapan dalam berjihad memperkenalkan cukai-cukai baharu. Di mana kalau kita tengok walaupun zaman Rasulullah SAW terbatas tetapi dalam ruang lingkup keijtihadan para pemimpin, maka Sayidina Umar telah pengijtihad antaranya *kharaj*, *'ushur* dan lain-lain lagi.

Justeru dalam pelaksanaan cukai seperti ini, bukanlah perkara yang asing dan ia dibenarkan mengikut neraca syariah. Cuma beberapa persoalan yang mungkin saya ingin kemukakan di sini dan sedikit cadangan iaitu antaranya, adakah percukaian tersebut dengan harga atau nilainya berapa banyak atas setiap seorang.

Kedua, saya juga ingin mengetahui sebagaimana rakan-rakan kita jumlah yang dipungut hasil daripada levi pelepasan ini.

Ketiga, kita mahu kalau boleh pelaksanaan seperti ini biarlah bersifat adil dan adakah di sana terdapat pengecualian-pengecualian seperti orang mati yang dibawa balik atau dibawa pergi.

Begitu juga orang yang sakit kronik, begitu juga hal-hal yang lain, termasuk sahabat-sahabat kita bertanya isu masalah mereka yang ingin melaksanakan ibadah seperti menunaikan haji, umrah ataupun bagi agama-agama lain untuk ritual masing-masing atau ibadat masing-masing yang memerlukan kepada pergi kepada satu-

satu tempat. Adakah di sana pertimbangan khusus kepada mereka dengan mengurangkan, kalau tidak menghapuskannya.

Tuan Yang di-Pertua, Levi Pelepasan- *departure tax* ini sebenarnya satu hal yang saya lihat amat penting untuk dilaksanakan.

Saya merasakan perkara yang paling penting supaya tidak membebankan rakyat dan tidak menyusahkan rakyat dengan pertimbangan keadaan semasa yang memerlukan sokongan dan dukungan daripada semua pihak kerajaan menyokong rakyat, rakyat menyokong kerajaan sehingga Rang Undang-undang Levi Pelepasan ini dapat dilaksanakan. Justeru, kami mohon menyokong Rang Undang-undang Levi Pelepasan. *Wallahualam.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Pandangan beliau berhubung dengan kepatutan supaya tidak membebankan itu saya kira harus dicatat sebagai tinta emas dalam perjuangan kenegaraan kita.

Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

12.08 tgh.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian.

Sebelum saya pergi jauh, saya mengajak semua untuk merujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maka sesungguhnya bersama kesulitan itu ada kemudahan.

Diulangi lagi, bersama kesulitan ada kemudahan. Bermaksud dalam suasana kita menghadapi COVID-19, maka sepatutnya otak kita ini elastik, dia anjal, dia kena fikir tentang fenomena-fenomena baharu dan otak kita beranjak untuk memikirkan, untuk menghadapi realiti-realiti yang lain. Akan tetapi kalau dalam waktu COVID-19 tersebut negara, perseorangan tidak berfikir. Maka, kita akan sekali lagi dibedal oleh perkara yang sama tanpa kita membuat persiapan.

■1210

Oleh sebab itu, bilamana manusia berfikir, maka, banyak perkara baharu yang kita dapati. Umpamanya, penggunaan telefon. Kalau dulu, terpaksa menggunakan talian tetap. Bagaimanakah kawasan-kawasan di kampung-kampung? Akan tetapi, sekarang *alhamdulillah*. Bila manusia sentiasa berfikir maka, sekarang kita boleh ada telefon bimbit yang boleh berjalan di mana-mana dan di mana-mana tempat.

Begitu juga, hotel kalau dulu. Kalau hotel, pendapatan utamanya daripada *trunk call*, dengan izin. Telefon dari hotel ke luar negara. Hotel dalam Malaysia kah atau hotel mana kah, bila buat panggilan luar, memang pendapatan yang besar bagi hotel. Akan tetapi, bila mana ada telefon bimbit ini, telefon mudah alih dan sebagainya maka, pendapatannya di situ hampir kosong, *almost zero*, dengan izin. Maka, hotel kena fikir bahawa negatif dari situ, di mana punca-punca baharu ia hendak dapati.

Sama dalam kes kita ini. Kita sekarang ini, berbincang dari hari semalam. Hari keempat semalam, hari ini kelima, kesemua di bawah kastam. Yakni, punca kedua pendapatan negara selepas daripada hasil. Oleh sebab kita, setiap tahun negara mesti berbelanja satu angka tertentu dan pada kali ini, mungkin pada baru-baru ini, RM300 lebih sedikit iaitu lebih kurang dalam RM320 bilion, maka, kita menjangkakan mungkin lebih daripada itu kerana kenaikan gaji, emolumen dan sebagainya.

Oleh sebab itu, kerajaan mesti memikirkan supaya pengiktirafan, penarafan negara kita di kaca mata, *rating-rating international* dengan izin, pun penting supaya memberi jaminan, memberi *impetus* dengan izin, dengan *catalyst* dan sebagainya, dengan izin, untuk pelabur-pelabur datang ke Malaysia berbanding negara-negara tetangga terutama Singapura, Thailand, Vietnam dan Indonesia.

Jadi, sebab itu saya melihat bahawa bagi saya, kerajaan mengenakan cukai pelepasan ini- ini cukai-cukai baharu. Nombor akta pun 813. Maknanya, baru lagi akta ini iaitu pada tahun 2019 dan sekarang ini dibuat pindaan. Lazimnya, dari hari semalam, pada 15 Ogos, hari ini 16 Ogos, kesemuanya membincangkan kerana ekoran semua sektor ini, semua akta ini melibatkan impak daripada COVID-19. Di mana, levi pelepasan tidak ada sekiranya orang tidak ke luar negara dan kesukaran mana-mana orang hendak ke luar negara maka, tidak ada lah levi pelepasan. Orang tidak naik kapal terbang, orang tidak naik kapal mewah dan sebagainya, tidak ada levi pelepasan. Maknanya, kita jangkakan pendapatan kerajaan pada ketika itu sangat teruk.

Begitu juga operator-operator, yang mana bila mereka ini menjual tiket dan sebagainya maka, mereka akan mengenakan caj seperti mana telah distatutkan oleh negara kita melalui akta ini. Akan tetapi, oleh sebab tidak ada berlaku begitu, maka, mereka pun tidak kutip tetapi mungkin sebelum COVID-19, mereka sudah kutip. Akan tetapi, mungkin tidak cukup 60 hari, bila mana berlaku COVID-19, maka, mereka terpaksa menggunakan duit-duit tersebut untuk perjalanan, perniagaan masing-masing kerana jatuh mendadak.

Ini kerana saya sendiri pengalaman, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *booking*- telah menempah empat perjalanan antarabangsa bersama isteri saya ke Hawaii. Saya kerugian RM30 ribu, sudah dibayar- sehingga sekarang tidak dapat ke Hawaii. Beza hanya dua bulan selepas COVID-19 diisytiharkan. Bahkan, saya juga sepatut ke Jepun dan Korea. Saya kerugian RM16 ribu, pun tidak dibayar.

Kemudian, membawa rakan-rakan ke Mesir...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dibayar oleh siapa Yang Berhormat?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tidak dibayar oleh ejen-ejen pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua: Oh.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Dengan mengatakan bahawa syarikat-syarikat penerbangan sama ada ke *Emirates, Qatar Airways, AirAsia, Japan Airlines*, semua tidak bayar sehingga sekarang. Jadi, kita pun menimpa nasib kerana sudah ditempah, sudah dibayar. Kalau kita tidak bayar, maka, kos akan meningkat tetapi mereka dan syarikat-syarikat ejen pelancongan ini syarikat yang terkenal. Akan tetapi, mereka mengatakan bahawa mereka tidak dibayar, tempat hotel yang di-*booking* di Honolulu, Hawaii tidak dibayar, bagaimanakah kami hendak membayar kamu?

Jadi, sebab itulah saya faham bahawa negara dan pengendali menghadapi masalah kerana mereka tidak- *business* harus diteruskan, dengan izin. Akan tetapi, mereka tidak mendapat pendapatan dan mereka telah mengutip pada awalnya sebelum COVID-19 bagi pihak kerajaan, maka, mereka tidak membayar kerana alasan-alasan untuk meneruskan perniagaan mereka.

Akan tetapi, kita perhatikan bahawa kerajaan secara umumnya pada 15 hari bulan dan 16 hari bulan, adalah untuk memberi kelonggaran, diberi ruang untuk berbincang bagaimana cara hendak bayar, bila hendak bayar. Ini kerana kerajaan pun selain memikirkan nasib rakyat-rakyat marhaen yang telah diberi subsidi berkali-kali, maka, kerajaan juga memikirkan tentang pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga ini. Ini kerana peniaga-peniaga ini kalau mereka menutup perniagaan, maka, banyak mana peluang pekerjaan yang terlepas kepada rakyat Malaysia.

Oleh sebab itu saya bersetuju, sekiranya kita memikirkan satu soalan yang, *vocabulary* Inggeris mengatakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *very interesting*. Satu usaha yang sangat menarik.

Tuan Yang di-Pertua: Sangat menarik.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: [*Ketawa*] Sangat menarik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yakni, kita hendak tanya kerajaan, dalam tempoh COVID-19 yang diisytiharkan rasmi, berapa jumlah daripada rekod kerajaan yang

berjaya dikutip? Maksudnya, kita tahu sebab levi ini dikenakan tambahan kepada cukai. Selepas daripada cukai, jadi, kerajaan pun seganlah hendak menggunakan perkataan cukai lagi. Cukai, cukai, cukai.

Nanti persepsi rakyat itu tidak berapa positif kepada kerajaan. Maka, selepas perkataan cukai diguna perkataan lain supaya nampak satu pengasingan dan nampak tidak cukailah. Jadi, ia sebenarnya levi. Levi ini kita hendak tanya, berapa pendapatan levi sepanjang tempoh rasmi COVID-19 yang diisytiharkan oleh kerajaan? Kita hendak tahu juga. Maksudnya, kita boleh agak berapa bilangan perjalanan ke luar negara yang berlaku.

Di samping itu juga, kita hendak tengok kepada kerajaan supaya ada dalam akta ini, supaya dalam kerajaan hendak berbincang itu, maka, dalam keseluruhan akta yang kita bincang, sembilan akta ini, supaya diberi kuasa kepada Menteri, dengan nasihat, berbincang dengan Ketua Pengarah, menukar terma, menetapkan tempoh.

Maka, saya haraplah supaya semua pihak ini berpuas hati bilamana kita berbincang, biar kedua-dua pihak berpuas hati. Umpamanya, kerajaan melibatkan semua pemegang taruh kepada industri yang berkenaan yang melibatkan levi pelepasan ini supaya kedua-dua pihak itu berpuas hati daripada segi mana terma dan syarat seperti yang telah diubahsuai dan juga tarikh terma dan syarat diubahsuai itu untuk di-*enforce*, dikuatkuasakan.

Jadi, *insya-Allah* saya sekali lagilah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan. Hari semalam dan hari ini, banyak lah saya- tiap-tiap akta pindaan ini saya ucapkan terima kasih kerana akta-akta ini semua akta baharulah lazim-lazimnya. Semua dalam tahun 2018, 2019. Jadi, baru tetapi sudah menjalani pindaan. Walaupun sudah dua tahun, satu tahun, sudah ada pindaan kerana ada benda-benda luar jangka yang pada masa digubal, penggubal dan kerajaan tidak menduga ada benda-benda yang berlaku ke depan. Itu kelemahan manusialah, Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi, satu perkara Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, saya ada di depan bekas Mufti Wilayah Persekutuan, dan saya mengikuti kuliah Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri kita ini. Saya memang *alhamdulillah*, sudah dua tiga kali sempat berjalan... [Ketawa] Ber-*rehlah* dengan Yang Berhormat Senator Datuk Mufti kita ini. *Alhamdulillah*, satu kenikmatan bagi saya. Akan tetapi, hari ini saya hendak memberitahu kepada kita bahawa pernah berlaku dalam sejarah kerajaan.

Semasa satu buah kerajaan, tidak lama pun, tiga tahun lapan bulan sahaja. Bagaimana sebuah negara yang betul-betul berlaku... *[Berucap dalam bahasa Arab]. "Negara yang baik yang sentiasa mendapat maghfirah daripada Allah SWT".*

Jadi, negara ini pernah berlaku tiga tahun lapan bulan yang dipimpin oleh seorang insan yang bernama Umar Abdul Aziz, gelarannya. Kalau adalah seorang lagi Khalifah Ar-Rasyidin, maka, dia yang kelima, kalau ditambah. Pada waktu pemerintahan dia ini Tuan Yang di-Pertua- ini kita kena buat kajian. Kenapakah tiga tahun lapan bulan? Bila mana dia hendak mencari orang miskin, dia arahkan semua pegawai kerajaan supaya mencari orang miskin. Tidak ketemu orang miskin.

■1220

Satu jajahan negara yang diperintah berkali-kali ganda lebih besar dari Malaysia. Orang miskin tidak bertemu. Dia menawarkan supaya mana-mana anak muda supaya tidak terlibat dengan perzinaan ataupun seks sebelum kahwin, seks luar nikah maka dia menawarkan wang untuk mas kahwin. Diketahui, dicari tetapi tidak ketemu.

Ini satu yang tidak logik kalau kita fikir. Tidak ketemu yang sanggup menerima. Ini kerana masing-masing rakyat sudah selesa, sudah cukup duit. Mungkin tidak kaya tetapi selesa dan ada pendapatan yang- walaupun tidak kaya tetapi selesa dan tidak perlu pada bantuan kerajaan. Terakhir yang paling unik-serigala-serigala tidak makan kambing pada waktu dia. Ini kerana serigala dah ada makanan-makanan dia. Kambing-kambing boleh berteman dengan serigala.

Ini sejarah benar. Maka, kita melihat kerana jadi begitu?

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak sampai ke mana ini Yang Berhormat?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Saya hendak bagi tahu bahawa hendak beri kekuatan, hendak beri semangat kepada kerajaan. Jangan kita bimbang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dia terpinga-pinga juga macam mana hendak jawab ini... *[Ketawa]*

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Kita ini dalam Dewan susah cakap, orang berpengalaman ini. Saya kagum dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Betul. Saya baru memang kita kena *facing* ini. Jadi, maknanya perkara yang saya sebutkan tadi untuk memberi semangat dan untuk memberi kekuatan kepada kerajaan bahawa sekiranya Khalifah Umar Abdul Aziz boleh lakukan, kenapakah kita tidak boleh lakukan? Antara perkara-perkara yang kita lihat ialah Khalifah Umar Abdul Aziz ini dia hidup di bawah kemampuannya.

Barang kemas isteri dia bukan hak milik kerajaan. Dia tidak beli barang kemas mahal-mahal. Hak milik yang telah diwariskan oleh bapa dia yang juga sultan pada ketika itu. Maka, dia menawarkan. Kalau- minta maaf lah kaum hawa ya. Dia kata sekiranya kamu hendak tinggal bersama aku, maka barang kemas ini beri kepada perbendaharaan. Maka, isteri ini yang begitu taat pilih untuk duduk bersama suami daripada memakai emas yang sekarang mungkin ratusan juta. Anak raja, sebuah kerajaan yang besar.

Semasa menggunakan lampu pada waktu malam, dia tidak menggunakan lampu kerajaan bilamana melakukan hal-hal peribadi. Bayangkanlah kalau kita hendak melihat pada satu kejayaan negara, pemimpin itu sendiri dia mesti menunjukkan betapa dia itu sayang, cinta, kasih negara seperti mana dia kasih pada diri dia, dia kasih pada keluarga dia, di mana dia meletakkan keutamaan rakyat dan negara mengatasi keutamaan peribadi. *Insya-Allah* kalau ini berlaku, LCS tidak berlaku. *Insya-Allah... [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah berlalu.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: *Littoral Combat Ship* tidak berlaku. Jadi, saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, mari kita yakini perkara yang boleh berlaku dalam sejarah dahulu kenapa ia tidak boleh berlaku pada sekarang ini sekiranya kita mengamali apa yang dipraktikkan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz, *Insya-Allah* negara sekarang, pemimpin sekarang mempraktikkan *insya-Allah* hasilnya juga akan mendapat hasil yang sama. Sekian *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

12.23 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih empat orang Ahli Dewan Negara yang mengambil bahagian dalam pindaan Akta Undang-undang Levi Pelepasan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bersekali

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: ...Menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan...

Tuan Yang di-Pertua: Semasa Yang Berhormat menjawab, sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai poin ya ataupun natijah, silalah kemukakan.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Saya hendak menyentuh yang pertamanya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. *Part* yang pertama. *Part* yang kedua itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mampu hendak menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Kedua itu, *wallahualam*.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: [*Ketawa*] Saya minta mereka yang lebih arif dalam perkara tersebut untuk menjawabnya. Betul Yang Berhormat, pindaan ini yang kita lakukan ini untuk memberi sudut pandang positif pihak Kementerian Kewangan kepada pihak industri. Sudah pasti pindaan-pindaan yang dibuat ini berdasarkan apa yang kita lalui sepanjang tempoh dua tahun apabila kita dilanda COVID-19. Itu yang pertama.

Kedua, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan berkaitan adakah cukai yang dikenakan ini adalah membebankan dan bagaimana untuk ibadah, kesihatan dan belajar? Seperti mana yang kita sedia maklum Ahli Yang Berhormat, levi ini dikenakan kepada mereka yang meninggalkan Malaysia untuk ke luar negara. Sudah pasti levi ini adalah untuk kita mempelbagaikan hasil melalui satu bentuk cukai yang tidak langsung yang dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Cuma, Yang Berhormat kadar levi pelepasan ini kita memang seboleh-bolehnya bersifat adil bagi mereka yang menaiki ekonomi. Untuk negara-negara ASEAN, kita hanya kenakan sebanyak RM8 sahaja untuk mereka bergerak ke negara-negara ASEAN sebanyak RM8 dan sekiranya mereka mampu untuk pergi negara di luar negara-negara ASEAN, kita kenakan RM20 untuk kelas ekonomi. Untuk kelas *business*, kita kenakan untuk negara-negara ASEAN sebanyak RM50 dan kelas *business* untuk negara-negara selain dari negara-negara ASEAN sebanyak RM150.

Itu sebabnya Yang Berhormat, sekiranya ada pandangan-pandangan kadar ini perlu diturunkan kita akan lihat momentum industri penerbangan itu sendiri dan bagaimana keadaan. Sudah pasti kerajaan amat sensitif tentang perkara-perkara yang membebankan rakyat. Dalam masa yang sama, kita juga kena seimbang dengan kemampuan fiskal negara untuk membolehkan kerajaan memberi suntikan-suntikan kepada pakej-pakej ekonomi disebabkan apa yang kita hadapi dalam tempoh dua tahun yang lalu.

Ada juga Yang Berhormat membangkitkan tentang jumlah kutipan sejak Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair membangkitkan berapakah kutipan bermula 2019 sehinggalah sekarang? Untuk makluman Yang

Berhormat, 1 September 2019 sehingga Julai 2022, kutipan kita hanya RM202 juta. Walau bagaimanapun, semasa kita hendak memperkenalkan rang undang-undang ini kita *target* RM800 juta Yang Berhormat. Disebabkan penurunan yang amat-amat ketara ini disebabkan apabila kita tidak ada pelepasan *border* antarabangsa dan banyak industri penerbangan tidak dapat beroperasi ketika COVID-19.

Ada juga Yang Berhormat membangkitkan ke mana duit ini disalurkan? Sudah pasti di bawah Perlembagaan Persekutuan 97(1), segala kutipan Levi mesti dimasukkan dalam Akaun Hasil Disatukan dan kita salurkan semua kutipan tersebut kepada perkara-perkara yang membolehkan kita membantu rakyat di bawah kementerian, agensi pembiayaan untuk membolehkan negara kita membangun.

Ada juga yang membangkitkan adakah ada layanan khas kepada mereka yang melakukan tujuan agama bergerak ke luar negara? Ada Yang Berhormat. Kita bagi layanan khas kepada mereka yang ingin meninggalkan Malaysia untuk membuat umrah dan haji dan termasuk juga kepada mereka yang bukan Islam yang ingin meninggalkan negara untuk tujuan-tujuan agama, kita beri layanan khas di mana semasa mereka membayar cukai pendapatan, mereka boleh *rebate* jumlah tersebut levi pelepasan dua kali seumur hidup. Maknanya, bagi pembayar-pembayar cukai mereka boleh menyatakan butiran-butiran resit dan kita akan bagi secara *rebate*, Levi Pelepasan ini sebanyak dua kali seumur hidup.

Cuma yang berkaitan dengan pelajar untuk ke luar negara masih dikenakan cukai Levi. Namun, sekiranya perlu kerajaan akan bersedia untuk menilai apakah keperluan juga layanan khas perlu diberikan kepada pelajar-pelajar.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator membangkitkan negara mana yang membuat levi pelepasan seperti mana yang kita kenakan di negara kita? Kita ada Australia, Austria, Kanada, China, Jerman dan banyak lagi negara-negara yang mengenakan levi ini.

Sudah pasti Yang Berhormat, seperti mana yang saya kerap kali saya maklumkan dalam Dewan ini sebarang *measures* inisiatif yang kita buat untuk meluaskan hasil negara, kita akan lihat libat urus dan buat tengok *best practices*, amalan-amalan terbaik negara-negara luar supaya apa yang kita buat ini dapat kita seimbangkanlah antara kemapanan fiskal negara dan kebajikan rakyat.

Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengambil bahagian dalam Akta Levi Pelepasan kali ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Demikian penjelasan dan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

■1230

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan II (Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2022

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.31 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2022 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022 yang dicadangkan ini merupakan pindaan ke atas Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806]. Pindaan ini dibuat secara asasnya melibatkan pindaan ke atas empat seksyen sedia ada dan mewujudkan lima seksyen, satu jadual dan satu bahagian baharu dalam akta tersebut. Antara pindaan utama yang dibuat adalah bagi memperluaskan skop kenaikan cukai jualan dengan mengenakan cukai jualan ke atas barang bernilai rendah atau, dengan izin, *low value goods* (LVG) yang dijual secara atas talian dan barang tersebut diimport masuk ke Malaysia.

Cadangan peluasan skop ini merupakan salah satu langkah cukai yang telah diumumkan dalam pembentangan Bajet 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, LVG iaitu RM500 ke bawah tidak dikenakan sebarang cukai apabila ia diimport masuk ke dalam Malaysia selaras dengan kemudahan *de minimis*. Namun demikian, didapati cara ini menyebabkan layanan tidak adil, terutamanya kepada peniaga tempatan kerana barang yang diimport dari luar negara tidak dikenakan cukai sedangkan barang keluaran tempatan tertakluk kepada keenaan cukai jualan pada kadar yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada layanan tidak adil, kemudahan *de minimis* ini juga telah didapati diambil kesempatan oleh pihak tertentu. Sebagai contoh, barang bernilai tinggi diikrarkan sebagai barang bernilai RM500 dan ke bawah bagi mengelakkan daripada membayar cukai, duti dan menyebabkan kerugian kepada kerajaan.

Berdasarkan maklumat dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), sebanyak 1,922 kesalahan pengikraran dagangan *de minimis* telah direkodkan bagi tahun 2020. Pada tahun 2021, terdapat 1,228 transaksi yang melibatkan kesalahan pengikraran barang *de minimis*. Manakala sehingga Jun 2022, sebanyak 276 kesalahan pengikraran telah direkodkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan peluasan skop keenaan ini bukan merupakan langkah ke belakang dan Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang akan melaksanakannya. Negara seperti Australia, New Zealand, *United Kingdom* dan Norway telah pun mengenakan cukai sama ada GST atau VAT ke atas LVG. Singapura juga akan melaksanakan perkara yang sama pada 1 Januari 2022 di mana barang bernilai SGD400 dikenakan GST pada kadar tujuh peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, peluasan skop cukai jualan ini secara tidak langsung dapat memberi hasil tambahan kepada kerajaan dengan anggaran kutipan sebanyak RM200 juta. Ini pastinya akan digunakan sepenuhnya bagi pembangunan negara dan akan memberi manfaat kepada rakyat terutamanya golongan yang memerlukan.

Selain itu, pindaan yang dicadangkan rang undang-undang ini juga berkaitan dengan kemudahan yang disediakan seperti pihak pengilang daripada aspek pelanjutan tempoh masa bagi melaksanakan sesuatu obligasi atau pindaan ke atas terma dan syarat yang ditetapkan dalam keadaan tertentu, pembatalan pendaftaran dan peremitan cukai bagi keadaan tertentu. Terdapat juga pindaan tambahan lain yang bertujuan untuk memperjelas dan memperkemaskan peruntukan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 10 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan memasukkan Bahagian baharu IIIA mengenai pengenaan cukai jualan ke atas LVG dan seksyen baharu 11A, 11B, 11C dan 11D ke dalam Akta 806.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 19(5) ke dalam Akta 806 bagi membolehkan Ketua Pengarah Kastam membatalkan pendaftaran pengilang berdaftar sekiranya telah dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta 806.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 57A yang memperuntukkan bahawa sekiranya terdapat pengurangan dalam kuantiti barang bercukai yang sepatutnya dijumpai dalam kawasan khas, cukai yang boleh dilevikan ke atas barang yang dijumpai kurang tersebut. Manakala subseksyen 57A(2) memperuntukkan bahawa jika pengurangan yang disebut dalam subseksyen 57A(1) disebabkan kebocoran, pecah atau kemalangan lain, cukai jualan boleh diremitkan ke atas barang yang dijumpai kurang itu.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda perenggan 91(a) bagi memasukkan rujukan kepada pekerja di bawah seksyen 89, Akta 806 berkenaan perlakuan satu kesalahan di bawah seksyen 91, Akta 806.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 106, Akta 806 bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan mengenai perkara yang berhubung dengan LVG.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 bertujuan memasukkan seksyen baharu 106A, dan 106B ke dalam Akta 806. Seksyen 106A memberi kuasa kepada Menteri bagi melanjutkan tempoh untuk melakukan perbuatan atau benda yang perlu disempurnakan dalam tempoh tertentu di bawah Akta 806 sekiranya dia berpuas hati bahawa perbuatan atau benda itu tidak dapat disempurnakan dalam tempoh itu disebabkan berlakunya apa-apa kecemasan awam atau krisis kesihatan awam.

Manakala seksyen 106B memberi kuasa kepada Menteri untuk menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat yang dikenakan menurut kuasa Akta 806 bagi maksud melaksanakan tujuan Akta 806 dengan syarat bahawa notis munasabah diberikan kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat tersebut.

Fasal 8, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk memasukkan jadual baharu ke dalam Akta 806 yang menyatakan pengubahsuaian kepada peruntukan Akta 806 yang terpakai kepada LVG. Peruntukan, antara lain, mengubahsuai Akta 806 dengan

mengganti perkataan 'pengilang', 'pengilang berdaftar' dan 'barang bercukai' kepada 'penjual', 'penjual berdaftar' dan 'barang bernilai rendah'.

■1240

Tuan Yang di-Pertua Fasal 9 dan 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan. Selain itu, pindaan yang tidak dinyatakan secara khusus merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih. Penyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menzahirkan hasrat untuk membahaskan rang undang-undang ini. Justeru, kita memberi alokasi tujuh minit maksimum bagi seseorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

12.41 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Globalisasi ekonomi yang memberi kelebihan kepada pengguna di negara ini untuk mendapatkan barangan berkualiti dari negara-negara pengimport. Sistem pembayaran dalam talian telah dijadikan sebagai kaedah pembayaran bagi satu-satu transaksi pembelian yang dibuat secara dalam talian menerusi aplikasi e-dagang.

Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri, sebanyak 20,000 kes jenayah siber dilaporkan pada tahun lalu dengan jumlah kerugian sebanyak RM500 juta ditanggung oleh mangsa. Angka tersebut bukanlah satu angka yang kecil yang boleh dipandang ringan oleh kerajaan. Jenayah siber yang antaranya melibatkan kegiatan memanipulasi *online payment system* seharusnya diberi perhatian serius oleh MOF...

Tuan Yang di-Pertua: Ini termasuk *scammer* atau tidak?

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ya, termasuk semua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, termasuk.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: ...Serta kementerian-kementerian lain yang berkaitan. Pada hari Khamis minggu lalu, *netizen* telah dikejutkan dengan

berita mengenai penyelewengan sistem pembayaran atas talian yang dikenali sebagai iPay88. Menurut kenyataan Gabenor Bank Negara Malaysia pada Jumaat lalu, penyelewengan sistem pembayaran dalam talian sebenarnya telah berlaku pada bulan Mei lalu. Anehnya, Bank Negara baru dimaklumkan berkenaan hal tersebut pada hujung bulan lalu.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu hari ini, aspek keselamatan bagi sistem pembayaran dalam talian seharusnya dititikberatkan oleh kerajaan khususnya MOF, BNM dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya ingin menegaskan agar Kementerian Kewangan serta Bank Negara Malaysia (BNM) dapat melakukan siasatan terperinci bagi mengesan punca serta dalang yang terlibat dalam kes penyelewengan iPay88 serta platform-platform pembayaran dalam talian yang lain. Saya ingin mengulangi pendirian Yang Berhormat Lembah Pantai agar penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja iaitu *Royal Commissioner of Inquiry*, dapat ditubuhkan dengan kadar yang segera.

Penubuhan RCI seperti yang dicadangkan tersebut akan berupaya mengendalikan siasatan bersepadu secara terperinci. Rakyat mahu satu siasatan dibuat bagi mengesan aliran wang atau *money trail* yang mempunyai hubungan dengan sindiket penyelewengan sistem iPay88 tersebut serta mana-mana sistem *online payment* yang lain. Sampai bila MOF mahu gunakan alasan, dengan izin, *that is not our scope of responsibility* sedangkan ramai rakyat kehilangan duit pendapatan mereka akibat kelemahan sistem keselamatan pembayaran dalam talian.

Secara dasarnya, saya sokong penuh pelaksanaan cukai terhadap barangan import bernilai rendah yang diniagakan secara dalam talian. Bagi saya, kadar cukai yang dikenakan memadai memandangkan ia melibatkan barangan keluaran negara luar. Cuma kadarnya berapa dan sistem yang akan digunakan untuk mengira cukai. MOF dan Bank Negara Malaysia seharusnya mewujudkan satu set pematuhan sistem keselamatan pembayaran dalam talian sebagai tambahan kepada pematuhan atau regulasi yang sedia ada pada hari ini.

Sejajar dengan pindaan Akta Cukai Jualan ini, saya mewakili suara seluruh vendor serta peniaga dalam talian mengharapkan agar Kementerian Kewangan dapat merangka pelan penyelesaian dan yang boleh mempertingkatkan tahap keselamatan sistem pembayaran serta sistem perbankan dalam talian. Tanpa kita sedar, kelemahan sistem pembayaran dalam talian boleh mengundang kesan domino kepada keyakinan rakyat terhadap kredibiliti sistem pembayaran dalam talian.

Kes penyelewengan sistem iPay88 tersebut telah mengundang ketakutan kepada pengguna terutamanya pengguna tetap bagi platform e-dagang. Ketakutan

tersebut boleh menyebabkan mereka memilih untuk tidak lagi berurusan secara dalam talian. Dalam hal tersebut, sudah tentu memberi kesan kepada MOF dalam aspek perolehan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai inti pati terakhir, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan peruntukan seksyen 11D seperti yang digariskan dalam peruntukan tersebut. Peniaga dalam talian yang berdaftar dikehendaki memaparkan maklumat atau butiran pada bungkusan barangan yang dijual. Berkenaan dengan hal ini, saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab tiga perkara.

Pertama, adakah signifikan pelaksanaan pematuhan baharu tersebut tidak kepatuhan sebegitu boleh menimbulkan kerumitan kepada peniaga serta menambahkan kos kepada peniaga yang perlu menyediakan pembungkusan seperti yang digariskan.

Kedua, apakah butiran-butiran wajib yang perlu dinyatakan pada pembungkusan?

Ketiga, adakah pihak penjual akan dikenakan sebarang bentuk sekatan atau penalti sekiranya gagal menyediakan pembungkusan bermaklumat bagi barangan yang dihantar ke negara ini?

Sebelum mengakhiri perbahasan, saya ingin mencadangkan kepada MOF agar barang-barang tiruan yang dihasilkan oleh pengilang dari negara China disekat daripada diniagakan dalam mana-mana platform e-dagang di negara ini terutamanya barangan elektrik dan barangan elektronik yang melibatkan keselamatan pengguna. Menerusi kuat kuasa pindaan akta ini, MOF perlu memastikan bahawa mana-mana platform e-dagang tidak lagi bersekongkol dengan peniaga-peniaga barangan tiruan dari China untuk menjual barangan tiruan pada harga yang lebih murah.

Kerajaan menerusi MOF serta kementerian-kementerian yang berkaitan perlu mengenakan syarat sekatan terhadap *China made items* yang tidak menyediakan garis piawaian keselamatan bagi barangan elektrik dan elektronik kepada penyedia platform e-dagang.

Bagi barangan palsu atau dikenali sebagai *copy original* dengan izin, seperti jam tangan berjenama yang dijual pada harga yang murah juga perlu dikenakan sekatan oleh platform e-dagang sebagai tanda. Pengenaan sekatan tersebut penting untuk mendidik para pengguna agar sentiasa mengutamakan kualiti bagi setiap sen yang dibelanjakan secara dalam talian. Mohon pertimbangan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan cadangan saya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya tentang RUU ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim.

12.49 tgh.

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas pada tengah hari ini. Rang Undang-undang Cukai Jualan ini adalah bertujuan untuk mengenakan cukai jualan ke atas barang-barang nilai murah.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Majlis Senator Malaysia menerima kehadiran dan kedatangan lebih kurang 20 orang yang terkesan dengan COVID-19. Ada di antara mereka yang hampir-hampir membunuh diri dan ada juga yang sekarang ini hampir-hampir dihalau dari rumah sewa mereka.

■1250

Mereka datang untuk meminta bantuan daripada Majlis Senator Malaysia bagi mendapatkan pengeluaran wang KWSP yang bersasar sebab mereka ingin memulakan perniagaan. Akan tetapi, bila barang-barang yang bernilai rendah yang diimport daripada negara luar dan akan dikenakan cukai ini menjadikan awalan mereka untuk berniaga itu agak sikit- dia punya kebolehan tersekat sedikit ataupun terhenti sedikit.

Oleh sebab itu, soalan saya terhadap perkara ini adalah adakah kerajaan akan mengenakan kadar cukai sebanyak 10 peratus? Tadi, Timbalan Menteri ada menyebut Singapura mengenakan cukai sebanyak tujuh peratus. Adakah kita akan mengenakan sebagaimana 10 peratus?

Bagi saya, saya cadangkan kita mula daripada peringkat bawah, mungkin lima peratus itu tidaklah membebankan kepada mereka yang akan berniaga terutama mereka ini yang cuba hendak berniaga ini orang-orang yang sebelum ini bekerja dan dah kena buang kerja dan mereka ini yang di bawah B40. Jadi, kita kenalah memberi perhatian kepada kehidupan mereka.

Selain daripada itu, saya juga ingin tahu adakah pungutan ini akan dibuat secara *collection* – cukai ini akan dipungut melalui satu ejen ataupun terus pergi ke kastam ataupun macam mana. Oleh sebab barang-barang ini diimport daripada luaran. Jadi, bagaimana pungutan itu akan dibuat. Jadi, itulah pada pandangan saya. Dengan itu saya menyudahi dengan *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam* dan dibuat catatan. Ketiga, Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

12.52 tgh.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut sama berbahas dalam perbahasan ini yang melibatkan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022 bagi meminda Akta Cukai Jualan 2018 iaitu Akta 806 melibatkan pindaan ke atas empat seksyen sedia ada dan mewujudkan lima seksyen, satu jadual dan satu bahagian baharu dalam akta tersebut.

Dewan Rakyat turut meluluskan Rang undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022 yang mengandungi 10 fasal dan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2022 yang mengandungi tujuh fasal. Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk mengenakan cukai terbaru ini sudah tentulah akan dilihat sebagai satu bebanan baru kepada rakyat yang kini sedang berhadapan dengan pemulihan dari COVID-19.

Mengikut jawapan Timbalan Menteri Kewangan di dalam Dewan Rakyat ketika menjawab keperluan untuk meminda akta ini menyatakan bahawa pindaan akta ini adalah bagi meluaskan skop kenaaan Cukai Jualan dan mengenakan Cukai Jualan ke atas Barangan Bernilai Rendah (LVG) yang dijual secara dalam talian dan barang tersebut diimport masuk ke Malaysia. Untuk rekod di dalam Dewan Negara, LVG bernilai RM500 dan ke bawah. Pada ketika ini tidak dikenakan sebarang cukai apabila diimport masuk ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Saidina Umar Al-Khattab ketika memerintah telah memperkenalkan cukai-cukai baru yang belum pernah wujud pada zaman Nabi Muhammad SAW. Antaranya ialah *kharaj* iaitu Cukai Tanah, Cukai Perniagaan dan beberapa cukai yang lain-lain. Dalam kaedah *fiqh* menyebutkan tindakan pemerintah terhadap rakyat adalah mengikut maslahat.

Maknanya, setelah pemerintah mendapatkan nasihat daripada pakar-pakar, maka pemerintah boleh mengenakan cukai yang sewajarnya. Maka saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada kerajaan telah pun mengambil kira pandangan-pandangan daripada mereka yang pakar dan telus dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, cukai yang dikenakan ini adalah bagi memberikan keadilan kepada peniaga tempatan kerana barangan yang diimport tidak dikenakan cukai sedangkan barangan keluaran tempatan tertakluk kepada kenaaan Cukai Jualan pada kadar yang ditetapkan. Dari satu sudut nampak seperti adil kerana kedua-dua pihak dikenakan cukai. Namun, adakah kerajaan tidak berhasrat untuk tidak mengenakan cukai pada kadar yang sama?

Kepada kedua-dua pihak iaitu barangan dari dalam dan luar negara. Jika tidak dikenakan cukai LVG bernilai RM500 kepada peniaga tempatan, berapa

jangkaan kehilangan cukai yang sepatutnya diterima oleh kerajaan? Keduanya, sekiranya pindaan ini diluluskan, berapakah jangkaan perolehan yang akan diterima oleh kerajaan? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan bagaimana dan apakah langkah-langkah yang kerajaan akan lakukan bagi memastikan bahawa ketirisan dapat dielakkan dalam melaksanakan cukai jualan ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022. Sekian, terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

12.57 tgh.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia kepada Tuan Yang di-Pertua dan seluruh sahabat Yang Berhormat Senator sekalian. Sebelum saya melanjutkan dapatan saya tentang isu Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806]. Saya hendak mengajak semua untuk merujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Ayat 90 yang bermaksud, “Allah perintah untuk berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi bantuan kepada kerabat, dan Allah melarang perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran agar kamu mengambil pembelajaran”.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Cukai Jualan pindaan kali ini berfokus kepada yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi *Low Value Goods* (LVG) yakni yang secara e-dagang atau dalam talian. Saya mohonlah kerajaan beri fokus kerana ini merupakan perniagaan model baharu. Dia akan sentiasa berkembang bukan dengan skala kecil tetapi skala mega. Ini kerana anak-anak muda sekarang bila kita latih berniaga, mereka *habit* mereka dan kecenderungan mereka tinggi untuk berniaga, berdagang secara dalam talian.

Apa yang penting kita mesti memberi keadilan kepada mereka yang berniaga secara konservatif dan juga kepada mereka yang berniaga secara dalam talian. Ini kerana adalah tidak adil sekiranya mereka yang berniaga secara dalam talian dibebaskan, dilepaskan daripada cukai jualan. Akan tetapi mereka yang berniaga secara konservatif ini dikenakan. Saya mengucapkan terima kasih banyak kerana kerajaan Malaysia antara kerajaan yang agak awal yang mengenakan cukai ini. *Insyah-Allah* kita yakin kalau cukai ini dikenakan, ia tidak membantut segmen perniagaan ini.

Cuma saya bimbang bagi saya Tuan Yang di-Pertua apa yang saya bimbang tentang mekanisme di peringkat kerajaan untuk memantau setakat mana dengan izin

supercomputer Malaysia ini, *supercomputer* Kementerian Kewangan untuk memantau semua pembelian yang digunakan secara dalam talian. Bagi saya, kita tidak boleh hadkan setakat RM500. Bagi kita keadilan itu yang penting. Walau berapa pun nilai dia, sekiranya mereka yang terlibat dengan perniagaan konservatif dikenakan walaupun nilainya kecil maka yang melibatkan dalam perniagaan e-dagang ataupun atas talian pun mesti dikenakan juga supaya ada keadilan di situ. Ini kerana kita tidak boleh memberi kelebihan atau, dengan izin, *advantage* kepada mereka dalam talian kerana mereka yang dalam talian ini memang sudah ada *advantage*, dengan izin, kerana mereka tidak ada premis.

Tuan Yang di-Pertua: Kelebihan. *Advantage*?

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Kelebihan dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Dalam pada itu hari pun dah pukul satu.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Saya sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat ingin menyambung, ada lagi lima minit selepas makan tengah hari ataupun 2.30 petang. Dengan itu, saya tangguhkan persidangan sehingga 2.30 petang.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Boleh. Bagi semangat baru. Tunggu ya... *[Ketawa]* *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Adik saya itu.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Kita sambung balik pada perbahasan bagi Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022.

Saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad.

2.32 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia, Tuan Yang di-Pertua dan Sahabat-sahabat Senator sekalian. Bagi saya menyambung Akta Cukai Jualan 2018, *[Akta 806]*.

Jadi, *insya-Allah* kita membincangkan Akta Cukai Jualan dan tujuan dibuat pindaan ini ialah untuk memasukkan *Low Value Goods* (LGV) maknanya melalui perniagaan atas talian. Jadi, saya secara umumnya, mana-mana negara yang

berlaku banyak transaksi dan sebahagian besar transaksi sama ada penginapan, restoran dan sebagainya ada cukai jualan. Jadi, lebih banyak berlaku transaksi tersebut. Maka, *insya-Allah* banyaklah hasil yang kerajaan boleh dapat.

Kalau kita lihat Malaysia umpamanya, negara kita yang jumlah penduduk warganegara ialah 32 juta orang, termasuk pendatang tanpa izin (PTI) mungkin ia boleh pergi sampai 37 juta orang. Jadi, maknanya transaksi perniagaan banyak berlaku. Apa jua makanan, apa jua minuman, apa jua restoran, *insya-Allah* ada cukai-cukai jualan di situ.

Jadi, apa yang saya nak tekankan bahawa dalam hal jualan dalam talian ini, saya harap sangat kerajaan belajar daripada negara-negara yang maju daripada segi memantau supaya tidak ada ikan yang terlepas daripada pukut walau sekecil ikan. Kita bukan sahaja hendak tangkap ikan-ikan besar. Dalam kes SPRM, memang kita hendak tangkap ikan-ikan besarlah supaya memberi pengajaran kepada ikan-ikan kecil.

Akan tetapi, kita hendak supaya tidak ada yang terlepas. Tidak ada kebocoran. Untuk siapakah? Untuk negara yang beri balik pulangan kepada rakyat. Jadi, saya masih sangsi dengan ikhlas, dengan izin, sangsi dengan keupayaan kerajaan dalam mekanisme mereka mengawal tentang di mana, tahap mana, tempoh mana, *period* mana? Masa barangan di mana? Masa barangan itu sudah sampai kah ataupun pembeli itu diwajibkan bayar dulu cukai? Saya bimbang kalau misal kata operator-operator di luar negara, seperti yang dibimbangkan oleh sahabat-sahabat kita – operator-operator di luar negara.

Saya fikir kita tidak ada kekuatan untuk mencukai mereka, cukai jualan ini kalau kita menggunakan cukai atas talian. Sudah tentu sebelum pembelian itu, maknanya semua sistem perbankan sudah memantau. Saya rasa *insya-Allah*, kalau di situ kerajaan boleh pantau sebelum pembayaran dibuat, maka sudah dilihat bahawa terus dikenakan cukai, *insya-Allah* maka kita tidak terlepaslah, kita mendapat tambahan hasil. Ini kerana bagi saya, mungkin sekarang ini, keseluruhan jualan dalam negara ini, kalau dikira-kira tidak kurang dari RM1 trilion. Memang tidak akan kurang dari RM1 trilion. Segala bentuk jualan yang berlaku sekarang ini, transaksi jualan.

Jadi, mungkin dalam sudut jualan atas talian, dia akan sentiasa bertambah, bertambah, bertambah. Kemungkinan sekarang ini kalau kerajaan boleh beritahu maklumat ini. Sekarang ini saya fikir, tidak kurang daripada mungkin RM10 bilion yang sudah berlaku transaksi. Walaupun nampak kecil tetapi ia berlaku melalui talian. Kalau operatornya berada di dalam Malaysia, misal kata IKEA dan sebagainya, yang mana itu antara yang rancaklah. Model itu berjaya kerana dia

banyak membawa kaedah *online*, kaedah atas talian, IKEA ini. Di samping, dia pun memberi kita – merangsang guna kreativiti kita sendiri. *Smart move* lah dengan izin, IKEA ini, sebab itu ia penjual perabot terbesar di dunia walaupun negara asalnya dari Sweden.

Jadi, kita hendak memberitahu bahawa kalau operator itu, kalau penjual itu yang beroperasi di Malaysia, *insya-Allah* saya tidak sangsi, tidak bimbang. Kerajaan *insya-Allah* dapat mengutip cukai-cukai jualan seperti mana yang dikehendaki walaupun ia dibuat melalui sistem *online*. Akan tetapi, kalau boleh hari ini, kerajaan minta beritahu jumlah sekarang dan jangkaan penambahan. Mesti kerajaan sudah ada angka fasal yang itulah angka yang hendak digunakan untuk membentangkan bajet negara nanti.

Jadi, oleh sebab itu, *insya-Allah* Yang di-Pertua, kalau boleh harapan saya, kami ini, kita hendak melihat mekanisme itu. Fasal kalau *online* payah hendak terlepas. Kalau pembelian tidak *online* ini boleh terlepas atas sifat manusia berjumpa manusia.

Akan tetapi yang itu, komputer jumpa komputer, ia payah hendak tipu. Atas jualan yang *on conservative* ini, manusia berjumpa manusia, senyum-senyum sedikit, dia lain. Jadi, yang itu *insya-Allah* payah sedikit. Pasal dia komputer dengan komputer, ia tidak boleh hendak – payah. Dia tidak boleh. Cuma, sistem mekanisme yang pantau itu yang penting.

Oleh sebab itu, kita hendak tengok kalau boleh Malaysia biar belajar. Jangan malulah belajar dengan negara-negara maju. Import teknologi, semua sekali itu, tidak ada masalah. Asalkan akhirnya negara mendapat yang terbaik. Ketirisan yang paling minimum. Kita tidak mahu diletupkan lagi dengan LCS2, LCS3, bapa kepada segala LCS, letih Malaysia ini. Seluruh dunia melihat sekarang ini. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad diatas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

2.38 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, secara prinsipnya saya berpandangan pindaan akta yang dikemukakan oleh kementerian mempunyai suatu merit yang jelas serta justifikasi yang dibentangkan itu juga kukuh. *Insya-Allah*, saya akan menyokong rang undang-

undang ini. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada beberapa persoalan untuk diberikan penjelasan lanjut daripada Kementerian.

Pertama, saya ingin tahu apakah pihak Kementerian melakukan unjuran impak langsung kepada pengguna disebabkan wujudnya kebimbangan bebanan kewangan tambahan tersebut akan dipindahkan kepada pembeli akhir? Justeru, ini juga akan memberikan kesan langsung disebabkan faktor inflasi serta peningkatan kos sara hidup yang sedang dirasakan oleh orang ramai sekarang ini. Itu yang pertama.

■1440

Kedua, tumpuan kerajaan dalam membangunkan platform e-dagang sememangnya ketara sejak awal negara berhadapan dengan pandemik tempoh hari. Angin perubahan ini mengambil masa yang singkat untuk mengadaptasi transaksi e-dagang dalam ekosistem perniagaan dalam negara.

Cuma, soalan saya, sejauh mana pindaan sedia ada pada hari ini akan memberikan kesan kepada peniaga tempatan yang bergantung kepada produk yang diimport dari luar? Adakah dengan pindaan tersebut akan mengurangkan daya saing perniagaan dalam talian? Bagaimanakah Kementerian menggunakan ruang-ruang perundangan yang ada bagi menyerap impak terhadap daya saing peniaga tempatan yang masih baharu?

Ketiga, masih dalam konteks peniaga dalam talian yang menjual barangan bernilai rendah ini. Saya ingin bertanya, apakah Kementerian meletakkan suatu nilai ambang jualan tahunan kepada peniaga yang akan dikenakan cukai? Apakah di sana ada satu garis panduan yang jelas dalam implementasi cukai ini bersama-sama cukai perkhidmatan yang akan berkuat kuasa pada Januari 2023 kelak?

Keempat, berdasarkan *GlobalData's E-Commerce Analytics*, pasaran e-dagang dijangka mencecah USD12.6 bilion menjelang tahun 2024. Saya ingin mendapatkan unjuran pendapatan daripada cukai jualan dan perkhidmatan mengikut unjuran ini. Adakah unjuran hasil RM200 juta itu akan lebih tinggi pada masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wong Siaw Ting.

2.42 ptg.

Datuk Wong Siaw Ting: Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Jualan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang semua sedia dimaklumkan, pindaan berhubung Akta Cukai Jualan 2018 di bawah Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022 telah pun diluluskan di Dewan Rakyat pada 4 Ogos 2022. Pindaan terhadap Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*] bertujuan untuk melaksanakan cukai jualan 10 peratus ke atas barangan import bernilai di bawah RM500 yang dijual secara dalam talian.

Di bawah RUU ini mewujudkan seksyen 11A yang mentakrifkan barang bernilai rendah sebagai barang-barang atau kelas barangan yang ditetapkan di luar Malaysia yang dijual dan dibawa masuk ke Malaysia. Pelaksanaan cukai jualan ke atas barangan dijual secara dalam talian adalah selaras dengan Garis Panduan VAT/GST Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), dengan izin, yang diterbitkan pada tahun 2017.

Pelaksanaan cukai jualan ini juga sejajar dengan pertumbuhan pendigitalan yang semakin meningkat. Negara-negara lain seperti Australia, New Zealand dan Singapura juga telah melaksanakan cukai jualan ini.

Beli-belah dalam talian telah menjadi norma baharu rakyat Malaysia. Antara sebab penambahan aktiviti membeli belah dalam talian ialah penggunaan sistem pembayaran tanpa tunai dan menjimatkan masa dan tenaga serta pembeli boleh membuat perbandingan harga sebelum memilih sesuatu barangan. Pada tahun 2021, negara kita telah berjaya merekodkan pendapatan menerusi sektor e-dagang dengan jumlah RM1.1 trilion, meningkat 21.8 peratus berbanding tahun 2020.

Prestasi baik didorong oleh norma baharu COVID-19 telah mengubah landskap perniagaan. Kebanyakan syarikat peniaga telah mula menggunakan platform e-dagang kerana platform berkenaan menawarkan potensi yang lebih besar kepada mereka.

Pada masa ini, jika pengguna membeli barang berharga RM500 ke bawah secara dalam talian dengan peniaga luar negara menerusi platform e-dagang, tiada cukai dikenakan. Ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati antara peniaga tempatan kerana barangan keluaran tempatan akan dikenakan cukai jualan pada kadar yang ditetapkan. Nilai minimum yang tidak dikenakan cukai ini juga disalahgunakan oleh sesetengah pihak, di mana barangan yang bernilai lebih daripada RM500 telah diisytiharkan sebagai barang bernilai rendah dan mengelakkan bayaran cukai.

Justeru itu, pindaan ini sebenarnya membolehkan negara menjana pendapatan yang lebih stabil dan memastikan negara mempunyai sistem percukaian yang lebih adil. Dengan adanya langkah percukaian ini, pasaran akan lebih selari dengan penjual, sama ada yang tempatan ataupun luar negara akan menghadapi persaingan yang lebih adil.

Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya, langkah pelaksanaan cukai ini ialah pragmatik pada masa ini memandangkan pasaran e-dagang yang bertambah baik. Kutipan boleh digunakan untuk membangunkan negara secara memanfaatkan rakyat, khususnya golongan yang memerlukan bantuan.

Namun, pelaksanaan cukai jualan ini masih terdapat kelompangan seperti barang yang akan dikenakan cukai dan jenis produk yang akan diklasifikasikan sebagai barangan bernilai rendah. Apakah barangan atau kategori barang yang akan dikecualikan cukai jualan ini berdasarkan kod HS10-digit? Penjelasan yang komprehensif dapat mengelakkan pelarian cukai seperti yang dinyatakan tadi.

Seterusnya, saya ingin mendapatkan penjelasan tentang mekanisme pembayaran balik cukai disebabkan cukai yang terlebih bayar atau pun terkhilaf bayar, situasi yang akan melibatkan pembayaran balik cukai termasuk nilai barang yang salah diisytiharkan, penghantaran barang yang tidak memenuhi bilangan barangan yang dikecualikan cukai, pemulangan barang dan sebagainya. Proses pembayaran balik dan tempoh masa yang diberi untuk pembayar membuat tuntutan berkenaan haruslah dijelaskan untuk memastikan cukai jualan dapat dilaksanakan secara lancar dan teratur.

Seperti mana yang saya nyatakan, negara akan melangkah setapak lagi ke arah status negara maju dengan pengenalan cukai jualan ini. Oleh itu, saya menyokong penuh kepada pindaan Rang Undang-undang Cukai Jualan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wong Siaw Ting atas perbincangan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

2.48 ptg.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Untuk soalan dalam perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022 ini, saya sebenarnya bersama dengan rakan-rakan

kami yang lain. Kecuali, saya ingin kemukakan beberapa persoalan untuk penjelasan lebih terang lagi berkenaan dengan akta ini.

Pertama, saya sengaja hendak tanya, kalau jemaah-jemaah haji atau umrah yang pergi ke Mekah, kemudian balik dia bawa barangan mungkin RM2,000 ataupun lebih tetapi niatnya memang hendak bagi pada orang-orang yang ziarah dia itu, adakah apabila di *airport*, dia kena cukai juga?

■1450

Begitu juga sekiranya pelajar-pelajar yang pulang dengan membawa barangan-barangan untuk dihadiahkan kepada kaum kerabat, kaum keluarga dan kawan-kawan dia. Adakah dikenakan cukai? Walaupun sekarang ini kita cakap bawah RM500. Kalau lebihlah contohnya.

Soalan seterusnya berkenaan dengan siswazah yang mula berjinak-jinak dalam *online* dalam berniaga. Apakah tidak ada sebarang bentuk insentif yang diberikan untuk menggalakkan peniaga-peniaga muda dalam melangsungkan kehidupan dan menceburi dalam bidang *business* ini?

Persoalan seterusnya berapakah peratus yang dicadangkan oleh pihak kerajaan untuk cukai ini dan apakah mungkin boleh berlaku pengurangan tatkala mereka baru bangkit daripada pandemik COVID-19 ini?

Begitu juga persoalan berkenaan dengan masalah cukai yang bertindih. Apabila kita nampak rangkaian-rangkaian dengan satu barang itu tetapi berlaku beberapa transaksi, apakah cukai bertindih juga dapat dikenal pasti untuk diatasi supaya satu cukai sahaja?

Berkenaan dengan makcik-makcik yang berada di kedai makan yang buat perniagaan melalui *online* yang sebahagiannya yang diambil- apakah dikenakan cukai juga sebagai mana yang *maaruf*?

Itulah soalan-soalan yang ingin saya dapatkan sedikit kepastian dan pada asanya kami mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

2.52 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam 'Keluarga Malaysia, Makmur, Sejahtera'.*

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Kewangan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2022.

Secara keseluruhannya apa yang dapat saya amati sepanjang perbahasan Ahli-ahli Dewan Negara, majoriti bersetuju dengan pindaan. Cumanya ada beberapa persoalan yang dibangkitkan dengan kadar unjuran pendapatan kerajaan, bagaimana pemantauan harus dibuat dan adakah ia juga mengambil kira membebaskan rakyat atau tidak.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan penjelasan berkaitan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berkaitan perkara-perkara ini.

Saya hendak pergi pada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair yang telah membangkitkan beberapa perkara, tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua izinkan saya memberikan sedikit penerangan berkaitan iPay88. Walaupun ia agak terkeluar daripada pindaan yang kita bawakan ke Dewan ini tetapi demi memastikan rakyat di luar sana dapat mengetahui tentang apakah status terkini berkaitan insiden pencerobohan data yang diumumkan oleh iPay88 Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kenyataan akhbar yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Yang Berhormat Senator. Bank Negara Malaysia memberikan keyakinan bahawa keselamatan sistem pembayaran negara kekal terjamin. Kemungkinan insiden yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas tadi merupakan sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan gerbang pembayaran. Paling pentingnya kita kena faham ini syarikat yang menyediakan perkhidmatan gerbang pembayaran kepada institusi perbankan dan perniagaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Bank Negara Malaysia sedang menyiasat secara forensik berkaitan aduan ini dan masih berjalan. Cumanya, izinkan saya memberikan penjelasan sedikit kepada Yang Berhormat Senator. Pencerobohan tersebut hanya berpunca daripada- dan terbatas kepada sistem pembayaran kad iPay88 dan tidak melibatkan kelemahan dalam sistem institusi perbankan.

Institusi kewangan di Malaysia juga mengamalkan kaedah pengesahan yang mantap bagi transaksi kad secara dalam talian. Termasuklah Yang Berhormat Senator, memaklumkan pemegang kad dengan segera dengan pengesahan lanjut apabila terdapat transaksi yang dianggap lebih berisiko.

Hal ini mengurangkan risiko berlakunya penipuan transaksi. Bagi transaksi yang tidak menggunakan pengesahan, khususnya pembelian daripada peniaga di luar negara, pelanggan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang penipuan transaksi atau transaksi tanpa kebenaran yang mungkin terjadi susulan insiden ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah mengarahkan bank-bank untuk segera memaklumkan pemegang kad yang terlibat tentang langkah-langkah perlindungan tambahan yang akan diambil untuk terus melindungi pengguna daripada risiko penipuan transaksi atau transaksi tanpa kebenaran. Bank-bank juga telah mempertingkatkan pengurusan risiko dan penipuan serta memantau aktiviti yang mencurigakan atau aktiviti penipuan yang menggunakan kad-kad yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia memandang serius sebarang insiden yang boleh menjejaskan keyakinan terhadap sistem pembayaran dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penyeliaan atau penguatkuasaan yang sewajarnya bagi memastikan kawalan keselamatan yang kukuh dilaksanakan dan diamalkan oleh institusi kewangan serta memastikan pelanggan mendapat layanan yang adil.

Sehubungan dengan itu, pelanggan dinasihatkan untuk segera memaklumkan kepada pihak bank mereka jika terdapat transaksi luar daripada kebiasaan atau transaksi tanpa kebenaran yang menggunakan kad mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui TELELINK 1300-88-5465. Saya kira Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator jelas berkaitan iPay88.

Dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator juga merupakan kadar pembayaran atas talian dan seksyen 11D. Izinkan saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kadar yang telah kita tetapkan sebanyak 10 peratus. Namun, ramai yang membandingkan 10 peratus ini kadar yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

Kalau saya hendak bandingkan dengan Australia seperti mana saya sebutkan dalam bacaan yang pertama tadi- kali kedua, Australia mengenakan 10 peratus, New Zealand mengenakan 15 peratus, Norway mengenakan 25 peratus. Singapura walaupun dalam bacaan kedua yang saya sebutkan tadi tujuh peratus tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mereka pun belum membuat keputusan lagi kerana tarikh pelaksanaan mereka adalah pada 1 Januari 2023. Mungkin antara tujuh ke-sembilan peratus.

Jadi, saya kira bab kadar kita dapat faham bahawasanya kerajaan akan mengenakan 10 peratus kepada barang-barang yang bernilai rendah. Yang

Berhormat Senator membangkitkan seksyen 11D secara spesifik. Apa butiran, adakah signifikan, adakah meningkatkan kos dan apakah butiran-butiran yang ada di situ?

Pertamanya Yang Berhormat Senator, seksyen 11D ini adalah sebenarnya memberikan ruang- sebab sebelum ini pelaksanaan LVG kita ada kaedah *de minimis*. Maksudnya, sampai sahaja barang yang rendah terus kita benarkan ia keluar.

Jadi, apabila kita buat seksyen 11D ini ialah kita hendak bagi label. Isu sekarang ini, adakah ia akan meningkatkan kos? Bukan, Yang Berhormat Senator. Kita hanya minta atas barang itu diletakkan kod atau dipanggil nombor pendaftaran. Bermakna, syarikat-syarikat yang di luar negara atau syarikat dalam negara yang menggunakan produk luar negara atas talian yang meniaga perlu meletakkan kod tarif- Kod Pendaftaran Syarikat yang membuktikan mereka telah mengenakan cukai di peringkat *source* iaitu data pendaftaran syarikat. Jadi, bila nampak perkara- kod tersebut mereka akan terus lepaskan kerana mereka telah mengenakan cukai.

Yang Berhormat Senator juga membangkitkan juga tentang barang tiruan. Barang tiruan, kastam mempunyai kuasa *ex-officio* di bawah Akta Cap Dagangan 2019. Kastam akan menyerahkan kepada empunya cap dagangan untuk mengambil tindakan kecuai barang cap dagangan telah dilarang pengimportan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Bagaimana Akta Cap Dagangan 2019 tidak terpakai kepada barang yang bukan bersifat komersial dalam kuantiti yang kecil iaitu tidak melebihi dua barangan di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim bangkitkan tentang kadar kenaan. Saya telah maklumkan tadi. Kadar kenaannya 10 peratus. Cumanya Yang Berhormat Senator ada meluahkan isi rasa hati berkaitan kujung hormat dengan perniaga yang tersekat dengan COVID-19, adakah kita telah lakukan?

Saya harap Yang Berhormat Senator dapat meminta mereka untuk melayari laman web MOF, Manfaat Bajet 2022. Saya pasti Manfaat Bajet 2022 tercatat perkara-perkara bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan.

■1500

Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim bangkitkan tentang kaedah pungutan. Yang Berhormat, apabila LVG berkuat kuasa, mereka akan dikenakan cukai oleh- yang mengutip itu merupakan pengeluar di peringkat pengeluar, *at source*, dan apabila terbabit mereka akan pulangkan- *me-limit*-kan jumlah kutipan mereka kepada Kerajaan Malaysia selama setiap tiga bulan.

Maknanya mereka dikenakan dan mereka akan pulangkan kepada kerajaan sebanyak setiap tiga bulan.

Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan ada membangkitkan isu adakah keadilan kepada usahawan tempatan dan ingin saya beritahu kepada Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, berdasarkan ePAM, elektronik perkiraan yang kita peroleh dari *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan Dagang Net Berhad, setakat bermula tahun 2018 Tuan Yang di-Pertua, 2019, 2020, 2021, jumlah pengiklanan barang melalui ePAM, ini ePAM sahaja, dia tidak melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK). RM6.5 bilion Yang Berhormat berlaku transaksi yang berkaitan barang bernilai 500 ke bawah.

Jadi RM6.5 bilion telah mengalir ke luar negara. Jadi apa yang saya sebutkan tadi dalam bacaan yang kedua, kita hendak bagi layanan yang sama rata, *level playing field* antara pengusaha tempatan, barang yang dikilangkan di tempatan dengan barang yang dikenakan LVG di luar negara. Kita jangka pada tahun 2018, 2019, 2020, 2021, kita- kalau kita buat awal dahulu pada tahun 2018, kita dapat kutip hasil negara sebanyak RM653 juta.

Jadi seperti mana ahli Yang Berhormat bangkitkan tadi, adakah ia akan meningkat? Ya betul. Dia bergantung pada prestasi pembelian. Jadi itu sebabnya Yang Berhormat, kita lakukan sebaik mungkin supaya keadaan-keadaan ini dapat kita sama ratakan.

Isu ketirisan- Ini sebab satu lagi Yang Berhormat, selain kita *level playing field*, kita juga hendak memperkukuhkan putaran ekonomi domestik. Kita hendak pastikan aliran duit dalam negara tidaklah banyak keluar daripada negara supaya putaran ekonomi domestik ini dapat kita perkukuhkan.

Kedua, Yang Berhormat juga membangkitkan tentang ketirisan. So, ketirisan ini memang kita ada pengalaman semasa kita melaksanakan cukai perkhidmatan digital. Sama juga kita akan melaksanakan pendaftaran oleh syarikat-syarikat di luar negara. Pertama- dan bagaimana ada yang mereka berdaftar tidak berdaftar. Ini juga menjadi ruang lingkup pihak pelaksana. Kita membuat *profiling*, Yang Berhormat.

Kita akan semak *website*, kita akan semak media-media sosial dan kita akan lakukan risikan-risikan. Kita gunakan agensi-agensi seperti LHDN untuk bekerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia tetapi bagaimanakah hendak berurusan dengan peniaga-peniaga di luar negara? Itu betul cabaran kepada kita Yang Berhormat tetapi jangan risau Yang Berhormat, kita ada *Custom Mutual Assistance* (CMA) antara negara-negara luar supaya kita dapat berkongsi maklumat-maklumat dan perkongsian maklumat ini akan memudahkan kita untuk mengurangkan ketirisan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad bangkitkan tentang bagaimanakah mekanisme memantau? Saya kira saya sudah jawab tadi, memantau cuma Yang Berhormat minta adakah ada *super computer* Yang Berhormat. *Insyah-Allah* Yang Berhormat, secara terperinci kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat bagaimana kaedah kita buat pemantauan dan sebenarnya kita memberi secara *general* Yang Berhormat supaya modus operandi ini tidak diketahui oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Berikutnya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya bangkitkan inflasi kos sara hidup. Yang Berhormat, seperti mana saya menjawab soalan di Dewan Negara acap kali berkaitan inflasi, inflasi diukur melalui *consumer price index* (CPI). Maknanya dalam bakul makanan itu, dalam bakul *consumer* itu, berapa banyak yang dikira.

Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan barang yang dibeli secara atas talian daripada peniaga luar negeri, bukan merupakan barang-barang asas seperti makanan beras, gula, sayuran dan seumpama dan perubahan harga ini melibatkan bukan barang-barang utama yang dijangka akan memberikan impak kepada inflasi.

Namun demikian Yang Berhormat, kita selalu melihat perkara-perkara ini dan seperti mana Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri bangkitkan tadi, mak cik-mak cik, semua perkara ini. Yang Berhormat kita ada *threshold* 500 ribu setahun.

Jadi bagi mereka yang mulakan perniagaan pada anggapan kita, *threshold* itu sudah memadai untuk memastikan siapa yang mempunyai jualan lebih daripada 500 ribu baru berdaftar. Bawah daripada 500 ribu tidak perlulah kita kenakan cukai LVG ini dan itu sudah pasti akan membantu mereka kerana seperti mana Yang Berhormat membangkitkan tadi, daya saing ini harus diperkukuhkan dan setiap kali kita buat satu insentif atau langkah cukai ini, kita mengambil kira *best practices*. Apa kelemahan negara-negara luar dan bagaimana kelemahan yang ini dapat kita atasi dalam pelaksanaan rang undang-undang itu.

Yang Berhormat bangkitkan tadi juga berkaitan RM200 juta. Yang Berhormat, seperti mana yang saya baca tadi, untuk makluman yang Yang Berhormat, pada tahun 2021, kita punya melalui ePAM sahaja, dia tidak melalui- tidak termasuk Sistem Maklumat Kastam (SMK). *Total*-nya 3.2 bilion *transaction* bawah 500 ribu. Kalau kita ambil 1 *percent*, bermakna hasil kita iaitu RM326 juta bagi tahun 2021 tetapi kita menganggarkan RM200 juta dalam keadaan yang *moderate*.

Yang Berhormat Senator Datuk Nicole Wong Siaw Ting membangkitkan tentang HS *code*. Adakah bawah RM500 kita akan beri pengecualian kepada HS

code. Ini juga Yang Berhormat, kita tidak- barang-barang yang di bawah RM500, ia tidak melibatkan HS *code*, maknanya barang-barang yang bawah RM500, kita akan kenakan semua. Kenapakah Yang Berhormat? Pertama, ia akan memudahkan peniaga-peniaga supaya tidak ada mana yang boleh, mana yang tidak boleh dan ia akan melambatkan proses perniagaan.

Kedua, kita hendak mengelakkan ada seperti mana Yang Berhormat ucap tadi, larian cukai. Maknanya kita pula hendak buat satu kerja lagi, tambahkan bajet lagi, untuk *enforcement* untuk melihat perkara-perkara ini.

Jadi bagi memudahkan proses di peringkat bawahan berbanding dengan yang RM500 ke atas, RM500 ke atas jumlahnya mungkin 10 ribu, 200 ribu, dan *item*-nya adalah *item* yang besar tetapi barang yang bawah *low value goods* ini ialah barang-barang yang kecil dan kita ambil sama rata dan kita kenakan semua bagi menimbulkan kerumitan proses untuk berkenaan dan mengelakkan ada ruang-ruang *loopholes* yang boleh diguna pakai oleh pihak untuk mengambil kesempatan seperti mana apa yang ada pada hari ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita hanya membatalkan Perintah Cukai Jualan di mana kaedah *de minimis* ini masih ada. Semasa kita laksanakan kaedah *de minimis*, bawah RM500, semua lepas. Bermakna Tuan Yang di-Pertua, dua perkara. Duti Import di antara lima peratus hingga ke-30 peratus dikecualikan dan cukai jualan import juga dikecualikan tetapi apabila akta ini berkuat kuasa, Perintah Cukai Jualan itu kita mansuhkan.

Bermakna Duti Import masih ada di bawah barang lima- dimansuhkan maknanya kita akan kenakan Cukai Jualan tetapi Duti Import yang kita kenakan pada barang RM500 ke atas masih terguna pakai. Maknanya mereka tidak kena lah, mereka hanya kena cukai jualan sahaja.

Bilakah hendak *remit*-kan semula? Katakan sepatutnya dia *remit*-kan pada Jabatan Kastam Diraja Malaysia 1,000 tetapi disebabkan kekhilafan dia, dia *remit*-kan 10,000. Jadi, perbezaan 10 kosong itu bila-bila masa sahaja, Yang Berhormat Senator Datuk Nicole Wong Siaw Ting, mereka boleh membuat tuntutan melalui surat dan tempoh sekiranya dokumen cukup, dalam masa 14 hari, kita akan serahkan kepada mereka.

Ini juga Tuan Yang di-Pertua yang menimbulkan persoalan, kenapakah lambat? Kenapakah lambat? Kalau dokumen *in order*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti 14 hari ini akan terguna pakai.

Kadang-kadang apabila kita menghantar e-mel kepada syarikat-syarikat, syarikat ambil masa untuk *reply* kerana mereka tidak dokumen-dokumen yang kita

perlu dan ini sudah pasti akan memanjangkan proses-proses yang disebutkan tadi.

Terakhirnya, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad membangkitkan tentang cukai-cukai yang bertindih. Sebenarnya yang Yang Berhormat, kita ada sebuah dasar, dipanggil *Double Taxation Avoidance Agreement* (DTAA) dengan negara-negara serantau. Kalau mereka sudah dikenakan cukai, kita tidak boleh dikenakan cukai itu. Itu asas keadilan yang kita pakai.

■1510

Kadar, saya telah sebutkan tadi. Insentif juga saya telah sebutkan dalam ucapan saya tadi yang terkait dengan Datuk Ahmad punya jawapan. Maksudnya, kalau *threshold* itu RM500 ribu Yang Berhormat Senator, ia sebenarnya memberi ruang dan ia tidak memberi kesan. Cuma penjelasan itu harus diberi sebaik mungkin.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Zulkifli juga bangkitkan, adakah cukai akan dikenakan atas hadiah atau barang yang dibawa pulang melalui beg penumpang? Tiada cukai jualan atas LVG yang dikenakan ke atas barang yang dihantar melalui pos seperti hadiah atau dibawa di dalam beg. Ini kerana ia bukan dijual oleh peniaga atas talian.

Namun demikian, ia masih tertakluk kepada konsep *de minimis* dan duti penumpang yang mana berkaitan. Tiada cukai jualan atas LVG dikenakan kepada makcik-makcik yang menjual makanan di kedai-kedai makan. Ia hanya dikenakan atas jualan atas talian dan barang bernilai RM500 ke bawah.

Saya kira Tuan Yang di-Pertua, saya telah mencakupi semua perkara yang dibangkitkan. Saya sekali lagi bagi pihak Kementerian Kewangan, mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam pindaan kali ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan I atas jawapan yang telah diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan disokong oleh Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Kamarudin Jaffar) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG (PINDAAN) 2022

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.13 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) 2022 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 [Akta 294] dengan memasukkan peruntukan baharu yang bertujuan untuk menambah baik pentadbiran levi kenderaan barang-barang melalui peruntukan yang boleh memberi fasilitasi tertentu diberikan kepada pembayar cukai dalam situasi berlakunya kecemasan awam atau krisis kesihatan awam seperti pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini yang mengandungi dua fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan memasukkan seksyen baharu 7A, dan 7B ke dalam Akta 294. Seksyen 7A memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melanjutkan apa-apa tempoh sebelum tamat tempoh yang ditetapkan di bawah Akta 294 atau perundangan subsidiarinya jika tempoh tersebut tidak dapat dipenuhi oleh mana-mana orang disebabkan berlakunya kecemasan awam seperti bencana alam atau krisis kesihatan awam seperti pandemik.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, Akta 294 yang telah menetapkan bahawa tuntutan pembayaran balik levi kenderaan barang-barang yang terlebih bayar atau tersalah bayar, hendaklah dibuat dalam masa satu tahun selepas tarikh pembayaran levi.

Dalam situasi berlakunya kecemasan awam seperti bencana alam atau krisis kesihatan awam yang berlarutan seperti pandemik, berkemungkinan pihak industri tidak dapat mengemukakan tuntutan bayaran balik levi dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk melanjutkan tempoh tersebut bagi membolehkan mana-mana orang mengemukakan tuntutan bayaran balik levi terlebih bayar atau tersilap bayar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan baharu mengenai lanjutan tempoh ini, sekiranya berlaku kecemasan awam atau krisis kesihatan awam di masa akan datang, Menteri boleh memberi lanjutan tempoh kepada pihak yang memerlukan.

Seksyen 7B pula memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menambah, memotong dan mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah Akta 294, dengan syarat bahawa satu Notis Makluman telah diberikan dahulu kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat tersebut. Peruntukan baharu ini dimasukkan sebagai inisiatif untuk menyediakan fasilitasi kepada pihak industri sekiranya terdapat keperluan untuk memohon pengubahsuaian terma dan syarat di masa akan datang.

Peruntukan untuk melanjutkan tempoh dan mengubah terma atau syarat ini bukan memberi kuasa mutlak kepada Menteri untuk sewenang-wenangnya memberi lanjutan tempoh atau mengubah terma dan syarat tersebut.

Sebaliknya, lanjutan tempoh hanya dilaksanakan berdasarkan keperluan pembayar cukai ketika berlakunya kecemasan awam atau krisis kesihatan awam. Manakala, perubahan terma dan syarat hanya dilaksanakan selepas konsultasi dengan pihak industri dan berdasarkan perakuan serta semakan terperinci oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, pindaan kepada Akta 294 ini juga tidak melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan. Sebaliknya, ia adalah pindaan bersifat positif yang akan memberikan manfaat kepada pihak industri dalam menyempurnakan obligasi di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sokongan?

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Kamarudin Jaffar]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai seorang Yang Berhormat Senator yang hendak berbahas. Saya membenarkan tempoh masa yang sesuai untuk berbahas.

Dengan ini, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad... *[Tepuk]*

3.19 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator semua... *[Membaca sepotong doa]*

■ 1520

Sebelum saya teruskan penghujahan saya, saya mengajak semua untuk merujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Bermaksud, sesungguhnya Allah merancang- sebelum kita merancang Allah merancang tetapi perancangan Allah itu lebih baik.

Jadi kita telah mengalami suasana seperti mana COVID-19 ini kalau dahulunya skalanya tidak berapa besar dan kehadirannya di Malaysia pun tidak berapa terasa. Umpamanya SARS, kemudiannya MERS, skalanya tidak berapa besar dan dia berfokus tertumpu kepada negara-negara tertentu misal kata Hong Kong, Asia Barat pada ketika itu. Akan tetapi akhirnya pada suatu ketika datang COVID-19 yang bukan hanya terhad kepada negara-negara tertentu tetapi telah mengena ke seluruh dunia.

Oleh sebab itulah banyak negara telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan merebak kesan COVID-19 ini tidak meluas, terkawal dalam lingkungan kerajaan mampu untuk mengurus. Oleh sebab itu banyak sektor yang mengalami penutupan, kesukaran umumnya kenderaan-kenderaan barang-barang ini untuk bergerak. Ini menyebabkan tidak ada transaksi ataupun perniagaan yang dapat dilakukan oleh kenderaan-kenderaan barang-barang ini.

Bila ia tidak dapat berlaku sudah tentu levi kerajaan tidak dapat kutip kerana ia tidak dapat menjalankan *business-nya*. Cuma mungkin apa yang kita tengok kalau berlaku sedikit-sedikit setelah dia mendapat kebenaran daripada pihak-pihak berkuasa, polis dan sebagainya kerana barang-barangnya dianggap sebagai, dengan izin, *essential* maka dia dapat lepas.

Akan tetapi kerana kekerapannya terlalu sedikit menyebabkan ia tidak mampu untuk membayar segala levi-levi yang dikenakan kepadanya kepada pihak kerajaan. Kemungkinan ada benda-benda yang sepatutnya duit itu dianggap sebagai membayar levi ataupun dia pun bayar levi maka dia telah mengguna wang tersebut untuk meneruskan perniagaannya.

Jadi *alhamdulillah* secara umumnya Kastam kita membicarakan akta ini semua Akta Kastam daripada empat pada 15 Ogos dan hari ini lima pada 16 Ogos semua di bawah Kastam. Oleh sebab pentingnya kita pun tahu bahawa selain selepas Hasil, Kastam merupakan punca pendapatan kedua dan terbesar daripada segi pendapatan negara. Kita sendiri pun dalam tahap sekarang ini negara masih belum lagi mampu untuk mengeluarkan rakyat yang berpendapatan tinggi kerana cukai langsung daripada rakyat masih kecil kerana purata pendapatan rakyat negara kita ini masih lingkungan RM3,500.

Kalau RM3,500 - kerajaan tidak dapat apa-apa manfaat kerana kerajaan telah menaikkan siling mereka-mereka yang layak dibayar cukai, RM3,500. Lebih daripada RM3,500 adalah sedikit dikenakan bayaran menyebabkan pendapatan kerajaan tidak bertambah daripada pendapatan-pendapatan individu dan juga pendapatan keluarga. Jadi di mana tempat-tempatnya kerajaan mesti mencari kelompongan pendapatan ini?

Maka kerajaan mesti mencari daripada sumber-sumber lain. Jadi antara sebab itu kerajaan memperbanyakkan sumber-sumber tambahan. Oleh sebab itu kita lihat ada akta yang diperkenalkan pada tahun 2018, akta yang diperkenalkan pada tahun 2019 dan juga kita buat pindaan baru sebentar tadi untuk menambah lagi pendapatan kerajaan menerusi perniagaan yang dijalankan secara talian. Cuma macam mana saya pesanlah, saya masih memberi pengharapan yang tinggi tetapi kesangsian saya masih ada. Oleh sebab itu kalau kerajaan tidak cekap maka banyak kelompongan pendapatan daripada sumber-sumber yang kita bincangkan sebelum daripada akta ini tadi.

Oleh sebab itu saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan kerajaan kerana sepanjang kita bincang ini kerajaan daripada akta empat yang dari hari semalam, lima pada hari ini. Kecuali yang sebelum ini semuanya kerajaan memberi timbang rasa tempoh pembayaran tersebut setelah melihat kepada alasan-alasan dan juga sebab-sebab yang menyebabkan pemegang taruh ini tidak berkeupayaan untuk membayar pada tempoh yang dibenarkan dan diberikan.

Cuma dalam kes ini saya juga merasakan bahawa yang sebenarnya kerajaan boleh melebarkan lagi levi kenderaan barang-barang kerana kita mesti melebarkan istilah barang-barang itu bukan hanya kepada skop macam *Maggie, Milo* dan

sebagainya. Itu barang-barang tetapi ada lagi barang-barang mungkin barang-barang yang bersifat teknikal. Produk-produk teknikal, produk-produk profesional yang berbentuk fizikal bukan dalam bentuk minda, dalam bentuk *online*, tidak tetapi benda-benda- masa itu mungkin kerajaan boleh fikirkan supaya menambah lagi ruang-ruang dan peluang-peluang pendapatan.

Saya berpandangan begini dan bercakap begini kerana saya bimbang kalau kerajaan tidak cukup wang. Ini kerana kita kena ingat bila kerajaan membentangkan bajet, itu baru anggaran, baru harapan tiba-tiba berlaku gempa bumi sana, gempa bumi sini misal kata. Bila itu berlaku maka sudah tentu pendapatan negara berkurangan dan perbelanjaan sudah wajib kecuali pembangunan yang mungkin boleh dilewatkan.

Macam baru-baru ini oleh sebab ada sedikit gangguan kewangan pada kerajaan, maka segala peruntukan pengurusan kerajaan minta lima peratus diberi balik, dipulangkan kepada Perbendaharaan- *Treasury*. Itu mungkin boleh dibuat tetapi bila kita menyentuh semua perkara yang kerajaan bincangkan pindaan akta ini ialah kita kira harapan macam pendapatan ia jangkaan. Bajet ini jangkaan, secara umumnya tetapi perbelanjaan boleh dikatakan hampirnya kewajipan sudah. Jadi harapan campur kewajipan. Jadi sebab itu saya menjangkakan kita cuba mendapatkan semaksimum mungkin lorong-lorong untuk kerajaan mendapat hasil.

Cuma kerajaan bagi sayalah rakyat tidak marah kepada kerajaan sekiranya rakyat ini dia sanggup bayar tetapi sanggup bayar itu Inggeris kata, "*versus trust*", dengan izin. Dia sanggup bayar *versus trust*, dengan izin. Bahkan kadang-kadang rakyat ini dia boleh bayar lebih lagipun kalau kepercayaan diberi bahawa amanah dan kepercayaan yang diberi itu kerajaan jaga betul-betul. Memang belanja pada tempat yang betul-betul.

Jadi sebab itulah banyak berlaku di setengah-setengah tempat di negara-negara ada banyak pengalaman sudah dalam sejarah-sejarah pemerintahan dunia ini rakyat rela berkorban. Rakyat bersama-sama dengan kerajaan membantu kesusahan dalam segi bila mana berlaku mala petaka makna kadang-kadang, rakyat itu lebih ke depan daripada kerajaan kerana dia sanggup membantu untuk mengurangkan beban kepada kerajaan.

Akan tetapi bagi rakyat yang penting adalah dengan izin, *trust*-kepercayaan. Oleh sebab itu kerajaan mesti membina *trust* ini. Sebab itu bila mana kita perkenalkan Anti Lompat Parti jadi memberi harapan kepada anak-anak muda dan juga sahabat-sahabat korporat kita untuk lebih memberi kepercayaan kepada kerajaan.

Jadi terima kasihlah kerajaan sudah buat Anti Lompat Parti satu yang secara moralnya kita menang besar tetapi selepas kita menang besar itu kita dapat kejutan besar pula, sudah hendak pengsan sudah rakyat semua. Mana tidaknya RM9.2 bilion tidak nampak kapal itu jadi Amerika Syarikat pun hendak belajar dengan kita. Amerika Syarikat hendak belajar, Britain hendak belajar dia kata sedap juga bina kapal radar pun tidak nampak... *[Ketawa]* Canggihnya, canggih tidak canggih radar pun tidak nampak.

Jadi sebab itulah saya fikir kerajaan mesti cukuplah yang itu kita bincang kita bahas petang ini kalau boleh jangan berulang lagi. Itu harapan rakyat jangan berulang lagi.

Saya rasa itulah terima kasih kepada kerajaan kerana masih memberi prihatin kepada sahabat-sahabat kita yang berniaga yang menghadapi masalah kewangan ekoran daripada COVID-19 dan sehingga sekarang pun masih belum pulih-pulih. Banyak benar sektor-sektor yang belum pulih dan kita bertemu dengan rakan-rakan sahabat-sahabat dan kita pun terkejut. Mana yang kita jangka kaya-kaya dahulunya kena sedikit dua tahun sudah memang pengsan terus.

Jadi kita simpati dan *alhamdulillah* kerajaan menunjukkan simpati kepada mereka ini juga selain daripada rakyat marhaen. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

■1530

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Mohd Apandi bin Mohamad atas perbincangan tadi.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.30 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Mohd Apandi bin Mohamad atas penglibatan secara menyeluruh bagi Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) 2022.

Yang Berhormat, ada dua, tiga perkara Yang Berhormat bangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberi sedikit penjelasan supaya dapat mencerahkan perkara-perkara yang bagi hemat saya ada sedikit kekeliruan.

Pertamanya, bukanlah cukai langsung, bukanlah cukai tidak langsung yang dikutip oleh JKDM merupakan asas kepada hasil negara semata-mata. Ia bukanlah jumlah yang terbesar. Ia merupakan jumlah yang kedua terbesar selepas cukai langsung yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Cukai langsung masih

mempunyai *portion* yang besar yang kita kutip melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri. Itu yang pertama.

Keduanya, Yang Berhormat bangkitkan tadi tentang *trust*, bagaimana perbelanjaan negara, rakyat tidak kisah untuk kutip cukai. Itu sebabnya, Yang Berhormat, di bawah kepimpinan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, kita adakan sedikit pengubahsuaian.

Pertamanya, kita melaporkan setiap minggu tentang perbelanjaan duit negara, sama ada masa pakej sepanjang COVID-19, Bajet 2022...

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Sekejap. Penjelasan. Pendapatan utama negara masih lagi hasil. Kedua, kastam, bukan?

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Yang Berhormat, pendapatan-Yang Berhormat duduk, nanti saya jelaskan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Yang Berhormat, kita untuk hasil negara, ada pecahan-pecahannya. Satunya Cukai Langsung, kemudiannya Cukai Tidak Langsung dan dividen-dividen hasil daripada anak-anak syarikat dan syarikat milik kerajaan. Jadi jumlah yang paling besar merupakan jumlah dari Cukai Langsung.

Yang Berhormat bangkitkan tadi isu *trust*. Jadi, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, memberi sikit pencerahan. Itu sebabnya pengubahsuaian yang kita lakukan, kita melaporkan terus kepada rakyat pada setiap minggu melalui satu unit yang kita panggil Unit Laksana, yang melihat bukan sahaja perbelanjaan di peringkat Kementerian Kewangan tetapi perbelanjaan di peringkat kementerian-kementerian. Hal ini supaya duit yang kita kutip daripada rakyat ini dapat secara jelas dan rakyat tahu apa yang kita lakukan. Itu yang pertama.

Bagaimanakah kita hendak meningkatkan lagi *trust* rakyat? Kadang-kadang rakyat terfikir adakah suara mereka ini diperlukan semasa kita membentuk sebuah dasar atau polisi. Itu sebabnya, Yang Berhormat, tahun ini merupakan tahun kedua kita lancarkan kenyataan pra-bajet tahunan. Tidak pernah berlaku. Tahun lepas merupakan dalam sejarah sejak kita mencapai kemerdekaan, kita lakukan kenyataan Pra Bajet 2022, memberi ruang kepada rakyat untuk memberi pandangan terhadap dasar-dasar cukai yang kita ingin laksanakan pada tahun 2022.

Tahun ini, sekali lagi kita buat perkara yang sama dan kita awalkan lagi. Dahulu mungkin kita buat tergesa-gesa tetapi tahun ini kita buat awalkan lagi supaya mereka tahu apa dasar percukaian. Yang Berhormat, semalam 15 Ogos tarikh tutup untuk kita memberi pandangan tetapi sekiranya Yang Berhormat ada cadangan-

cadangan, *insya-Allah*, boleh sampaikan kepada Kementerian Kewangan melalui pejabat saya.

Ketiganya, Yang Berhormat, yang kita bincangkan ini adalah pindaan levi kenderaan barang-barang, bukan levi barang-barang. Levi kenderaan sejenis barangan yang dikenakan ke atas kenderaan dan lori yang mengangkut barang-barang dari Malaysia ke Singapura dan sebaliknya mengikut Peraturan Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983. Bukan barang, Yang Berhormat. Kenderaan yang bawa barang.

Apakah objektif kita buat pada tahun 1983? Pertamanya, untuk menggalakkan import-eksport menggunakan pelabuhan tempatan dan mengurangkan kebergantungan pelabuhan luar khususnya pelabuhan Singapura. Selain itu, ia merupakan satu mekanisme untuk kita mengawal lori dagangan masuk dan meninggalkan Malaysia.

Itu sebabnya, Yang Berhormat, kita kenakan antara Malaysia dan Singapura. Kenderaan yang meninggalkan negara melalui darat sama ada bermuatan atau kosong, kita kenakan RM200 dan RM100 dikenakan kepada kenderaan barang-barang yang memasuki Malaysia dengan muatan. Kalau kita hendak rangkumkan secara relatifnya, Yang Berhormat, tidaklah disebabkan RM200 dan RM100 ini akan meningkatkan harga barang-barang.

Yang Berhormat, walaupun kita kenakan levi kepada kenderaan barang-barang ini juga, kerajaan melihat *best practises* dan kerajaan juga mengambil kira tentang keadilan kepada rakyat. Itu sebabnya kategori kenderaan yang dikecualikan levi barang-barang- ada, Yang Berhormat. Antaranya, Yang Berhormat, kenderaan yang meninggalkan Malaysia sama ada membawa satu jenis atau gabungan salah satu jenis barangan yang disenaraikan dalam Jadual 2, Perintah Levi Kenderaan Barang-barang (Pengecualian) 1983 dengan syarat muatan penuh dan kenderaan barang-barang yang digunakan upacara pengebumian juga dikecualikan.

Ada, Yang Berhormat. Banyak perkara ini. Cuma, mungkin dekat dengan Yang Berhormat iaitu kenapa kita tidak kenakan dengan Thailand. Yang Berhormat, kenderaan barang-barang yang terlibat di bawah memorandum persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand mengenai pergerakan melalui jalan raya antara Thailand dan Singapura, transit melalui Malaysia, bertarikh 24 November 1979.

Yang Berhormat juga bangkitkan tentang sepanjang kita laksanakan ini-cumanya, data di tangan saya ini, Yang Berhormat, pada tahun 2020 sehingga Julai 2022, sebanyak 2.88 juta buah kenderaan merentasi antara Malaysia dan Singapura.

Jumlah kutipan dari tahun 2017, Yang Berhormat, sehingga Jun 2022 adalah sebanyak RM594.5 juta.

Saya ingat, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mencakupi apa Yang Berhormat- cuma, Yang Berhormat masih bangkitkan lagi tentang keyakinan Yang Berhormat terhadap sistem penguatkuasaan, jangan berlaku ketirisan. Saya ambil kira. Sudah pasti pegawai-pegawai saya di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang sedang mendengar perbincangan Yang Berhormat akan mengambil kira tentang apa Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) 2022. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang-undang]

[Rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Penggajian Tinggi (Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad) dan diluluskan]

■1540

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA
(PINDAAN) 2022****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.40 ptg**

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2022 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 [*Akta 592*] iaitu dengan memasukkan peruntukan baharu dan mengemas kini peruntukan sedia ada dengan tujuan untuk menambah baik pentadbiran levi keuntungan luar biasa melalui peruntukan yang membolehkan fasilitasi tertentu diberikan kepada pembayar cukai khususnya semasa berlaku kecemasan awam seperti bencana alam atau krisis kesihatan awam seperti pandemik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menguraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini mengandungi tujuh fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan memasukkan seksyen baharu 3A, dan 3B, ke dalam Akta 592. Seksyen 3A memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melanjutkan apa-apa tempoh sebelum tamat tempoh yang ditetapkan di bawah Akta 592 atau perundangan subsidiarinya.

Jika tempoh tersebut tidak dapat dipenuhi oleh mana-mana orang disebabkan berlakunya kecemasan awam seperti bencana alam atau krisis kesihatan awam seperti pandemik.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, Akta 592 telah menetapkan bahawa penghantaran penyata dan bayaran levi hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari selepas tamat tempoh bercukai.

Namun disebabkan berlakunya COVID-19, pihak industri tidak dapat membuat pembayaran cukai dalam tempoh yang ditetapkan susulan sekatan di bawah perintah kawalan pergerakan. Situasi ini menyebabkan levi hanya dapat

dibayar selepas tamat tempoh 30 hari dan tertakluk kepada kenaaan penalti lewat bayar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan baharu mengenai lanjutan tempoh ini sekiranya berlaku kecemasan awam atau krisis kesihatan awam di masa akan datang, Menteri boleh melanjutkan tempoh penghantaran penyata dan bayaran cukai melebihi 30 hari sebagai kelonggaran kepada pihak industri untuk membuat bayaran levi tanpa dikenakan penalti lewat bayar.

Seksyen 62 pula Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menambah, memotong atau mengubah apa-apa terma dan syarat yang dikenakan menurut Akta 813 dengan syarat bahawa satu Notis Makluman diberikan terlebih dahulu kepada pihak yang terlibat. Peruntukan ini dimasukkan sebagai inisiatif untuk menyediakan fasilitasi kepada pihak industri sekiranya terdapat keperluan untuk memohon pengubahsuaian terma dan syarat di masa yang akan datang.

Fasal 3 bertujuan memasukkan seksyen baharu 6A yang memperuntukkan bahawa ketua pengarah kastam boleh mengeluarkan satu ketetapan umum untuk menjelaskan pelaksanaan mana-mana peruntukkan di bawah Akta 592.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4, 5 dan 7 bertujuan memberi kuasa kepada ketua pengarah untuk menentukan bentuk dan cara yang digunakan bagi mengemukakan penyata levi dan membuat tuntutan bayaran balik levi terlebih bayar atau penalti yang dibayar secara silap.

Fasal 6 bertujuan membina seksyen 19(1)(c) bagi menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang memalsukan apa-apa dokumen yang diperlukan di bawah Akta 592 dan pindaan lain yang tidak dinyatakan Tuan Yang di-Pertua secara khusus merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Secara umumnya Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan Akta 592 ini tidak melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan sebaliknya ia adalah bersifat positif untuk memberi kelonggaran tertentu kepada pihak industri dalam melaksanakan obligasi yang ditetapkan di bawah Akta 592 dan perundangan subsidiarinya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sokongan?

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]: Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta

Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya seramai dua orang Ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas. Saya membenarkan tempoh masa enam minit seorang untuk berbahas.

Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

3.45 ptg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut sama berbahas dalam perbahasan ini yang melibatkan Rang Undang-undang Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020, Timbalan Menteri Kewangan ada menyebut bahawa pindaan dalam RUU ini adalah untuk memberi keadilan kepada pemain industri. Kerajaan mengikuti apa yang telah dikehendaki pemain industri untuk memberi keadilan dalam ruang undang-undang ini dan pindaan ini juga telah dilakukan hasil libat urus bersama pemain industri.

Pindaan pada kali ini pula bagi meminda peruntukan sedia ada Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 [*Akta 592*] dan memasukkan peruntukan baharu dengan tujuan untuk menambah baik pentadbiran levi keuntungan luar biasa melalui peruntukan remisi dan pulang balik levi serta penalti yang boleh memberi manfaat kepada orang yang membayar levi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keuntungan Luar Biasa ini dikaitkan dengan minyak sawit mentah (MSM) yang mencatatkan nilai eksport yang tinggi. Enam bulan pertama tahun 2022, eksport minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit lain POPP berjumlah hingga 11.4 juta tan meningkat 2.8 peratus berbanding 11.15 juta tan dalam tempoh yang sama tahun 2021.

Levi keuntungan luar biasa bagi kelapa sawit, levi yang dikenakan adalah pada kadar tiga peratus ke atas harga minyak sawit yang melebihi RM3000 setan di Semenanjung Malaysia dan pada kadar tiga peratus ke atas harga minyak sawit melebihi RM3500 setan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan maklum balas daripada Timbalan Menteri, adakah levi ini yang dikenakan kepada pengusaha sawit dalam negara tidak mendatangkan bebanan kepada mereka sedangkan pelabur dari luar tidak dikenakan cukai yang sama? Dalam hal ini ada penting untuk berlaku adil dan tidak berlaku zalim. Sabda Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadis Qudsi

bahawa Allah SWT berfirman, “*Wahai hamba-hamba Ku, sesungguhnya Aku telah mengharamkan sifat zalim ke atas diri Ku dan Aku jadikannya kezaliman haram antara kalian. Maka jangan lah kalian berlaku zalim sesama kalian.*” (Hadis Riwayat Muslim)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan berapakah keuntungan levi yang dikembalikan kepada rakyat Malaysia daripada hasil yang berjaya dikutip pada tahun lalu? Saya difahamkan bahawa kutipan bagi MSM pada separuh pertama tahun ini adalah sebanyak RM2.1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2022. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput pembahas yang kedua dan terakhir, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

■1550

3.50 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Jangan makan *palm*-lah... [Ketawa] *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semua... [Membaca sepotong doa]

Tuan Yang di-Pertua, kita membicarakan tentang Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 di bawah Akta 592. Jadi, akta ini memanglah sama seperti akta-akta yang terdahulu di mana kerajaan bersedia dan sanggup menerima bayaran yang lewat disebabkan oleh waktu, situasi dan suasana.

Cuma, *alhamdulillah* dengan rezeki Allah SWT, Levi Keuntungan Luar Biasa ini berlaku pada musim COVID-19 kepada sektor-sektor yang tertentu. Umpamanya, dengan izin Allah SWT, seperti mana diberitahu oleh teman saya sebentar tadi bahawa kelapa sawit, tiba-tiba harga kelapa sawit naik melonjak luar biasa menyebabkan keuntungan yang kita capai pun luar biasa. *Alhamdulillah*, sehingga sekarang harga kelapa sawit masih lagi dalam paras yang bagus menyebabkan syarikat-syarikat yang mempunyai ladang-ladang kelapa sawit mendapat keuntungan yang luar biasa.

Alhamdulillah, ini merupakan rezeki bagi kerajaan. Di samping rezeki cukai pendapatan, juga kerajaan mengenakan levi kerana ia untung lebih pada dengan izin, *threshold* tertentu. Jadi, kerajaan bersimpatilah. Kalau kerajaan tak kena yang ini pun, mereka boleh bayar. Ada mekanisme dan kaedah, tetapi kerajaan

memikirkan mungkin suasana yang ada alasan dia untuk mereka mencari alasan. Ada alasan dia untuk mereka mencari alasan untuk melambat-lambatkan bayaran.

Jadi *insya-Allah*, kerajaan menyediakan peruntukan tersebut dengan melalui perbincangan dan mereka membayar, dan mereka ada keupayaan untuk bayar. Ini kerana saya tahu, saya sendiri pun menjadi Ahli Lembaga Pengarah beberapa orang anak syarikat kerajaan, GLC. Kita tengok bahawa anak-anak syarikat ini *alhamdulillah*, mencapai keuntungan luar biasa. Bukan setakat tahun lepas, tahun ini pun *insya-Allah*, potensi dia lebih baik daripada tahun yang lepas.

Cuma, kita minta kerajaan di sebalik tak berapa selesanya, saya sendiri untuk mengambil pekerja-pekerja luar kerana kita tahu misal kata di Kelantan, semua orang tuduh tak ada pekerjaan, sedangkan saya pening kepala. Kerja ada, orang tidak ada... *[Ketawa]* Kalau mereka sanggup bekerja di ladang kelapa sawit yang berpendapatan tidak kurang daripada RM2,000 sebulan. Kalau tak percaya, tanya kepada Pengerusi KETENGAH dulu, Datuk Razali bin Idris. Kita pening. Pusingan kutipan buah sepatutnya untuk satu minggu...

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Itu dulu, bukan sekarang. Kata dulu, bukan sekarang. Kutipan buah dulu beberapa hari seminggu? Dia sepatutnya kutip buah dalam satu pusingan katalah lima hari, sekarang 30 hari. Ini kerana apa, kerana tidak ada pekerja. Ramai anak-anak muda bila diminta bekerja, tak nak kerja walaupun RM2,000 sebulan. Jadi, tuduhan pada Kelantan tak ada kerja tak betul, tak betul. Cuma, sektor-sektor berdasarkan kelulusan, itu kita terima hakikatlah. Graduan-graduan dia masuk sektor-sektor tertentu dan dia hendak kerja yang, dengan izin, *related*.

Sebenarnya dunia sudah berubah, minda masyarakat kena berubah. Kita belajar untuk ilmu, tetapi kerja itu apa jua bidang kita boleh masuk. Dengan izin, *versatile*, anjal. Jadi sebab itu, alasan kata Kelantan tak ada kerja itu kerana lebih kepada bidang-bidang yang kaitan dengan kelulusan dia.

Oleh sebab itu, saya beritahu sehingga sekarang, kita masih lagi mengharapkan kedatangan pekerja-pekerja. Mereka yang betul-betul datang bekerja untuk dapat wang, Indonesia. Selepas itu Bangladesh. Sehingga sekarang tak sampai-sampai lagi. Kerajaan kata sudah lama sudah lulus, sehingga sekarang secara fizikalnya belum sampai.

Jadi, ceritanya balik kepada pokok perbincangan kita ialah memang kelapa sawit telah memberi satu pendapatan ekstra kepada kerajaan. Satu lagi, juga benda yang luar biasa berlaku. Umpamanya, pemain-pemain industri *g/love* pada waktu itu, pada waktu COVID-19, bukan sekarang. Sekarang tiba-tiba negara China telah

menghasilkan produk yang sama dengan kos jualan 10 peratus lebih kecil, lebih murah daripada pemain-pemain industri Malaysia. Oleh sebab itu kita tengok harga *market*, harga saham *Top Glove* hanya sekitar lapan peratus daripada harga dia masa COVID-19. Sekarang berapa, 59 sen daripada dulu berbelas-belas Ringgit-RM15. Ini kerana China sudah mula keluarkan produk-produk dia dengan kos 10 peratus lebih rendah. Ini ancaman baharu kepada kita. Sektor *glove* ini kita yang terbesar di dunia.

Jadi, saya nak beritahu bahawa selain daripada kelapa sawit, juga industri-industri *glove*. Akan tetapi bilamana kita hendak merubah tapak-tapak sedia ada ke negeri-negeri di utara. Itu merupakan satu saingan dengan pemain-pemain industri *glove* yang berada di selatan Thailand yang juga banyak syarikat terkemuka yang berada di sana.

Cuma saya sokonglah walaupun yang ini melibatkan orang *super* kayalah, dengan izin. Kalau tadi orang kaya-kaya macam itu sahaja, yang tadi-tadi macam-kalau macam tadi mungkin saya pun, apa yang saya baca tadi Dato' Indera Mohd Shahar ada tegur saya, Timbalan Menteri ada tegur saya, saya faham bila kenderaan barang-barang ini betul-betul kenderaan barang-barang, saya ingatkan bila barang itu kalau dulu janganlah barang-barang katakan *Milo*, biskut macam itu, tetapi saya ingat kita nak masukkan barang tambahan misal kata barang-barang, produk-produk profesional dan teknikal. Itu maksud saya.

Produk-produk teknikal ini maksud saya tak kata kenderaan itu, saya kata memang kenderaan barang-barang, tetapi barang-barang, jenis barang-barang kan kita tulis di papan dia itu, di papan-papan, di dinding-dinding kenderaan itu. Jadi, kita nak suruh tambah lagi item-item lain selain daripada item tradisi sekarang ini yang layak dikenakan levi.

Alhamdulillah, Timbalan Menteri telah memaklumkan bahawa kita perjanjian dengan Singapura, kita tidak buat. Mana-mana kenderaan yang keluar masuk Singapura dikenakan, tetapi Thailand kita tidak boleh ambil cukai kerana ada perjanjian dua hala. Okeylah, saya pun faham. Terima kasih. Kalau tidak, saya tak berapa. Akan tetapi bagi saya, saya nak tekankan dalam saya adalah menambahkan lagi produk-produk yang dikatakan levi kenderaan barang-barang atas barang-barang, item barang-barang itu.

So, saya ucapkan terima kasih, *insya-Allah*. Akan tetapi walau macam mana pun Menteri, Yang Berhormat Menteri, yang lain itu untuk orang *super-super* kaya, levi keuntungan luar biasa ini. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad atas perbahasan tadi. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab, ada satu usul. Dipersilakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.58 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), tanpa menghiraukan Usul yang telah diputuskan terdahulu, Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini diputuskan dan diluluskan serta diperbahaskan di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1), dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang ditetapkan.”

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta sokongan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.59 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad atas penglibatan dalam rang undang-undang pindaan kepada levi keuntungan luar biasa.

Seperti mana yang kita ketahui, levi keuntungan luar biasa ini merupakan satu levi yang dikenakan ke atas suatu amaun yang melebihi amaun untung yang ditetapkan bagi pengeluaran apa-apa barang yang telah ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui perintah di bawah Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998.

■1600

Seperti mana Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam bangkitkan tadi, berkaitan kita telah menyamaratakan kadar levi di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak pada kadar tiga peratus. Namun demikian, nilai ambang kita juga bagi keadilan pada Sabah dan Sarawak di mana kita naikkan *threshold* tersebut dari tahun 2009 pada kadar RM3,000, kita naikkan pada kadar RM3,500.

Manakala di Semenanjung pada tahun 2009 kita letakkan pada kadar RM2,500. Sekarang kita naikkan pada RM3,000. Saya kira itu kita ambil kira penaikan nilai ambang ini kerana kita mengambil kira tentang kos buruh, kos pengangkutan dan kos bahan input pertanian.

Yang Berhormat, saya kira daripada segi kutipan tersebut dan kita bersifat adil tetapi yang paling penting Yang Berhormat, pengenaan pembayaran levi kelapa sawit telah diperluaskan kepada tuan punya kebun kelapa sawit berbanding hanya kepada pengeluar buah kepala sawit yang mengusahakan kebun kelapa sawit yang diperuntukkan di bawah Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Buah Kelapa Sawit) 2008 P.U. (A) 250/2008].

Namun demikian, di bawah P.U. (A) 134/2009 memperuntukkan tuan punya kebun kelapa sawit yang mempunyai kebun kelapa sawit dengan keluasan tidak kurang daripada 100 ekar atau 40.46 hektar, tuan punya kebun kelapa sawit yang mengusahakan kebun kelapa sawit masing-masing, keluasan tidak kurang daripada 100 ekar dan pengeluar buah kelapa sawit yang mengusahakan kebun kelapa sawit dengan keluasan yang sama hendaklah membayar satu Levi Keuntungan Luar Biasa kelapa sawit. Ini bermakna 100 ekar ke atas. Maknanya 100 ekar ke bawah kita tidak kenakan levi keuntungan dan termasuk juga kepada mereka yang berada di bawah FELDA, FELCRA dan agensi-agensi kerajaan. Saya kira Yang Berhormat itu akan memberi keadilan kepada pekebun-pekebun kecil.

Yang Berhormat, ada juga yang membangkitkan di mana levi itu digunakan. Seperti mana yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, bukanlah kepada orang yang mempunyai keuntungan luar biasa sahaja Yang Berhormat.

Bila kita buat, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi, kita mulakan pada tahun 1999. Semasa tahun 1999 kita hanya dapat RM86 juta sahaja. Betul, pada Jun, sehingga Jun 2022 kutipan kita sebanyak RM2.1 bilion.

Akan tetapi ada tahun-tahun yang *threshold* CPO atau MSM yang disebutkan tadi berada di bawah *threshold*. Kerajaan tidak dapat mengutip apa-apa pun Yang Berhormat. Ini perkara yang penting kerana seperti tahun 2001 sehingga tahun 2006, tidak ada langsung nilai kutipan levi yang kita kutip, tahun 2018, tahun 2019.

Perkara-perkara ini amat penting kerana hasil levi yang kita kutip ini kita akan masukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dan digunakan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan negara seperti penambahbaikan infrastruktur, kesihatan, kebajikan dan termasuk subsidi minyak masak.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumkan walaupun kutipan kita tahun ini sehingga Jun RM2.1 bilion dan tahun lepas RM1.9 bilion tetapi kalau kita hendak bandingkan dengan keperluan untuk kita membiayai subsidi minyak masak, pada tahun ini kita hanya menjangkakan semasa Bajet 2022 diumumkan pada tahun lepas kita menjangkakan subsidi untuk minyak masak berpaket yang rakyat-rakyat di luar sana hanya membayar RM2.50 hanya pada kadar RM400 juta sahaja peruntukan.

Akan tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita kena menyediakan peruntukan hampir RM3 bilion sehingga Disember tahun ini. Kalau kita hendak bandingkan, okeylah kutipan tahun ini seperti mana yang saya sebutkan tadi, RM2.1 bilion. Akan tetapi pada tahun lepas, RM1.9 bilion. Kalau kita hendak bandingkan dengan jumlah kutipan tahun lepas subsidi adalah pada kadar- walaupun kutipan kita RM1.9 bilion, levi keuntungan luar biasa tetapi subsidi minyak masak pada tahun lepas yang kita telah salurkan kepada rakyat bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM2.16 bilion.

Kalau kita hendak lihat Yang Berhormat, kutipan levi pada tahun 2008, tahun 2019, hampir tiada. Akan tetapi kutipannya merupakan RM256 ribu pada tahun 2019, 2018 sebanyak RM197 ribu. Akan tetapi jumlah subsidi yang kita peruntukan untuk minyak masak Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2019 iaitu RM270 juta berbanding kutipan levi kita hanya RM256 ribu. Sebanyak RM480 juta subsidi minyak masak pada tahun 2018, walaupun kutipan levi kita pada kadar RM197 ribu sahaja. Itu Yang Berhormat yang dapat saya maklumkan. Akan tetapi apabila Yang Berhormat tanya kutipan levi sehingga kini adalah pada jumlah RM6.9 bilion.

Yang Berhormat juga bangkitkan kenapa kita tidak kenakan cukai kepada sarung tangan. Betul, kita tidak kenakan pada sarung tangan ketika harga tengah naik. Namun demikian untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah

memutuskan untuk mengenakan cukai khas yang dinamakan Cukai Makmur seperti mana yang telah dimaklumkan dalam Bajet 2022. Perkara yang tersebut tidak berbangkit kerana kita gunakan Cukai Makmur.

Akan tetapi Cukai Makmur ini telah kerajaan melalui Kementerian Kewangan bagi komitmen ia hanya *one-off* sahaja pada tahun 2022. Di mana Cukai Makmur ini akan dikenakan kepada syarikat yang menjana pendapatan melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran 2022 dan cukai ini sebenarnya adalah untuk kita memastikan sistem kesihatan awam negara lebih berdaya tahan. *Insyah-Allah* kita jangkakan kutipan Cukai Makmur ini pada jumlah RM3.9 bilion di mana syarikat yang akan terlibat lebih kurang 233 buah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu perkara-perkara yang dibangkitkan secara asasnya. Ada perkara-perkara yang mungkin dibangkitkan itu sudah pasti pegawai saya akan mengambil kira pandangan-pandangan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Kamarudin Jaffar) dan diluluskan]

■1610

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN
(PINDAAN) 2022****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.10 ptg.**

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2022 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807] dengan meminda peruntukan sedia ada dan memasukkan peruntukan baharu dengan tujuan untuk memberi fasilitasi kepada industri dan pembayar cukai dari segi tempoh masa dalam melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah akta tersebut. Di samping itu, terdapat juga pindaan akta ini bersifat pentadbiran am lain bagi memberi kemudahan kepada industri dan pembayar cukai, termasuk orang berdaftar asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai tujuh fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 26A(1) Akta 807 dalam teks Bahasa Kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “perkhidmatan bercukai” dengan perkataan “perkhidmatan bercukai diimport”.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 38A bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memegang keseluruhan atau apa-apa bahagian amaun yang kena dibayar balik kepada seseorang orang berdaftar asing di bawah seksyen 38, Akta 807 untuk dikreditkan pada apa-apa tempoh bercukai berikutnya atau selanjutnya dan menganggap amaun yang dikreditkan itu sebagai pembayaran atau pembayaran sebahagian cukai oleh orang berdaftar asing itu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (4B) ke dalam seksyen 56A, Akta 807 bagi memperuntukkan bahawa berkenaan orang berdaftar asing yang terhenti daripada bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 56D Akta Cukai Perkhidmatan hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada hari penyata dikemukakan kepada Ketua Pengarah di bawah subseksyen 56H(4A).

Fasal 5 Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk meminda seksyen 56D, Akta 807 bagi memasukkan perenggan baharu (aa) untuk memperuntukkan bahawa orang berdaftar asing terhenti dari bertanggung untuk berdaftar sekiranya Ketua Pengarah berpuas hati bahawa jumlah semua perkhidmatan digital diberikan olehnya dalam bulan itu dan 11 bulan sebaik sebelum bulan itu yang tidak melebihi jumlah perkhidmatan digital sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 56B(1), Akta 807.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 56E, Akta 807 bagi memasukkan perenggan baharu (1)(aa) yang memperuntukkan bahawa seseorang orang berdaftar asing hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam masa 30 hari daripada tarikh orang berdaftar asing itu terhenti daripada bertanggung untuk berdaftar di bawah perenggan 56D(aa), Akta 807.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 90A dan 90B ke dalam Akta 807. Seksyen 90A yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melanjutkan tempoh untuk melakukan perbuatan atau benda yang perlu disempurnakan dalam tempoh tertentu di bawah Akta 807 sekiranya dia berpuas hati bahawa perbuatan atau benda itu tidak dapat disempurnakan dalam tempoh itu disebabkan oleh berlakunya apa-apa kecemasan awam atau krisis kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 50B yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menambah, memotong atau mengubah apa-apa terma dan syarat yang dikenakan menurut kuasa Akta 807 bagi maksud melaksanakan tujuan Akta 807 dengan syarat bahawa notis munasabah diberikan kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat itu dan Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang tidak dinyatakan secara khusus merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan?

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Kamarudin Jaffar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah seperti yang disebutkan ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta

Cukai Perkhidmatan 2018 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Terdapat tiga permohonan untuk berucap, dimulakan dengan Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

4.15 ptg.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2022.

Sistem percukaian ialah salah satu mekanisme untuk menjana kemakmuran ekonomi dalam sesebuah negara yang telah diamalkan hampir di seluruh negara di dunia sejak dulu hinggalah ke hari ini. Dalam Islam, sesebuah kerajaan mempunyai hak untuk mengadakan dasar percukaian dalam memungut hasil kepada negara asalkan dasar tersebut digubal menepati prinsip yang adil dan tidak membebankan rakyat. Hal ini adalah bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang bermaksud, sesungguhnya dalam harta seseorang terdapat tanggungjawab selebih daripada pembayaran zakat, Hadis Riwayat Al-Tarmizi.

Antara perkara yang menjadi penekanan Islam dalam penggubalan sistem percukaian adalah: pertama, sistem percukaian hendaklah dibina pada asas keadilan dan merupakan salah satu tanggungjawab ke atas golongan yang berkemampuan; dan kedua, cukai yang dikenakan hendaklah pada kadar minimum dan tidak membebankan rakyat.

Cukai Perkhidmatan ialah satu jenis cukai dalam negeri yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan yang dikenakan ke atas apa-apa perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan oleh mana-mana orang yang kena membayar cukai ataupun pemegang lesen. Cukai ini dikenakan apabila perkhidmatan diberikan pada kadar enam peratus daripada nilai perkhidmatan yang diberikan.

Cukai Perkhidmatan ialah cukai tidak langsung, di mana tanggungan beban cukai dipindah oleh pembayar cukai kepada pihak ketiga atau penerima manfaat akhir atau pengguna akhir yang melanggan perkhidmatan tertentu. Maksudnya, mahu tidak mahu, semua pengguna ataupun rakyat akan terbeban dengan cukai. Dalam negara yang sedang dalam fasa pemulihan, cukai yang perlu dibayar bermaksud bebanan tambahan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada beberapa soalan. Soalan saya, dalam akta ini apakah jenis perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai? Adakah Cukai

Perkhidmatan juga dikenakan pada sektor perkhidmatan perubatan atau apakah ada sektor perkhidmatan yang dikecualikan daripada cukai?

Kedua, berapakah unjuran pendapatan negara dengan pelaksanaan pindaan ini?

Ketiga, adakah kerajaan telah membuat kajian untuk menambah baik sistem percukaian yang adil untuk semua supaya dapat meningkatkan hasil negara dan pada yang sama tidak membebankan rakyat, terutama golongan B40? Keempat, elemen keberkatan adalah amat penting untuk kemakmuran sesebuah negara. Justeru, apakah kerajaan sudah mengkaji untuk membuat sebuah kerangka percukaian Islam mengikut perspektif maqasid syariah?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon perhatian dan jawapan sebaiknya daripada soalan-soalan saya. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

■1620

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, setelah itu dijemput Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

4.20 ptg.

Puan Noraini binti Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2022.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2022 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018, [Akta 807] dengan meminda peruntukan sedia ada dan memasukkan peruntukan baharu dengan tujuan memberi fasilitasi kepada industri dan pembayar cukai lanjutan tempoh masa dalam melaksanakan tanggungjawab.

Pindaan yang dibuat kepada rang undang-undang ini bersifat jelas untuk lebih memudahkan dalam aspek teknikal percukaian di negara kita. Namun begitu, saya tertarik untuk bertanyakan beberapa persoalan berkaitan pindaan yang berkenaan. Pertamanya berkaitan dengan memberi bidang kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam dengan lebih meluas lagi. Contohnya melalui pindaan fasal 5 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Bukan niat untuk mempersoalkan bidang kuasa Ketua Pengarah, namun yang demikian, bagaimana aspek dan tatacara pengawalan bagi memastikan ketirisan tidak akan berlaku terutamanya melibatkan amaun cukai yang dikenakan tempoh pembayaran dan perkara seumpama sedemikian.

Lewat kebelakangan ini kita mendapat laporan tentang salah guna kuasa kakitangan awam tidak kira pangkat, dari rendah hinggalah ke peringkat pegawai atasan. Justeru, saya ingin mencadangkan agar satu mekanisme semak dan imbang perlu diwujudkan bagi menghalang ketirisan daripada berlaku, terutamanya melibatkan cukai yang merupakan sumber pendapatan negara kita.

Persoalan yang kedua, sekiranya sesebuah syarikat yang dilesenkan di bawah akta ini mengenakan cukai perkhidmatan dengan mengeluarkan invois ataupun bil tuntutan bayaran kepada pelanggannya tetapi pelanggan ini gagal membayar invois atau bil tersebut ataupun mengambil masa dalam tempoh lama, contohnya setahun baru membuat bayaran kepada syarikat tersebut. Sedangkan bayaran cukai perkhidmatan ini berserta borang berkenaan, CJP No. 1 perlu dihantar ke pejabat kastam dalam tempoh 28 hari selepas tamat satu-satu tempoh bercukai yang ditetapkan.

Adakah cukai perkhidmatan itu kena dibayar dahulu oleh syarikat tersebut sementara menunggu pelanggan itu membayar invois ini sedangkan ada kemungkinan invois tersebut tidak akan dibayar langsung oleh pelanggan. Mungkin ada kerugian kepada syarikat tersebut. Jadi, apakah mekanismenya untuk penyelesaian perkara begini sekiranya berlaku?

Seterusnya, saya turut ingin bertanya berkaitan pindaan fasal 6 yang menyebut pemakluman secara bertulis. Adakah ia turut meliputi pemakluman secara dalam talian menerusi kaedah e-mel atau faks misalnya atau hanya dengan menulis surat semata-mata.

Malahan, apa usaha bagi menambah baik mutu perkhidmatan melalui media sosial jika terdapat isu ataupun pertanyaan atau persoalan yang ingin dikemukakan dan memerlukan jawapan segera daripada pihak kastam.

Fasal 7 di mana seksyen 90B yang dicadangkan bertujuan memberi Menteri kuasa untuk menambah, memotong atau mengubah apa-apa terma dan syarat yang dikenakan menurut Akta 807 bagi maksud melaksanakan tujuan Akta 807 dengan syarat bahawa notis munasabah diberikan kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat itu.

Pertanyaan saya, apa dimaksudkan dengan 'notis munasabah'? Definisi 'notis munasabah' ini tidak dinyatakan secara spesifik sama ada ia notis secara bertulis atau pemakluman notis ini juga boleh dibuat melalui kaedah e-mel, SMS dan sebagainya. Begitu juga tempoh masa pengeluaran Notis ini yang boleh dianggap sebagai munasabah perlu dikeluarkan kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat dalam Akta 807 ini. Tidak dinyatakan tempoh masa pengeluaran notis ini yang boleh dianggap sebagai munasabah.

Akhir kata, saya berharap agar pindaan yang dibawa ini akan memberi manfaat kepada pendapatan negara kita khususnya. Sekian Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad yang berucap dalam setiap pembentangan rang undang-undang. [*Tepuk*] Ya hari ini orang itu bertepuk bukan apa, supaya pendek... [*Ketawa*]

4.25 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia Tuan Yang di-Pertua dan sahabat Ahli Senator semua. *Insyallah* saya pendek sahaja. Minta maaf saya ke surau sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang kita bentangkan yang terakhir adalah pada sesi Mesyuarat kita pada kali ini Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yakni Akta yang bernombor 807. Akta baharulah 807 ini, baharu dua tiga tahun.

Cuma saya macam biasalah, saya melihat kepada kewangan negara, itu saya hendak mencadangkanlah benda yang mungkin ruang-ruang yang mungkin kerajaan boleh nampak dan tengoklah. Umpamanya, saya ingat dalam kes ini kerajaan lebih tekankan kepada pindaan kali ini ialah penggunaan perkhidmatan konsultan luar negara.

Jadi, sudah tentulah dalam kita hendak menaikkan rating atau penarafan ekonomi supaya lebih diminati oleh pelabur-pelabur asing, sudah tentu kita memanggil, menggunakan khidmat-khidmat penarafan antarabangsa yang ada rankingnya peringkat dunia. Barulah memberi kepercayaan kepada pelabur-pelabur untuk datang. Syarikat-syarikat daripada *Fortune 500* untuk datang ke negara kita.

Sudah tentu mereka itu dalam kategori yang layak dikenakan cukai perkhidmatan fasal mereka itu konsultan. Jadi, saya hendak memaklumkan kepada kerajaan. Umpamanya misal kata syarikat yang menjalankan ECRL dari Kota Bharu sampai ke Selangor, kita dapati bahawa mereka itu mendapat projek yang terlalu besar, berpuluh bilion. RM70 lebih bilion semuanya.

Akan tetapi di situ mereka ada menggunakan khidmat-khidmat dalaman konsultannya dalam semua segi, dengan izin, CNS, MAE, *mechanical electrical, civil structure*, EIA, *geotechnicalnya* dan sebagainya. Banyak digunakan secara dalaman. Jadi saya ingat di sini kerajaan mesti melihat pada masa-masa akan datang- kalau yang ini terlepas tetapi masih belum lagi saya rasa banyak lagi sektor-sektor yang belum dibuat pembinaan.

Kalau boleh kerajaan mencari satu mekanisme bagaimana syarikat-syarikat yang *international*, syarikat antarabangsa ini menggunakan khidmat walaupun dalaman tetapi ia menggunakan khidmat mereka ini untuk dikategorikan sebagai konsultan, perunding.

Jadi, saya fikir kerajaan mesti mencari jalan, di mana mereka ini juga mesti kita perangkap supaya mereka membayar cukai. Ini kerana, kerajaan kerugian berbilion juga itu kalau kira dengan cukai enam peratus tersebut. Saya satu lagi hendak mencadangkan kepada kerajaan, kalau bolehlah kerajaan pertimbangkan. Kadang-kadang kami ini konsultan ada waktu pelanggan bayar, ada waktu pelanggan tidak bayar. Mungkin peguam macam Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas lain sedikit. Dia tidak dibayar, maka dia tidak pergi mahkamah.

Akan tetapi macam kita ini kadang-kadang kawan. Kawan baik. Dia tidak bayar jadi tiba-tiba kita mesti hantar invois kepada dia sepertimana Yang Berhormat Senator tadi kata. Maknanya, kita tidak dibayar tetapi kita wajib bayar. Kita tahu kalau pelanggan kita bayar, memang kita wajib bayar. Itu bukan duit kita, itu duit kerajaan. Memang kerajaan mengenakan dan orang bayar melalui kita ini sebagai pintu sahaja. Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Dia tidak duduk dekat kita. Betul, kita tolong kutip bagi pihak kerajaan.

Akan tetapi, ada banyak kes terutama sekarang ini banyak sahabat kita yang berniaga ini menghadapi masalah. Jadi, apabila kita dapat invois dia tidak bayar. Akan tetapi apabila sampai ke kerajaan, dengan izin... [*Bercakap dalam bahasa Tamil*] Mesti kena bayar. Mesti kena bayar kerajaan kata. Itu bukan tanggungjawab kami, itu tanggungjawab kamu kutip, bukan kita kutip.

Jadi, memanglah saya minta kerajaan dalam hal ini tolong pertimbangkanlah sedikit supaya kita betul dapat, kita bayar. Kalau kita tidak dapat, janganlah bayar. Janganlah bayar kalau bolehlah. Jadi, saya rasa cukuplah sekadar itu. Saya ucap terima kasih kepada kerajaan yang membentangkan semua perkara ini untuk menimbang masalah yang dihadapi oleh rakan-rakan kita berniaga.

■1630

Kita kena ingat apa yang dibentangkan hari ini tidak banyak untuk kerajaan, banyak untuk kawan-kawan kita yang berniaga. Saya ucapkan terima kasih bagi rakan-rakan saya yang berniaga. Kerajaan prihatin ekoran daripada suasana COVID-19 yang kita lalui hampir dua tahun. Akan tetapi apa yang saya tekan tadi kalau pelanggan tidak bayar, janganlah minta kita bayar, minta tolong. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Demikian ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengemukakan pandangan masing-masing.

Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat jawapan sekarang.

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris dan Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad atas persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebentar tadi.

Saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih banyak-banyak kerana memberi pandangan, memberi teguran. Sudah pasti pegawai-pegawai saya yang sedang mendengar perbahasan ini akan mengambil maklum dan mengambil tindakan supaya kita dapat melakukan penambahbaikan daripada segi sistem dan dasar cukai negara.

Saya hendak beralih Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff berkaitan apakah jenis perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan, adakah dikenakan ke atas perubatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang disenaraikan sahaja seperti hotel, restoran dan perkhidmatan profesional. Manakala tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan perubatan.

Setakat Jun 2022, hasil cukai perkhidmatan telah dikutip pada tahun 2022. Maknanya RM14.9 bilion di mana pada tahun 2022, kita menjangkakan kutipan SST pada kadar kutipan RM27.6 bilion iaitu 1.7 peratus kepada KDNK negara. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, SST sejak diwujudkan pada September 2018 sehingga Jun 2022, jumlah kutipan SST merupakan RM98.6 bilion.

Yang Berhormat juga meminta adakah kajian supaya tidak membebankan rakyat. Sudah pasti Yang Berhormat, setiap kali yang kita buat sepertimana saya jawab soalan tadi, dalam pindaan sebelum ini di mana apabila kita membuat suatu cadangan untuk mewujudkan satu dasar yang baharu atau langkah cukai yang baharu, untuk dua tahun kebelakangan ini kita menggunakan kenyataan prabajet sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Untuk tahun 2023 kita bagi kepada rakyat. Saya pasti rakyat kita ini ramai yang bijak pandai, mereka juga ada akauntan, mereka juga pelaksana-pelaksana industri, mereka juga memberi pandangan kepada kita supaya apa yang kita

sebutkan ini tidak membebankan mereka, dalam masa yang sama kita dapat meningkatkan hasil negara.

Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris membangkitkan tentang dan Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad tentang pelanggan gagal membayar cukai perkhidmatan dan syarikat hendak kena bayar, tetapi pelanggan tidak bayar penyedia perkhidmatan. Jadi, apa yang kami boleh maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, penyediaan perkhidmatan boleh membuat permohonan cukai lapuk atau, dengan izin, *bad debt relief* di mana jika masih tidak menerima bayaran cukai daripada pelanggan, tempoh dikemukakan pada Jabatan Kastam Diraja Malaysia selepas tempoh 12 bulan.

Maknanya selepas 12 bulan, Yang Berhormat tidak dapat kutip daripada pelanggan, kita ada satu kaedah yang kita panggil *bad debt relief*, cukai lapuk. Sudah pasti kita akan membantu kepada semua *industry player*. Yang Berhormat juga bangkitkan tentang kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk membuat pindaan ke atas terma dan syarat, apa maksud notis munasabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa Yang Berhormat Menteri ini walaupun nampak ada kuasa kepadanya, tetapi sudah pasti pandangan daripada Ketua Pengarah itu kita ambil kira sebagai *check and balance* bagi memastikan sepertimana Yang Berhormat sebutkan tadi, Menteri tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan di bawah peruntukan ini. Notis munasabah yang diminta oleh Yang Berhormat bermaksud notis yang diberikan kepada syarikat untuk memaklumkan bahawa jenis perubahan syarat yang akan dibuat dalam tempoh masa yang terlibat. Sudah pasti notis munasabah ini adalah perkara-perkara yang melibatkan perkara-perkara yang mereka perlu tahu tentang apa tindakan-tindakan yang kita lakukan.

Saya juga ingin mengaitkan tentang jawapan saya kepada Yang Berhormat Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, yang *part* pertama saya sudah jawab RM27.6 bilion kita jangkakan unjuran SST pada tahun 2022. Cuma daripada cukai yang kita unjurkan tadi, RM14.6 bilion dan RM13 bilion berdasarkan unjuran TIV kenderaan bermotor yang lebih tinggi serta prospek telekomunikasi yang lebih baik. TIV itu bermaksud *total industry volume* yang kita guna pakai dalam sistem dasar percukaian.

Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad juga bangkitkan tentang bagaimana perunding asing membayar cukai. Sebenarnya kita ada satu yang dinamakan *withholding tax* di mana pembayar cukai bukan residen perlu membayar cukai *withholding tax* sebanyak 10 peratus ke atas perkhidmatan yang disediakan kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira perkara-perkara yang telah dibangkitkan ini telah dapat saya jawab satu per satu dan saya kira Yang Berhormat, saya sekali lagi bagi pihak Kementerian Kewangan, mengucapkan banyak-banyak terima kasih kerana untuk sidang kali ini ada sembilan rang undang-undang di bawah Kementerian Kewangan dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara kerana kesembilan-sembilan itu, dan *insya-Allah* sebentar lagi akan cukup sembilan diluluskan oleh Ahli Dewan Negara.

Kami bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih banyak-banyak kerana dasar cukai yang kita buat ini adalah untuk memastikan keamanan hasil fiskal negara dapat kita optimum dan perkasakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali terima kasih kepada Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Kamarudin Jaffar) dan diluluskan]

■1640

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 17(1)**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-14 DEWAN RAKYAT TENTANG PEROLEHAN *LITTORAL COMBAT SHIP* (LCS) BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM)****4.40 ptg.**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang seperti yang telah diputuskan pada pagi tadi, satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) telah dibenarkan untuk di bahas... [*Tepuk*] Saya sekarang memulakan perbahasan Usul ini dan pihak pencadang akan diberi 30 minit, dan pihak kerajaan juga 30 minit.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

4.40 ptg.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang untuk membentangkan Usul mengikut Peraturan Mesyuarat 17(1) berhubung Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) tentang perolehan *Littoral Combat Ship* (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia.

Sebelum saya memulakan, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan Usul ini bagi mengembalikan martabat Dewan Negara sebagai wadah membicarakan isu yang penting kepada rakyat... [*Tepuk*]

Laporan pendedahan oleh PAC ini melibatkan pengurusan aset-aset pertahanan negara. Justeru, bukan sahaja berkaitan wang cukai rakyat, malah, berkait rapat dengan keselamatan serta kedaulatan negara kita. Malangnya, ini bukan kali pertama tentera kita menjadi mangsa masalah rasuah dan penyelewengan.

Saya tidak perlu mengungkit kembali secara panjang lebar kes kecurian dua enjin jet bernilai RM100 juta, kontrak kapal selam bernilai RM3 bilion yang bermasalah, penerimaan enam helikopter tentera bernilai lebih RM300 juta yang tertangguh selama empat tahun dan hanya empat daripada 28 jet pejuang buatan Rusia milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang mampu beroperasi dengan baik.

Kini, negara dikejutkan lagi dengan pendedahan tentang kepincangan dalam perolehan enam buah LCS yang melibatkan RM9.1286 bilion. Sebanyak RM6.083 bilion telah pun dibayar dan sepatutnya menjelang bulan ini, kita menerima lima

daripada enam buah kapal LCS tersebut. Malangnya sehingga sekarang, sebuah kapal pun belum diterima. Malah, kapal LCS 1 yang sepatutnya siap dan diserahkan pada April 2019, masih berada pada tahap kemajuan fizikal 44 peratus mengikut Laporan PAC tersebut. Musuh di luar belum terlawan, kita sudah tewas di tangan pengkhianat orang dalam.

Tuan Yang di-Pertua, skandal perolehan LCS ini sememangnya boleh dielakkan. Mengikut Laporan PAC, TLDM telah menyatakan kekhuatiran menegur, malah memberi amaran sejak awal lagi kepada kerajaan termasuk kepada Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak ketika itu. Namun, kerajaan tidak mengendahkan amaran yang diberi oleh Panglima Angkatan Tentera Laut sehingga mencapai tahap krisis masa kini.

Saya akan senaraikan di sini lima kepincangan dalam skandal LCS dan akan mengakhiri usul saya dengan cadangan penyelesaian.

Pertama, campur tangan Menteri dalam pemilihan kontraktor. Antara komponen utama dalam projek LCS ini ialah reka bentuk kapal. Bagi menentukan reka bentuk kapal LCS, TLDM telah mengadakan enam kali mesyuarat dengan pihak kementerian dari Oktober 2010 sehingga Mei 2011. Mesyuarat dihadiri Panglima Tentera Laut sendiri.

Pada 24 Mei 2011, Menteri Pertahanan ketika itu, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah bersetuju dengan cadangan TLDM untuk menggunakan reka bentuk Sigma daripada syarikat Damen Shipyard. Namun, tanpa pengetahuan TLDM pada 11 Julai 2011, Menteri Pertahanan telah mengubah reka bentuk tersebut kepada jenis Gowind daripada syarikat Perancis bernama Naval Group. TLDM tidak bersetuju dan membantah perubahan tersebut.

Pada 26 September 2011, Menteri Pertahanan sekali lagi mengubah keputusan TLDM dengan menukar Sistem Pengurusan Tempur- *Combat Management System* daripada jenis Tacticos iaitu sistem yang sedia diguna pakai oleh kapal-kapal TLDM lain kepada sistem jenis Setis daripada syarikat Perancis yang sama. TLDM juga tidak bersetuju dan membantah perubahan ini. Sistem yang dipilih Menteri, bukan sahaja lebih mahal dan belum dibangunkan sepenuhnya. Malah, tidak sepadan dengan kebanyakan peralatan pilihan TLDM.

Mantan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr Abdul Aziz bin Haji Jaafar telah menghantar 10 pucuk surat untuk membantah dan menegur, termasuk lima pucuk surat kepada Menteri Pertahanan dan dua pucuk surat kepada Perdana Menteri. Jelas di sini kerajaan terutamanya Menteri Pertahanan telah menyalah guna kuasa dengan mengetepikan pandangan TLDM.

Kedua, syarikat Perancis yang bermasalah dilantik sebagai syarikat pembekal. Tuan Yang di-Pertua, syarikat Perancis Naval Group yang dipilih oleh Menteri Pertahanan sebenarnya sebelum ini dikenali sebagai DCNS. Bermula tahun 2010, DCNS telah disiasat dan didakwa di mahkamah Perancis atas pertuduhan rasuah melibatkan pembelian dua buah kapal selam *Scorpene* dan sebuah kapal selam *Agosta* oleh Kerajaan Malaysia bernilai RM5.1 bilion pada tahun 2002. Menteri Pertahanan ketika itu ialah Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak.

Soalannya ialah kenapa Menteri Pertahanan ketika itu, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan ketika itu, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak boleh bersetuju dengan sebuah syarikat yang terpalit dengan skandal rasuah antarabangsa sebagai kontraktor untuk projek LCS yang merupakan aset pertahanan strategik negara?

Apa yang lebih pelik ialah kerajaan tetap berdegil untuk melantik DCNS walaupun dibantahi keras oleh TLDM kerana reka bentuk serta sistem yang dibekalkan DCNS tidak sesuai dengan keperluan TLDM. Panglima Angkatan Tentera Laut menyatakan bahawa TLDM sudah pun mempunyai pengalaman yang buruk dengan syarikat tersebut.

Ketiga, *cost overrun* atau lebih kos sebanyak RM1.4005 bilion akibat kepercincangan pengurusan projek. Tuan Yang di-Pertua, skandal LCS ini, bukan sahaja kita bayar RM6.083 bilion dan sebuah kapal pun belum diterima. Laporan PAC juga mendedahkan bahawa projek ini sudah ada *cost overrun* ataupun lebih kos sebanyak RM1.4005 bilion. Perkara ini diakui sendiri oleh pegawai Boustead Naval Shipyard (BNS) sebagai isu pengurusan yang bermasalah.

Antara kepercincangan yang menyumbang kepada lebih kos ini ialah BNS telah menggunakan wang sebanyak RM400 juta projek LCS untuk membayar hutang lapuk projek lain. Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Datuk Ahmad Nazim Abdul Rahman telah berkata bahawa Boustead terpaksa mengambil alih sebuah syarikat pembuat kapal tentera, PSC Industries Berhad pada tahun 2005. Justeru, Boustead terpaksa menanggung hutang syarikat lama tersebut sebanyak RM400 juta. Menteri Pertahanan pada masa itu ialah Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak.

Disebabkan kepercincangan dan penyelewengan satu demi satu- 'lubang' terpaksa ditutup. Namun, setiap kali satu 'lubang' ditutup, lubang lebih besar muncul pula sehingga kini menyebabkan skandal LCS RM9.1286 bilion. Apa yang tragisnya ialah semua ini menyebabkan BNS dan pemegang sahamnya, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) tidak akan memperolehi sebarang keuntungan daripada projek LCS, malah, terpaksa menanggung kerugian.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak mendakwa konon projek ini adalah untuk membantu tentera kita dan veteran tentera terutamanya melalui LTAT. Namun, TLDM bukan sahaja tidak mendapat kapal tempur yang dijanjikan, malah, LTAT berkemungkinan akan mengalami kerugian yang amat besar sehingga hilang 46 peratus daripada dana LTAT pada masa kini.

■1650

Ini adalah perkara yang amat membimbangkan. Keempat, pembelian menjadi lebih mahal tiga ke-empat kali ganda serta kerugian lebih RM1 bilion disebabkan oleh syarikat orang tengah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kepincangan skandal LCS ini ialah penggunaan syarikat orang tengah. BNS telah melantik dua buah syarikat iaitu Contraves Advanced Devices Sdn. Bhd. (CAD) dan Contraves Electrodynamics Sdn. Bhd. (CED) untuk menjadi orang tengah bagi membeli peralatan.

Lantikan ini telah menyebabkan kos meningkat kepada tiga atau empat kali-ganda. Kalau BNS beli terus daripada Original Equipment Manufacturer (OEM), kos yang dapat dijimatkan adalah lebih kurang RM400 juta hingga RM500 juta. Kenapakah BNS tidak beli terus daripada pembuat peralatan dan perlu melalui syarikat orang tengah?

Selain daripada kerugian akibat *mark-up* tiga ke-empat kali ganda tadi, dapatan audit melaporkan bahawa syarikat-syarikat tersebut telah membuat tuntutan berganda sebanyak RM530 juta, menerima surat tawaran dengan skop bertindih sebanyak RM305 juta dan menyebabkan kerugian kepada BNS akibat perubahan dalam mata wang daripada Ringgit Malaysia kepada EURO berjumlah RM13.5 juta.

Secara kesimpulannya, CAD dan CED menyebabkan potensi kerugian lebih RM1 bilion kepada BNS. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, CAD merupakan syarikat usaha sama antara Boustead dan sebuah syarikat Jerman, Rheinmetall Air Defence (RAD) walaupun Boustead mempunyai pegangan saham yang lebih tinggi. Namun, CAD dikawal oleh syarikat asing iaitu RAD.

Kelima, kehilangan peluang pemindahan teknologi perkapalan ketenteraan. Tuan Yang di-Pertua, segala yang terjadi ini, bukan sahaja menyebabkan TLDM tidak mendapat kapal tempur setelah lebih 10 tahun dan kerugian duit cukai rakyat Malaysia malahan kita terlepas peluang untuk membuat pemindahan teknologi dengan izin, *technology transfer* untuk industri perkapalan ketenteraan.

Syarikat Damen Shipyards dari Belanda yang pada asalnya diputuskan sebagai syarikat pembekal reka bentuk SIGMA oleh TLDM, sebenarnya telah pun mempunyai rancangan untuk menjadikan Malaysia sebagai haknya. Sudah tentu jika projek ini diuruskan dengan baik, Malaysia mampu membangunkan sektor

pembuatan kapal tempur berteknologi tinggi di negara kita dan bukannya seperti sekarang, duit sudah habis, kapal tidak ada, malah benda baik yang kita miliki pun hilang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah bersetuju untuk menyahrahsiaikan Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang.

Skandal LCS dan masalah penyelewengan dalam kerajaan hanya boleh ditangani jika ada ketelusan. Saya berharap dokumen-dokumen berkaitan yang lain seperti surat-surat aduan Panglima Angkatan Tentera Laut terhadap kepincangan dalam projek LCS, Laporan Siasatan SPRM dan sebagainya juga turut dinyahrahsiaikan.

Skandal LCS ini sudah berada di tahap krisis yang terlalu besar. Rakyat secara amnya tidak yakin bahawa kerajaan pada hari ini terutamanya Yang Berhormat Menteri Pertahanan mampu dapat menyelesaikan krisis LCS. Laporan PAC menyebut bahawa BNS sampai mencadangkan agar kerajaan memberikan *order book* atau nilai kontrak sebanyak RM53 bilion bagi membolehkan syarikat tersebut mencari dana baharu bagi menyambung projek LCS.

Ini bermakna baki wang asal yang diperuntukkan iaitu sebanyak lebih kurang RM3 bilion sudah tidak mencukupi untuk meneruskan projek tersebut. Rakaman-rakaman- *Hansard* Mesyuarat PAC menunjukkan bahawa para pegawai kanan sama ada daripada Kementerian Pertahanan, TLDM mahupun Boustead telah menyatakan bahawa BNS kini boleh lingkup bila-bila masa dan ini akan mendatangkan impak yang amat buruk kepada Boustead Holdings dan LTAT.

Pengkhianatan terhadap keselamatan negara dan wang rakyat tidak boleh dipandang enteng. Media melaporkan bahawa mungkin hari ini SPRM akan memulakan pendakwaan terhadap seorang bekas Pegawai Kanan BNS. Namun kita harus mengambil pendirian tegas bahawa jangan hanya pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang dijadikan korban. Hukuman paling keras harus diambil terhadap Yang Berhormat Menteri-menteri malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan mahupun syarikat berkaitan kerajaan yang telah terlibat dalam skandal ini.

Takkan hanya dengan seorang kakitangan Boustead itu mampu menyebabkan krisis RM9.1286 bilion dengan menipu TLDM, mempengaruhi Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Perdana Menteri dan hampir memuffiskan sebuah syarikat berkaitan kerajaan yang begitu besar.

Saya ambil maklum berita hari ini bahawa bekas Pengarah Urusan Boustead Naval Shipment Sdn. Bhd. (BNS) telah didakwa di mahkamah atas tiga buah pertuduhan pecah amanah. Namun demikian, menurut laporan berita, pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah berkaitan dengan transaksi-transaksi sebelum dengan izin, *letter of agreement* (LoA) dikeluarkan pada akhir tahun 2011. Maka, pada ketika itu, tidak jelas lagi sama ada pertuduhan ini ada kena mengena dengan kes LCS atau tidak.

Seperti yang saya gariskan dalam ucapan saya, banyak isu yang berbangkit daripada apa yang didedahkan dalam laporan PAC dan tidak mungkin dapat dirungkaikan hanya dengan pertuduhan-pertuduhan ini. Justeru, saya ingin mencadangkan agar Dewan yang mulia ini bersetuju agar sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk membuat siasatan penuh dan mencari penyelesaian kepada skandal LCS ini.

Hanya dengan kuasa tertinggi negara ini yakni sebuah suruhanjaya bebas dan profesional yang diberikan mandat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong barulah kita boleh mendapat kebenaran dan seterusnya penyelesaian terhadap skandal LCS. Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadangkan... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Demikianlah ucapan pengusulan daripada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Di hadapan saya ada 10 permohonan untuk berucap. Oleh sebab isu ini merupakan isu yang dimensinya nasional, selain daripada isu keselamatan negara, ekonomi dan kewibawaan Malaysia sendiri, maka kita harus memberi peluang ucapan kepada setiap yang mengemukakan permohonan.

Permulaannya, kita beri peluang supaya setiap orang berucap selama lima minit. Oleh sebab jika lima minit seorang, maka sebanyak 50 minit sudah terpaksa kita berikan. Yang Berhormat Menteri Pertahanan ada bersama dan beliau juga akan mengambil nota... [*Tepuk*] Atas apa-apa yang telah sempat dikemukakan oleh pencadang.

Sekarang dengan hormat dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip mengemukakan hujah selama lima minit.

4.58 ptg.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya sekali lagi tampil mengambil bahagian dalam sesi perbincangan khas ini.

Ini merupakan rekod bagi Dewan Negara, kehadiran Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, selamat datang kita ucapkan.

Saya menyertai perbahasan ini kerana saya rasa bertanggungjawab. Saya tidak mahu kita ulangi kesilapan yang sama pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, isu kapal LCS ini sudah berulang kali dibangkitkan baik di Dewan yang mulia ini atau di Dewan Rakyat dan sekarang jadi bualan rakyat di mana jua mereka berada. Pada anggapan rakyat, ada berlaku penyelewengan, ada berlaku salah urus tadbir dan ada keputusan politik yang salah dalam projek ini.

Apa pun saya amat menghargai usaha Kementerian Pertahanan baru-baru ini dengan membawa pengamal media melawat Boustead Naval Shipyard. Daripada gambar serta video yang diedarkan, ia mengesahkan hakikat sebenar bahawa memang betul kesemua kapal LCS ini masih tidak siap-siap walaupun sudah 11 tahun projek ini dilancarkan. Padahal sejumlah RM6.083000 juta sudah pun dibayar kepada BNS. Sepatutnya, dua buah kapal LCS iaitu KD Maharaja Lela dan KD Syarif Masahor sudah diterima oleh TLDM.

■1700

Sepatutnya kapal-kapal ini sudah pun beroperasi bagi mengawal perairan negara terutamanya di Laut China Selatan, di mana kedaulatan dan perairan kita sering digugat oleh kapal-kapal perang China mutakhir ini. Itu pun hanya lima buah kapal LCS sahaja setakat ini yang dibina. Kapal keenam iaitu KD Mat Kilau belum dibuat apa-apa. Barangkali KD Mat Kilau masih berada di *Lauh Mahfuz*, yang ada pada ketika ini hanyalah filem Mat Kilau sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kapal TLDM kita tidak siap-siap, Singapura negara jiran kita hanya mengambil masa tujuh tahun sahaja untuk menyiapkan kesemua enam buah kapal frigat *formidable* yang merupakan kapal perang tercanggih di Asia Tenggara pada ketika ini. Singapura memulakan projek tersebut pada tahun 2002 dan siap sepenuhnya pada tahun 2009. Tempoh masa tujuh tahun juga diambil oleh Singapura untuk menyiapkan lapan buah kapal LMV iaitu dari tahun 2013 dan siap pada tahun 2020.

Maknanya, dalam tempoh 14 tahun Singapura sudah ada 14 buah kapal perang moden tetapi kita waktu ini habuk pun tidak ada. Tidak malu kah kita pada Singapura? Kita patut malu pada Singapura. Singapura tidak ada Boustead, Singapura tidak ada LTAT, lebih-lebih lagi jarang benar kita mendengar Menteri Pertahanan Singapura bercakap demi agama, bangsa dan negara. Akan tetapi Menteri Pertahanan Singapura tahu apa yang terbaik untuk negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kontrak dimeterai pada tahun 2014, pada masa Yang Berhormat Menteri Pertahanan sekarang menjadi Menteri Pertahanan pada ketika itu, Laporan PAC mendedahkan bayaran kepada Boustead telah pun

dibuat bermula semenjak tahun 2011 lagi. Pelik bin ajaib. Saya hendak tanya apa istimewanya Boustead hingga diberi layanan sedemikian rupa.

Tan Sri Ambrin Buang, Ketua Audit Negara sendiri amat kecewa dengan tata kelola pembayaran ini. Kalau hendak sebut satu persatu masa yang diberikan tidak cukup. Akan tetapi saya hendak tanya bagaimana Anuar Murad, bekas CEO Boustead Naval Shipyard yang peranannya disebut jelas dalam muka surat 133 pada Laporan PAC boleh menjadi terlalu berkuasa dalam projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan penemuan oleh Tan Sri Azam Baki yang mendedahkan bahawa sebahagian besar duit-duit daripada siasatan SPRM, sebahagian besar duit RM6.03 bilion ini dikesan telah dipindahkan ke akaun di Singapura oleh individu-individu tertentu. Saya hendak tanya bagaimana projek di Lumut tetapi duitnya boleh berlumut di Singapura? Sebab itu saya menyokong penuh agar ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyasat skandal ini.

Saya penuh yakin dan percaya jika kerajaan mempersembahkan perkara ini kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku pemerintah tertinggi angkatan tentera, saya penuh yakin dan percaya *insya-Allah* baginda akan memberikan perkenan. "*Kalau hendak seribu daya, kalau tidak hendak seribu dalih*". Kita perlu laksanakan yang terbaik, amar makruf munkar-*'nakir'*. Bukan amar makruf *'munkar nakir'*, tapi amar makruf nahi munkar.

Dengan kata-kata itu, saya sudahi dulu ucapan ini. *Wabillahitaufiq walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip yang mengemukakan hujahnya bersekali dengan fakta-fakta yang berkemungkinan besar mengubah pemikiran pihak-pihak yang berkaitan.

Terus kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

5.04 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kontroversi yang melibatkan isu LCS mendapat liputan media tempatan dan portal akhbar antarabangsa termasuk *Channel News Asia*. Menerusi perbahasan saya ini, saya sebagai pengamal undang-undang saya lebih cenderung untuk membicarakan perihal siasatan serta perundangan.

Pertamanya saya ingin menyentuh mengenai siasatan SPRM. Jadi, apakah makna SPRM melengkapkan kertas siasatan tersebut sedangkan seorang yang

dipanggil untuk memberikan keterangan dan telah dituduh pada pagi ini? Manakah lagi lebih daripada yang telah dituduh? Ramai tertanya bilakah pendakwaan akan dibuat terhadap kesemua individu serta syarikat yang dinyatakan dalam kertas siasatan yang telah pun diserahkan untuk perhatian Peguam Negara?

Dalam soal perundangan, lebih-lebih lagi yang melibatkan penyelewengan wang kita tidak boleh bermain dengan kata-kata retorik yang hanya boleh menyedapkan hati rakyat. Hakikatnya proses siasatan terhadap setiap pihak yang terlibat seolah-olah masih tergantung dan rakyat masih menantikan jawapan kepada segala pendedahan yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Tidak kira sesiapa pun individu yang terlibat harus dibawa ke pengadilan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menegaskan agar pihak SPRM dapat bertindak dengan pantas, telus, bertanggungjawab dan profesional dalam memuktamadkan siasatan sebelum dibawa ke peringkat pendakwaan. SPRM perlu bertindak dengan pantas dengan memanggil kesemua individu termasuk pengurusan tertinggi Boustead Naval Shipyard (BNS) yang merupakan syarikat yang menerima kontrak rundingan terus selama 10 tahun bagi melengkapkan pembinaan LCS.

Selain menzahirkan komitmen terhadap penyiasatan terbuka, pemisahan bidang kuasa antara eksekutif dan kehakiman juga wajar dibuktikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerusi semangat bipartisan yang dimeterai menerusi MOU transformasi dan kestabilan politik.

Seperti yang dinyatakan dalam perenggan ketiga kenyataan media Perdana Menteri berhubung dengan siasatan terhadap isu LCS, Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau telah memanggil Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Peguam Negara untuk memulakan tindakan segera. Daripada kenyataan tersebut, saya tidak nampak kewujudan pemisahan kuasa antara cabang eksekutif dengan kehakiman memandangkan Perdana Menteri yang memberi arahan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Peguam Negara untuk memulakan tindakan segera.

Tindakan yang dilakukan oleh Perdana Menteri tersebut boleh menimbulkan *conflict of interest*, dengan izin, memandangkan Perdana Menteri juga merupakan salah seorang Menteri Kabinet ketika keputusan berkenaan perolehan LCS dibuat ketika pentadbiran Yang Berhormat Pekan. Biarpun begitu...

Tuan Yang di-Pertua: Pada pandangan Yang Berhormat, bolehkah Perdana Menteri mengarahkan menyiasat?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Oh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Pada pendapat saya tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tanya saja.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Biarpun begitu, saya secara prinsipnya menyambut baik keterbukaan yang dinyatakan oleh Jemaah Menteri agar Laporan Pengauditan Forensik Projek LCS yang telah dijalankan pada tahun 2019 boleh didedahkan kepada umum. *Declassification* tersebut atau diklasifikasi tersebut boleh membuka ruang kepada rakyat serta pihak-pihak yang terlibat dalam mengendalikan laporan siasatan untuk menghadamkan apakah yang sebenarnya yang berlaku di sebalik tabir.

Saya juga menuntut agar Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang dibentangkan dengan segera di Parlimen. Isu penyelewengan yang melibatkan LCS ini merupakan hal mustahak kerana ia bukan sahaja berkaitan dengan soal integriti kerajaan malah ia juga melibatkan perihal keselamatan negara yang boleh mengundang kepada risiko pencerobohan asing yang tidak boleh kita duga.

Saya juga menyokong bahawa apa yang diulangi oleh pembahas tadi bahawa menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja, atau *Royal Commission of Inquiry* dapat ditubuhkan dengan kadar segera. Penubuhan RCI seperti ini akan berupaya mengendalikan siasatan bersepadu secara terperinci. Saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

■1710

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fathmi bin Haji Che Salleh.

5.10 ptg.

Tan Sri Haji Mohamad Fathmi bin Haji Che Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua seterusnya, Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang ada bersama kita.

Saya mengikut rapat perkembangan isu LCS ini, selain daripada usaha untuk mencari mereka yang tidak bertanggungjawab untuk dihadapkan ke muka pengadilan. Perkara yang tidak kurang pentingnya adalah bagaimana LCS ini dapat dipastikan dapat diselesaikan. Ini adalah kerana ia melibatkan RM6 bilion- wang awam yang telah dibelanjakan. Saya pasti kita tidak mahu ia dibiarkan begitu sahaja.

Berdasarkan keputusan daripada pihak kerajaan pada April lalu, Kabinet telah bersetuju untuk meneruskan projek LCS ini demi memenuhi keperluan TLDM yang amat terdesak dan demi kesiapsiagaan keselamatan tanah air kita. Pemulihan projek ini juga akan menentukan nasib 400 orang vendor. Berdasarkan Ketua

Pegawai Eksekutif LTAT, seramai 112 ribu orang, nasib veteran akan bergantung terhadap kelangsungan projek ini kerana memberi kesan kepada LTAT dan pulangan dividen tersebut.

Saya menghargai dan mengalu-alukan keputusan pentas ini, namun saya ingin memohon penjelasan yang lebih terperinci dari Yang Berhormat Menteri berkenaan langkah ke hadapan terutamanya berkaitan dengan pelan mobilisasi selama enam bulan tersebut. Apakah yang dimaksudkan dengan pelan mobilisasi itu? Bagaimanakah untuk dipastikan supaya usaha pemulihan ini tidak akan berlaku lagi sebarang ketirisan?

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya pasti setiap daripada kita mengikuti perkembangan isu LCS ini secara dekat. Hampir setiap hari, ia disiarkan di akhbar, portal-portal berita dan perbincangan dalam aplikasi dalam talian seperti *WhatsApp* dan juga *Twitter*. Apa yang saya hendak nyatakan di sini iaitu Yang Berhormat Menteri, suka atau tidak isu LCS ini sudah pun menjadi tumpuan umum.

Namun di dalam dinamika ini, perkara yang membimbangkan iaitu kekeliruan dalam mencari pemahaman yang sebenar. Persepsi atau fakta. Selain itu, dengan kepantasan dunia siber, segala maklumat dapat diakses melalui aplikasi sosial *Facebook* dan *Twitter*. Pendapat dan kenyataan-kenyataan LCS daripada orang politik juga menjadi rujukan utama kepada masyarakat umum. Hal ini akan merumitkan keadaan dan cenderung untuk membentuk pemahaman yang tidak tepat.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan dan laporan audit forensik yang telah dinyahklasifikasikan boleh disiarkan kepada umum? Penemuan jawatankuasa dan audit forensik ini akan membantu pemahaman yang lebih adil dan bersandarkan fakta.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpandangan isu LCS ini berkisar kepada tiga perkara.

Pertama, kelewatan, dengan izin, *delivery of contract*. Kelewatan ini kita perlu ingat kronologinya, iaitu kita telah melalui hampir empat tahun penangguhan pembinaan kapal tersebut. Pada permulaannya, ditangguhkan pada tahun 2018. Hampir dua tahun kerajaan ketika itu telah menangguhkan pembinaan. Kemudian, apabila dibenarkan membina, malangnya kita menghadapi pandemik COVID-19 selama dua tahun PKP kita alami. Sebenarnya secara *totalnya*, kita telah menangguhkan pembinaan ini selama hampir empat tahun.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong untuk mengambil tindakan sekeras-kerasnya terhadap yang melakukan salah laku atau pun penyelewengan.

Akan tetapi, saya rasa hari ini, isu ini SPRM sedang menyiasat lagi. Belum *complete*, belum selesai maka sudah tentu, saya tidak nampak keperluan RCI ini ditubuhkan waktu ini.

Biarkanlah SPRM menyiasat dahulu, tengok macam mana kerana rekod SPRM selama ini, sudah ramai yang ditangkap, bersabit dengan kes-kes lain. Sudah ramai yang sudah didakwa, sudah ramai yang telah dihukum hasil daripada siasatan dan tindakan SPRM.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya yakin projek yang kita rancang merupakan projek yang terbaik untuk negara. Sudah tentu, apa yang kita rancang, sudah tentu kita akan menghadapi masalah. Akan tetapi, kalau kita menghentikan projek ini, maka kita menjadi orang yang sudah, dengan izin, *surrender* dengan masalah. Masalah akan tiba setiap kali kita merancang untuk membuat sesuatu.

Sebelum saya sudahi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin *quote* atau ingin menyatakan sebuah kata Pujangga, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "*Winners never quit, quitters never win*". Ini bermaknanya, kita Malaysia ini, *we want to be a winner* maka, *do not quit*.

Dengan kata-kata itu, saya rasa itu sahaja ucapan saya. Saya berterima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya, dan saya tidak menyokong untuk menubuhkan RCI pada waktu ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Baiklah. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Lima minit.

5.17 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat Ahli-ahli Dewan Negara dan Yang Berhormat Menteri yang hadir untuk menjawab sendiri usul yang dibentangkan pada hari ini.

Sebelum itu, saya nak merujuk firman Allah SWT yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Bersiap siagalah dengan segala kekuatan yang ada pada kamu*,". Bila disebut kekuatan menggambarkan ketenteraan, persiapan ketenteraan dan kita hendaklah menjaga semua benteng pertahanan negara.

Cuma hari ini, kita dikejutkan dengan satu isu yang besar, skandal yang besar di mana satu jumlah melebihi RM6 bilion telah dibayar kepada satu perkara yang belum dilihat oleh rakyat. Kita faham dalam sistem tender bahawa ada bayaran muka sebelum satu-satu projek itu dilaksanakan.

Akan tetapi, pada tiap-tiap tahap bayaran, mesti ada satu pasukan yang meluluskan, yang menyemak secara teknikal kemudian meluluskan untuk dibayar. Saya berfikir dan saya yakin, kebanyakan mereka ini merupakan orang-orang teknikal yang meluluskan untuk bayaran. Sudah tentu, mereka membuat bayaran, mereka meluluskan bayaran berdasarkan kepada apa yang ada di lapangan.

Akan tetapi, hari ini, saya menjangkakan satu perkara kepelikan kerana negara-negara tetangga kita yang juga membuat projek yang sama, perkara yang sama telah menyiapkan, dengan izin, *combat ship* mereka. Singapura, umpamanya, lapan buah kapal perang mereka telah disiapkan, yang boleh ditunjukkan kepada rakyat mereka dan kepada seluruh dunia.

Akan tetapi kita yang mengheret LTAT sebelum ini, sebelum LTAT terlibat dengan *Boustead Naval Shipyard* ini, LTAT sentiasa membayar dividen kepada lebih kurang 120 ribu orang anggota mereka yang mencarum, tidak kurang daripada 10 peratus. Antara 10 peratus hingga 15 peratus.

Akan tetapi, bila mana LTAT dipaksa terlibat dengan projek *Boustead Naval Shipyard* ini, dividen yang dibayar kepada anggota pencarum 120 ribu kadangkadangkang terpaksa dibantu oleh kerajaan.

■1720

Jadi amat malanglah satu projek yang tidak berjaya tetapi melibatkan keikhlasan, kejujuran, pengorbanan anggota-anggota tentera yang berjumlah 120,000 tetapi mereka kehilangan dividen pada kadar yang sepatutnya ditambah pula dengan insiden yang memalukan di mana sepatutnya menjadi kebanggaan kepada mereka tetapi menjadi satu kehinaan kepada mereka sekarang ini. Bayangkan kalau tentera itu bapa kita, bayangkanlah kalau tentera itu adik-beradik kita.

Bagaimana dalam setiap bualan di kedai-kedai kopi di mana-mana, maka kita terpalit. Siapakah abang kamu? Tentera. Siapakah ayah kamu? Tentera. Maka kita juga digolongkan dalam kelompok yang bernasib malang. Sebab itu saya rasa kerajaan mesti serius untuk memastikan bahawa keadilannya sebenar berlaku dan cepat-cepat kita memberitahu kepada rakyat. Supaya kepercayaan dunia kepada negara kita sentiasa kekal, sentiasa baik kerana kita sudah tidak mahu berulang selepas insiden 1MDB ditambah dengan insiden LCS dan kita tidak tahu lagi sekiranya ada lagi benda-benda besar yang bakal pecah dan bakal timbul dan bakal memalukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini untuk bersama-sama supaya kerajaan insaf dan sedar supaya perkara yang sama tidak berulang lagi kerana keadaan kewangan negara yang sudah daripada 1998 sehingga sekarang kita tidak

pernah membentangkan bajet *surplus*. Tidak pernah bentang, tiap-tiap tahun mesti ada pinjaman baru, jualan aset dan sebagainya untuk menampung kewangan pentadbiran negara, bajet negara setiap tahun. Sudah tentu dalam kes ini kerajaan tidak boleh melengahkan masa, SPRM dengan izin telah pun memberi tahu bahawa di mana sebahagian besar wang itu dilabuhkan sekarang ini.

Kalau Ketua Pesuruhjaya SPRM telah menyatakan bahawa sekian memenuhi RM1 bilion telah dilabuhkan di Bank Negara tetangga maka kita mesti sudah ada *rate trail of money*, dengan izin. *Trail of money* yang pergi ke sana dan kenapa satu angka yang besar sudah dipindahkan ke Singapura. Sebab itu saya hendak menyatakan Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sebagai orang teknikal tidak mungkin mereka akan meluluskan hal-hal seperti ini kalau tidak ada tangan-tangan ghaib yang sangat berkuasa.

Ini kerana apabila kita dapati banyak kes besar yang dulu-dulu pun yang kena pegawai-pegawai tinggi kerajaan tapi hakikatnya yang mengarahkan itu tangan-tangan ghaib yang berkuasa. Pegawai-pegawai kanan kadang-kadang mereka terpaksa tapi kalau ada berani *alhamdulillah* mereka lawan tetapi yang memberi arahan sentiasa selamat dan tidak kelihatan sebagai pihak yang bersalah. Dalam kes ini *insya-Allah* sekiranya kerajaan benar-benar jujur dan ikhlas untuk membentangkan perkara ini demi maruah dan reputasi negara maka cepat-cepat kita ambil tindakan, dedahkan dan kita mendapat keputusan. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

5.23 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbicaraan laporan perolehan *littoral combat ship* yang hangat dibicarakan sekarang dalam kalangan rakyat. Pelbagai persoalan telah dibangkitkan dan saya percaya Dewan yang tertinggi ini akan turut meletakkan kepercayaan kepada pihak yang terbabit dalam memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kanan kita, diri sendiri menghadiri sesi di Dewan yang mulia ini mendengar perbincangan dan menjawab soalan yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan melalui PAC yang dipetik oleh ahli politik, portal, berita dan orang awam bahawa isu utama yang dikaitkan di dalam LCS ini adalah kelewatan dalam membekalkan kapal yang telah dibayar. Mohon

penjelasan Yang Berhormat Menteri Kanan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini.

Mengapakah semua pesanan yang dibuat pada tahun 2010 masih tidak dapat disiapkan? Padahal ia sepatutnya disiapkan sepenuhnya Ogos 2022. Di manakah silapnya? Walaupun kerajaan telah membayar RM6 bilion untuk lima buah kapal LCS kepada *Boustead Naval Shipyard* Sdn. Bhd. yang dikenali sebagai BNS namun tiada satu kapal pun diterima setakat ini. Sudah bayar tapi tak terima apa-apa. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kanan kita juga mengapa berlakunya gangguan kepada jadual kerja asal. Adakah bebanan kewangan?

Tuan Yang di-Pertua, tiga pentadbiran bertukar dari Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan dan kepada Perikatan Nasional balik kepada Barisan Nasional. Namun isu LCS ini tiada kesudahan. Politikus Pakatan Harapan seolah-olah cuci tangan. Saya juga mohon Menteri Kanan jelaskan, apakah tindakan ataupun pendekatan yang diambil oleh Pakatan Harapan semasa mereka memerintah Kerajaan Pusat terhadap perkara ini.

Saya percaya dengan kepimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Kanan Pertahanan, penjelasannya terutamanya kepada pihak media agar terperinci dan berkelihatan tidak menyembunyikan apa-apa. Namun, isu LCS ini lebih daripada kepercayaan tersebut.

Kita perlukan data, kita perlukan ketegasan dan perlu mencari siapa yang bertanggungjawab dalam setiap elemen yang melambatkan pembekalan kapal tersebut. Tuan Yang di-Pertua, yang ini bukan kapal komersial, lambat tak apa kita boleh bincang tetapi yang lambat ini merupakan kapal perang. Janganlah sekali kita hendak berkompromi dengan mana-mana aspek keselamatan pertahanan negara. Ini lah pendapat saya.

Saya juga difahamkan bahawa mantan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia pernah mengutus bantahan- pendiriannya melalui 10 pucuk surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha Negara dan Perdana Menteri pada ketika itu. Namun, apa yang mengejutkan adalah, tiada tindakan susulan yang diambil. Mengapa yang hendak menggunakan kapal tersebut itu Tentera Laut Diraja Malaysia. Akan tetapi apakah pendapatnya tidak penting?

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita mengambil mudah soal pertahanan maritim? Malaysia mempunyai persisiran pantai yang luas, mempermainkan integriti dan ketelusan yang berkaitan dengan pertahanan negara merupakan langkah derhaka.

Saya menyokong cadangan Ahli Dewan Rakyat Yang Berhormat Pagoh yang juga Pengerusi Perikatan Nasional Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yassin yang menggesa Kabinet supaya mewujudkan Suruhanjaya Bebas Diraja bagi menyiasat dakwaan penyelewengan berhubung projek pembidaan kapal tempur pesisir.

Saya harap kerajaan untuk kenal pasti isu yang sebenar- siapa yang silap? Apakah yang berlaku sebenarnya? Penelitian Laporan Audit, Laporan PAC dan bentanglah Kertas Siasatan tersebut kepada Dewan Parlimen yang mulia ini.

Ingat jangan sekali mencacatkan pertahanan negara. Saya ulang ia merupakan tindakan derhaka. Dengan inilah saya sokong Usul itu. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau. Yang Berhormat Senator Datuk Nicole Wong Siaw Ting.

5.28 ptg.

Datuk Nicole Wong Siaw Ting: Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul khas ini.

Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini daripada peluang perbahasan isu ini berdasarkan kemelut kapal tempur pesisir ini pada hemat saya usul ini amatlah penting kerana ia melibatkan dana awam yang sangat besar nilainya yang melibatkan sebanyak RM9 bilion jumlah yang asal serta keselamatan negara yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, nilai RM6.083 bilion telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan untuk membina kapal tempur pesisir ini. Sehingga kini tiada satu kapal pun yang siap, puncanya kerana penangguhan kerajaan terdahulu yang menyebabkan pembinaan ini lambat dan tidak siap sepenuhnya.

■1730

Walau bagaimanapun, kapal ini tidak hilang seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Pakatan Harapan. Sedangkan merekalah punca pembinaan ini menjadi lambat dan tidak mengikut jadual asal. Akan tetapi tidak mengapa, dengan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan yang mahukan kapal ini mesti mengikut jadual yang dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan bahawa berdasarkan laporan PAC mengatakan sebanyak 15 peratus kelengkapan peralatan telah pun usang menjadi soalan saya.

Pertama, apakah peralatan-peralatan dalam kapal ini masih relevan untuk diguna pakai? Jika benar kerugian hampir RM255 juta amatlah membazir dan rugi. Berdasarkan laporan PAC tersebut, adalah rasional kesemua alatan serta kelengkapan secara dibeli pukal pada ketika itu, adalah untuk menjimatkan kos pembelian daripada beli secara runcit.

Namun, dengan kemajuan teknologi peperangan yang semakin ke hadapan, ia telah tersasar daripada niat sebenar bagi sistem pertahanan negara kita yang dicintai. Oleh demikian, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan perkara ini dan bagaimanakah MINDEF dan kerajaan merancang untuk mengurusnya?

Walau bagaimanapun, saya amat yakin dan percaya dengan kepimpinan kerajaan Keluarga Malaysia hari ini kerana berusaha untuk memastikan supaya kedaulatan negara ini dijaga aman dan sentosa. Besarlah harapan saya supaya kapal LCS ini dapat disiapkan dengan cepat dan dapat menjaga perairan negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita beralih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

5.32 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan yang bersama kita pada petang ini serta seluruh Ahli Dewan yang dikasihi sekalian. *Alhamdulillah* sudah banyak hujah yang dikemukakan. Cuma...

Tuan Yang di-Pertua: Diharapkan hujahnya berbeza sedikit dan tidak mengandungi hal-hal yang telah diucapkan sebelumnya.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya ingin membangkitkan beberapa soalan. Pertama, berkaitan dengan peralatan yang dibeli bagi projek LCS yang berjumlah RM1.7 bilion dengan 15 peratus daripadanya akan menjadi usang menjelang siapnya kapal LCS kelak.

Apabila memasuki perkhidmatan pemanjangan jangka hayat, kemudiannya, sudah tentu alatan tadi perlu diganti. Ketika itu, pastinya barang yang usang itu melebihi 15 peratus.

Jadi, persoalan saya ialah jumlah peratusan anggaran barangan usang menjelang siapnya kapal LCS kelak, dan jumlah kos tanggungan tambahan bagi menggantikan semula barangan tersebut? Itu yang pertama.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mendapatkan penjelasan di sini iaitu mengenai baki empat- kelas kapal lain iaitu Kelas Kapal Misi Pesisir (LMS),

Kelas Kapal Rendah Generasi Baru (NGPV), Kelas Kapal Sokongan Multi fungsi (MRSS) dan Kelas Kapal Selam. Ini semua adalah sebahagian daripada rancangan transformasi TLDM yang pernah dilancarkan sebelum ini.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan supaya sebarang bentuk penyelewengan yang berlaku hendaklah sedaya upaya diambil tindakan. Saya memberi kepercayaan kepada SPRM sebagai badan bebas untuk menjalankan siasatan.

Setiap perincian yang masih ada kelompangan sehingga siasatan itu sampai ke lubang cacing. Dengan harapan tidak ada jerung yang terlepas dari pukut ini. Jangan undang-undang sarang labah-labah yang dipakai sehingga serangga kecil yang tersangkut tetapi serangga ataupun makhluk yang besar dengan sarang-sarang labah itu dibawanya. Jadi, itulah harapan daripada kita hari ini. Maka, saya menyokong untuk tindakan tegas diambil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

5.36 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ikut *trend* Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Yahaya tadi pun bagus.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Pendek sahaja kata-kata saya. Tuan Yang di-Pertua.

Kapal perang ditempah untuk pertahankan negara daripada musuh. Kita sanggup berbelanja berbilion-bilion Ringgit. Walaupun, kita sedar kapal itu mungkin akan hilang dek peluru musuh. Kita rela demi maruah negara. Biar mati berdiri daripada hidup melutut.

Tuan Yang di-Pertua, kita amanahkan kepada kawan- disangka kawan rupanya lawan. Lawan dalam selimut.

Tahun demi tahun berselang, enam buah kapal masih menghilang. Apa lagi yang bakal hilang atau sudah hilang tetapi belum dibilang- disahkan hilang.

Maruah negara jadi bahan jenaka- itulah kita. Terima kasih... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Wah. Itu kena kita masuk dalam silibus sukatan pelajaran baharu. Namun, pengajaran itu dapat kita bayangkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Kita terus ke Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

5.37 ptg.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Panglima Awang Hitam, mengelilingi samudera;
Belayar nakhoda hingga ke Selat China Selatan.
Isu LCS dibahaskan demi negara;
Harap YB Menteri tidak jawab "masih dalam siasatan."*

Tuan Yang di-Pertua: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mulakan isu ini dengan menyebut beberapa perkara. Pengupayaan armada dalam mana-mana tamadun dunia adalah sangat penting. Hari ini, kita bercakap tentang pengupayaan armada TLDM yang melibatkan kepentingan awam dan keselamatan negara. Hari ini menjadi skandal yang cukup besar yang dikenali sebagai skandal kapal "gig" dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mulakan isu perbahasan hari ini dengan menyebut beberapa persoalan penting iaitu pertama, soalan daripada awam, manakah kapal? "Terbang rendah si burung helang, ke manakah kapal kita hilang?" Kalau tidak nampak, tidak jumpa, hilanglah maknanya. Ia bukan soal kita tidak siap dan kita tidak boleh lagi menjawab dalam keadaan kita ini ada silap mata. Duit mana? Duit masuk akaun bank. Siapakah bagi? Anak raja mana tidak tahu. Sama juga dengan isu ini. Manakah kapal? Kapal belum siap, tidak tahu dekat mana.

Tidak boleh jawab begitu lagi Tuan Yang di-Pertua. Hari ini, rakyat menunggu jawapan. Oleh sebab itu saya hendak simpulkan pada perbahasan ini beberapa perkara yang mesti dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Pertama, Yang Berhormat Menteri mesti mengakui ada berlaku penyelewengan. Ada berlaku skandal yang besar supaya kita dapat bersama-sama memutuskan apa siasatan yang mesti diuruskan dengan tegas. Arahan yang keras dan penyelesaian yang tuntas supaya dapat diselesaikan dengan segera. Saya meletakkan beban jawapan ini kepada Yang Berhormat Menteri untuk rujukan persoalan ini.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat inilah ruang untuk Yang Berhormat Menteri meyakinkan rakyat bahawa atas dasar kita sebagai Ahli Parlimen, sama-sama Ahli Parlimen, menjunjung Perlembagaan yang sama dan telah pun beraku janji untuk mempertahankan negara ini dengan Perlembagaan yang telah pun kita tekuni dan juga sama-sama kita komited untuk memastikan dijulang Perlembagaan ini.

Untuk itu, beberapa soalan penting Tuan Yang di-Pertua, saya terus ke soalan saya. Pertama, isu reka bentuk. Rakan saya tadi telah membangkitkan isu

reka bentuk ini. Mengapa dari Kelas SIGMA, Belanda dan ditukar ke Kelas Gowind, Perancis? Adakah ini kehendak *end user*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, TLDM sendiri sebagai pengguna?

■1740

Kedua, Yang Berhormat Menteri, benarkah reka bentuk ini yang melibatkan keutuhan pembinaan LCS ini dibuat berdasarkan saranan Boustead dan bukannya daripada perspektif dan saranan TLDM sendiri? Ketiga, ini sangat penting. Dalam mana-mana projek mega, *due diligence*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya dah *check*- saya sudah periksa terjemahan *due diligence* ialah 'usaha wajar', iaitu kritikal. Jadi, apa *due diligence*, dengan izin, usaha wajar ini telah dibuat oleh kementerian dalam memastikan pembinaan LCS ini? Jika ada, mohon disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan media dan perbahasan yang telah pun dinyatakan oleh rakan-rakan sebentar tadi, ada isu kelewatan. Jadi, isu kelewatan ini bukan isu Pakatan Harapan, bukan isu- kerana ia berlaku sebelum lagi Pakatan Harapan. Jadi soalan saya, ini bermakna apa?

Pertama, ada isu kelemahan pengurusan. Kedua, ada isu kelemahan perancangan. Ketiga, ada isu kelemahan kontrak dan keempat, ada isu kelemahan perolehan. Jadi, ini membawa kepada persoalan bahawa siapa yang memutuskan isu-isu dan keputusan-keputusan kewangan, peruntukan, pembayaran yang sepatutnya tertakluk kepada pekeliling Perbendaharaan yang mengawal selia urusan kewangan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya mohon juga untuk diberikan penjelasan tentang status laporan Jawatankuasa siasatan ini. Apakah laporan siasatan ini sudah pun dikeluarkan untuk tatapan umum? Apakah syor laporan daripada Jawatankuasa ini akan dilaksanakan oleh kementerian bagi menyelesaikan isu ini? Seterusnya, memastikan bahawa isu ini dapat diselesaikan. Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat Menteri, jangan warisi dosa orang lain. Ambil tanggungjawab hari ini untuk selesaikan perkara ini dengan segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek. Akhir, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

5.42 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dapat peluang untuk bahas usul kapal tempur pesisir yang masih belum siap. Tuan

Yang di-Pertua, memang sekarang negara kita dikejutkan lagi dengan skandal kapal perang yang terbesar dalam sejarah negara kita.

Kita dapat lihat duit negara kita dijarah tanpa rasa bersalah. Manakala, kapal hilang, masih lagi belum siap. Ada tetapi belum siap. Sepertimana yang sahabat kita kata, kapal ini bukan kapal pelancongan. Ini kapal adalah untuk mempertahankan kedaulatan negara. Sampai bilakah lagi kita akan hadap dengan kebejatan sebegini?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan kepada cadangan siasatan. Kawan-kawan kita telah menceritakan banyak perkara dan perkara itu saya rasa sudah cukup untuk Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Selaku warganegara Malaysia, saya sedar dan berasa malu dengan perilaku yang hina.

Justeru itu, saya sebagai Ahli Dewan Negara menuntut supaya memohon Jemaah Menteri menyembah kepada Majlis Raja-Raja, penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja iaitu RCI bagi meneliti segala aspek agar tidak ada pihak yang bersalah terlepas daripada pendakwaan.

Kedua, kita di Dewan Negara juga merasakan ada keperluan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat skandal pembelian kapal LCS ini yang melibatkan kontrak rundingan terus dengan nilai RM9.128 bilion. Kita juga ingin tahu mengapa bayaran oleh pihak kerajaan sebanyak RM6.083 bilion telah dilakukan tetapi sehingga kini tiada kapal diserahkan kepada TLDM.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang sekiranya isu sebesar ini tidak dicermati siasatan. Maka, akan mencemarkan nama dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia. Justeru itu, Suruhanjaya Siasatan Diraja amat diperlukan sesegera mungkin. Kita tidak perlu takut. Tidak perlu risau dengan siasatan.

Sekiranya dipanggil, kita menceritakan apa yang sebenar. Jadi, kita tidak perlu risau apa yang perlu hendak kita disiasat. Apa yang pasti, kita mesti cari mereka yang bersalah, sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata dan dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri di sesi soalan lisan baru-baru ini.

Saya rasa itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya harap pada hari ini Yang Berhormat Menteri dapat memberi jawapan yang sejelas-jelasnya supaya isu ini dapat sama-sama kita menggembleng tenaga untuk memastikan yang bersalah kita tangkap. Jangan setakat dakwa 'bilis' yang berusia 78 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terkesan melihat apabila hari ini seorang didakwa, usianya 78 tahun. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong RCI diwujudkan. Terima kasih...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan ke seluruh- 10 orang pengucap dan

pembahas tadi, khasnya kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying yang membawa usul tersebut.

Sampai masa kepada Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan untuk membuat jawapan kepada Majlis di Dewan ini. Silakan dengan hormatnya.

5.46 ptg.

Menteri Kanan Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein]:

Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: *Wa'alaikumussalam.*

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah menerima dan membenarkan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Lim Hui Ying di bawah Perkara 17(1) berkenaan isu perolehan kapal *littoral combat ship*, untuk dibahaskan di Dewan Negara yang mulia ini pada hari ini.

Pada masa yang sama, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ke-10 orang Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan kita. Kebimbangan, pandangan, cadangan mahupun kritikan berkaitan dengan perolehan kapal LCS, saya akan cuba jawab sebentar lagi. Akan tetapi hadirnya saya di Dewan yang mulia ini, untuk memikul tanggungjawab sebagai Menteri Pertahanan hari ini... *[Tepuk]*

Tidak terlintas di hati kecil saya bahawa saya hendak lari daripada 'mewarisi dosa' orang lain. Datangnya daripada tanggungjawab yang saya pikul hari ini dan sebab itu, apa yang kita lakukan hari ini dan saya telah pun nyatakan kepada Dewan yang mulia ini tempoh hari bahawa saya memberi fokus tanpa takut, segan silu bahawa pertamanya, sama ada projek ini perlu diteruskan. Hari ini dalam perbahasan kita di Dewan Negara, tidak ada mana-mana pihak yang kata, kita harus batal dan tidak teruskan Projek LCS.

Kedua, saya telah menyatakan bahawa siapa yang salah, tetap salah dan banyak yang telah membentangkan pada hari ini hujah bahawa kita tidak perlu takut, bimbang, kita mahukan ketelusan. Kita mahukan keadilan. Itu pun kehendak saya, bahawa mereka yang kalau sekiranya ada penyelewengan, salah guna kuasa, unsur-unsur rasuah, semuanya terpaksa berhadapan dengan muka keadilan.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua dan dengan Usul yang dibawa untuk dibahaskan, memberikan peluang kepada saya sebagai Menteri Pertahanan hari ini untuk sekurang-kurangnya membentangkan sama ada diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat atau tidak, *wallahualam.*

■1750

Akan tetapi, sekurang-kurangnya saya bertanggungjawab untuk menceritakan pada orang ramai apa sebenarnya perancangan kita- lihat ke hadapan. Pelan kita, kalau kita sudah setuju bahawa LCS ini perlu diteruskan- kalau semua setuju bahawa isu-isu yang berkaitan dengan rasuah, mereka yang menyalahgunakan kuasa dibawa ke muka keadilan, dan saya tidak terkecuali tetapi mesti melalui prosesnya.

Kalau sekiranya ada unsur-unsur yang melibatkan diri saya sendiri, saya terpaksa berdepan dengan keadilan. Saya terpaksa berdepan dengan apa yang dilalui- hari ini sebagai orang pertama- mungkin, didakwa ke mahkamah. Mungkin ada lagi individu-individu lain apabila siasatan SPRM telah selesai akan juga dibawa ke muka keadilan. Oleh sebab itu saya berterima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya ruang untuk membentangkan dan menjawab kepada Dewan yang mulia bagi pihak MINDEF, ATM, TLDM, kepimpinan yang baharu di Boustead Holdings Berhad dan LTAT.

Bagi saya itu penting, kerana banyak perkara yang digembar-gemburkan di luar sana. Macam-macam pertimbangan tetapi penting kita konsisten. Istiqamah dalam apa yang kita terangkan kepada orang. Ini saya janji saya tidak akan berganjak kepada orang ramai, apa yang saya cerita hari ini itulah pendirian saya sama ada ia dapat sampai kepada penyelesaian isu LCS ini. Akhirnya kita nak teruskan projek ini kerana itulah kehendak TLDM di bawah perancangan agendanya, 15 ke-lima, disebut oleh beberapa Senator baru-baru ini.

Oleh sebab itu LCS mesti diteruskan kerana ia sebahagian daripada 15 ke-lima perancangan TLDM. Kalau dibangkitkan surat daripada PTL dahulu, surat jawab-menjawab daripada mantan PTL ketika itu juga. Itu melibatkan dua Panglima Tentera Laut. Saya tidak tahu siapa yang salah, siapa yang betul tetapi siasatan sedang berjalan. *Insyaa-Allah* kita akan sampai kepada tahap untuk mengetahui siapa yang betul-betul salah.

Bagi saya, saya nak pastikan perancangan kita ke hadapan dapat membantu TLDM menerima kapal-kapal yang diperlukan di bawah perancangan 15 ke-lima. Vendor-vendor yang terlibat kalau kita batalkan mereka terpaksa "gulung tikar". Mereka yang terlibat tidak perlu "gulung tikar", dan pada masa yang sama proses untuk mendapat penjelasan, ketelusan sama ada *declassified* dokumen-dokumen yang ada.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan pendirian Kabinet dan RCI. Apa yang dibangkitkan oleh- bukan semua, kerana ada yang tidak setuju. Rakan-rakan yang memerlukan RCI, saya akan bawa kepada Kabinet kerana seperti

Yang Berhormat Datuk Razali sebut tadi, akhirnya Kabinet kena sembah Kebawah Duli Tuanku berhubung kait dengan *Royal Commission* yang diperlukan tadi.

Jadi, kembali kepada keputusan Jemaah Menteri, bukan satu perjalanan yang mudah kerana semua hari ini, di dalam Dewan tahu isu ini bukan hari ini yang membelenggu kita. Ia membelenggu kepimpinan kerajaan semasa PH memerintah, Perikatan Nasional memerintah, beberapa Perdana Menteri. Akan tetapi hari ini kita sudah bawa kepada Kabinet. Maka sekurang-kurangnya ada jalan ke hadapan. Keputusan Jemaah Menteri pada 20 April 2022 adalah untuk meluluskan seperti saya sebutkan di dalam Dewan ini, bersandarkan kepada dua perkara.

Pertama, ialah kehendak TLDM sendiri. Kalau sekiranya TLDM hari ini kata kapal-kapal itu tidak sesuai, mereka tidak perlukannya. Maka, batal lah kan. Kita carilah siapa yang salah. Jumlah duit yang dah hilang atau ada kerugian. Kita kena bawa mereka yang terlibat, yang menyeleweng, yang rasuah ke muka keadilan. Akan tetapi, hakikatnya TLDM tidak dapat terima kapal-kapal yang dia perlukan. Oleh sebab itu, TLDM minta saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab, sebagai Menteri Pertahanan hari ini, berulang-ulang kali bawa kepada Kabinet.

Membentangkan bukan mudah kerana di bawah Kabinet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan Jawatankuasa Khas Menteri. Kokus ia lebih kecil daripada Kabinet ini. Dipimpin, dipengerusikan oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed, melibatkan saya sendiri, Menteri Kewangan, ATM, TLDM, Boustead dan LTAT. Semua merupakan *stakeholders* yang digerakkan dan dikoordinasi untuk meyakinkan Kabinet bahawa berikan peluang kita kali ini untuk cari penyelesaian. Jauh lebih besar daripada semasa kita tidak memerintah.

Saya boleh peluk tubuh dan menyalahkan yang lain, tetapi TLDM memerlukannya. Vendor-vendor memerlukan projek ini supaya mereka tidak terpaksa gulung tikar. Ini yang kita yakinkan buat pertama kali dalam nak pastikan Kabinet setuju dengan cadangan kita. Kita tahu Laporan PAC ini akan keluar. Kita tahu dan kita pun kecewa tetapi hakikatnya, akhirnya ialah bagaimana *we can move forward*, dengan izin, bagaimana kita boleh lihat ke hadapan. Inilah saya harap dapat kita memenuhi dan saya mula penerangan saya ini kepada Dewan yang mulia hari ini disebabkan Usul yang telah pun dibenarkan Tuan Yang di-Pertua untuk dibentangkan hari ini.

Mengambil kira sebab-sebab inilah, MINDEF memberi tumpuan sepenuhnya dalam langkah ke hadapan. MINDEF telah membentangkan hala tuju ini kepada Jemaah Menteri empat kali, iaitu pada 20 November 2020; 5 Mei 2021; 4 Mac 2022; dan terbaru 20 April 2022.

Selain itu MINDEF bersama dengan Angkatan Tentera Malaysia khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia, Lembaga Tabung Angkatan Tentera khususnya pihak Boustead telah melihat semula perancangan Perolehan LCS bersama dengan Agensi-agensi Pusat yang lain, Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Peguam Negara- *Attorney General Chamber*, dengan izin, bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk menyelamatkan projek ini.

Saya nak tanya, mungkin semasa kita tidak berkuasa, sama ada yang memerintah pada ketika itu ambil tidak tindakan-tindakan sebegini untuk mencari penyelesaian kepada isu LCS ini yang dah membelenggu kita selama ini. Mungkin tidak. Akan tetapi, saya tidak mahu tuduh sesiapa- yang penting kita nak lihat ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, sebagai Menteri Pertahanan saya telah 12 kali mengulas dan menjawab isu LCS ini di Parlimen termasuklah di Dewan Negara minggu lalu. Ketegasan dan pendekatan saya tidak berubah seperti saya sebutkan tadi- tiga perkara. Nak pastikan ia diteruskan, kita nak pastikan siapa yang salah tetap salah, dan yang ketiga dalam tempoh enam bulan ini, proses rundingan dengan pihak *OEM Naval Group* di Eropah, vendor tempatan, institusi perbankan, giat dilaksanakan seperti dah diputuskan dan dipersetujui oleh Kabinet baru-baru ini.

Bermakna bahawa kerja kita sampai ke tahap hari ini baru bermula. Kalau betul-betul kita ikhlas dan jujur mahu meneruskan projek LCS ini sebenarnya kerja mula hari ini untuk memastikan dalam enam bulan ini proses mobilisasi dengan mandat yang diberikan. Saya harap dapat kerjasama dan sokongan daripada pihak semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga kalau percaya kepada apa yang... [*Tepuk*] Terima kasih. Daripada segi tepukan itu, sokonglah.

■1800

Give me a chance. Berikan peluang. Apakah pilihan kita? Hendak batal projek, tidak ada siapa hendak kata batal. Hendak cari siapa yang salah, saya setuju tetapi mesti melalui proses, termasuk diri saya sendiri. Kalau saya menyalahgunakan kuasa, saya ada salah silap, saya ada unsur-unsur rasuah, hadapkan saya kepada mahkamah tetapi melalui proses.

Ketiga paling penting, jangan apa yang digembar-gemburkan ini menjejaskan apa pelan kita untuk hidupkan semula projek ini. Sudah beberapa hari sejak Laporan PAC dikeluarkan, itunya cerita kita. Akan tetapi apa yang kita hendak lakukan sekarang ialah untuk melihat, mendekati diri kita dengan OEM tempatan, satu hal vendor-vendor tadi.

Kedua, hendak kena jumpa dengan OEM di Eropah bukan sahaja di Perancis tetapi di Eropah. Ini mesti diteruskan kalau betul-betul kita menghendaki projek ini diteruskan. Kalau sekiranya kita hanya mahu mempolemikkan isu ini, tidak ada kesudahan Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini.

Saya tidak akan toleh ke belakang lagi. Saya tidak bimbang. Saya percaya bahawa apa yang saya lakukan ini setakat sebagai Menteri Pertahanan. Hari ini saya sudah cuba bentangkan apa yang terbaik. *Insyah-Allah*, kalau sekiranya kita dapat buktikan dalam masa terdekat ini sekurang-kurangnya mengikut jadual kapal pertama- saya faham, orang kata duit lesap, peralatan usang dan apa tindakan yang kita ambil ini merupakan 'ikan bilis' bukan 'jerung', tetapi masa akan buktikan. Bahawa kalau kita betul-betul ikhlas hendak menyelesaikan LCS ini dan selagi saya diamanahkan untuk memimpin MINDEF, saya akan pastikan apa yang saya janji di Dewan yang mulia ini akan dapat ditunaikan... [*Tepuk*]

Jadi, kembali kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ia merupakan perkara-perkara yang cukup dekat di hati saya. Tidak perlu sebut lagilah siapa yang bersalah, kita serahkan kepada agensi-agensi. Hari ini pun sudah ada satu pendakwaan.

Kedua, dengan pendedahan, diklasifikasikan repot tertentu- mungkin rakyat sendiri dapat tahu, dapat meneliti sendiri siapa yang sebenarnya silap. Di manakah kelewatannya? Di mana kebocoran, keciciran, duit lesap macam itu sahaja? Akan tetapi kita kena tunggu rumusan pengauditan forensik yang dikeluarkan oleh PAC sendiri. Hendak kata bahawa apa yang dilakukan hari ini yang didakwa ke mahkamah merupakan perkara- mereka yang 'ikan bilis', saya sedih.

Saya kenal Tan Sri Ramli, hendak kata tindakan yang diambil terhadap Tan Sri Ramli ini merupakan perkara kecil, bukan mudah dan tetap diambil kerana PAC sendiri. Saya tahu kalau hendak tengok pertimbangan politik, kita hendak ahli-ahli politikus ini didakwa, yang jerung-jerung ini. Akan tetapi tidak bermakna yang didakwa sekarang ini 'ikan bilis'.

Perkara ini telah pun diakui oleh PAC sendiri. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat- lihat pada muka surat 151 Laporan PAC, di mana disebut bahawa, "*Semakan dan analisis dokumen serta sejarah transaksi yang berkaitan telah menunjukkan...*" Ini PAC ini, "*...wujudnya penyelewengan yang kita hendak elak. Wujudnya penipuan, wujudnya salah urus tadbir yang melibatkan pegawai dan beberapa orang pegawai bawahan membabitkan BHIC dan BNS.*" Mereka yang berkuasa.

Ini PAC, bukan saya cakap tetapi kalau fokusnya kepada pertimbangan-pertimbangan ahli-ahli politik sahaja, kalau mereka salah termasuk diri saya,

teruskan tetapi jangan ingat bahawa mereka yang betul-betul salah yang diakui oleh PAC sendiri terlibat dengan syarikat tadi.

Hari ini kita tengok pendakwaan yang pertama, dan sebab itu saya rasa mungkin lagi perkara-perkara lain. Saya tidak tahu apa siasatan SPRM dan saya tengok apa yang telah pun diumumkan SPRM baru-baru ini, saya rasa tidak terhenti di sini sahaja pendakwaan dan untuk mencari keadilan. Saya harap bahawa kita diberikan peluang untuk melihat kepada perancangan masa hadapan projek LCS ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam konteks ini, Kabinet telah memutuskan pada April lalu bahawa projek LCS mesti diteruskan. Kita bertanggungjawab. Mengambil kira keputusan ini, perancangan ke hadapan, khususnya dalam tempoh enam bulan ini, telah pun ditetapkan dan sedang diambil tindakan.

Pertama, memastikan fasa mobilisasi dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Ini bagi membolehkan pihak Boustead memulakan rundingan dengan pihak OEM di Eropah dan vendor tempatan dalam masa enam bulan fasa mobilisasi bermula 20 Jun 2022 sehingga 21 Disember 2022. MINDEF dimaklumkan...

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Tuan Yang di-Pertua, kalau- saya mohon izin untuk sedikit penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Saya, masa untuk menjawab ini Tuan Yang di-Pertua, begitu terhad. Banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu terserah kepada Yang Berhormat Menteri sama ada membenarkan atau tidak. Beliau sekarang...

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Saya ingin- boleh satu soalan Yang Berhormat Menteri? Saya dengar beberapa kali...

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan kah...

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Penjelasan. Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Tentang isu mobilisasi ini, soalan saya-saya mohon penjelasan tentang mobilisasi ini. Apakah ia akan melibatkan kos tambahan sedangkan kita sudah pun mengeluarkan RM5 bilion? Adakah kos tambahan kepada isu mobilisasi ini? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan boleh.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Ya, buat peringkat ini tidak. Pertama, dalam LCS yang pertama melalui pelan kita melihat ke hadapan. Saya rasa dengan peruntukan yang sedia ada mencukupi untuk mereka meyakinkan kepada saya, kepada MINDEF, kepada kerajaan, bahawa mereka mampu. Kalau sekiranya dengan 67 peratus kapal yang sudah siap dia tidak boleh selesaikan, bermakna

bagaimana mereka boleh yakinkan kepada empat buah kapal lagi? Kalau Yang Berhormat benarkan saya jawab, mungkin Yang Berhormat boleh tahu sendiri apa perancangan kita.

Oleh sebab itu jangan kita semata-mata menimbulkan sesuatu yang boleh mengeruhkan keadaan. Berikan masa, kita akan cari jalan kalau sekiranya ada pandangan-pandangan yang bernas untuk membantu kita selesaikan dalam proses mobilisasi ini, hendak menyiapkan semua kapal. Saya boleh terima dengan hati terbuka. Apabila saya kata "saya", bermakna bahawa "kerajaan", "Kabinet", "Tentera Laut Diraja Malaysia", "EPU", "MOF", tidak ada siapa lagi yang boleh pastikan bahawa projek ini diteruskan.

Jadi, cadangan-cadangan- kalau soalnya tadi, sama ada kita perlukan peruntukan tambahan peringkat awal ini, bagi saya biar mereka buktikan bahawa mereka dapat *deliver* peringkat apa yang telah pun dirancang dan tidak ada keperluan peruntukan-peruntukan tambahan pada ketika ini. Sekiranya mereka yakin bahawa mereka mampu- itu pun ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kenapa syarikat yang sama diberikan. Kalau tidak syarikat yang sama, manakah pula syarikat baharu yang kita hendak cari? Itu akan menimbulkan kelewatan yang lebih lama untuk kita menyelesaikan masalah.

Kedua, untuk memastikan ia tidak berulang kali ini dalam proses mobilisasi tadi, kita telah putuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus Khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan serta KSU Kementerian Pertahanan. Mereka akan pantau apa yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat tadi. Jawatankuasa ini ditugaskan memantau secara dekat, terutama proses dalam tempoh enam bulan mendatang dan melaporkan perkembangan ini kepada Kabinet serta berjadual.

Sekiranya sesuai, dan saya diarahkan oleh Kabinet- maka tidak ada sebab saya tidak boleh maklumkan kepada orang ramai, dan sekiranya ini merupakan untuk kepentingan ramai, *public interest*, saya rasa biarlah masa berapa- mekanisme, strukturnya ada, dengan Jawatankuasa yang kita sudah wujudkan, dan kita akan laporkan kepada Kabinet, apa perkembangan terkini berhubung kait dengan proses mobilisasi tadi.

■1810

Jadi, peruntukan sekarang, kita gunakan peruntukan yang sedia ada. Banyak kerja untuk kita hendak bangkitkan balik vendor-vendor yang selama ini sebab COVID-19 kah, sebab kepimpinan kah, ia tergendala. Ini kena dihidupkan semula.

Kita kena berdepan dengan OEM di luar negara- di Eropah, untuk membantu kita. Bukannya satu perkara yang mudah tetapi saya hendak beritahu kepada Dewan

yang mulia ini, kita akan buat *insya-Allah*. Sama ada ia dapat sampai kepada apa yang kita harap-harapkan, kita doalah sama-sama.

Inilah setakat mana yang saya boleh janji kepada Dewan Negara, kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dalam Usul, kita *looking ahead*- melihat ke hadapan. Kita akan cuba lakukannya sekarang.

Kita sebenarnya tidak ada pilihan lain. Beri ruang kepada Fasa Mobilisasi ini Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator, dan fokus kepada usaha untuk melaksanakan perancangan ini. Usaha untuk kita teruskan projek ini telah pun dipersetujui semua pihak. Kabinet telah pun bersetuju dengan pelan kita ke hadapan.

Ketiganya, kita harap bahawa apa yang dijanjikan oleh pihak-pihak berkenaan kepada kerajaan, dapat ditunaikan. Saya tidak akan tunggu lama. Kalau sekiranya mereka tidak dapat tunaikan dalam masa beberapa bulan ini, akhirnya, lima tahun akan datang, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terpaksa panggil saya sebagai mantan Menteri Pertahanan mungkin, menjawab kepada isu-isu yang saya tidak mahu bertanggungjawab untuk menjawabnya.

“Saya tidak mahu orang lain memikul dosa saya.” Ayat Yang Berhormat Senator sendiri. Jadi, saya tidak hendak orang lain mewarisi dosa-dosa saya. Oleh sebab itu, saya rasa apa yang saya bentangkan kepada Dewan yang mulia ini sedikit sebanyak ialah untuk menceritakan perjalanan kita sampai hari ini.

Kadang-kadang, kalau kita hanya melihat kepada isu-isu yang boleh menjejaskan pelan kita yang ada ini, saya bimbang bahawa akhirnya, kapal pun tidak dapat, mereka yang salah mungkin akan dibawa ke muka pengadilan dan yang lebih menyedihkan, ia boleh menjejaskan keselamatan negara.

LCS bukan segala-galanya. Ahli Yang Berhormat Senator tadi sebut berhubung kait dengan beberapa jenis kapal di bawah 15 kepada lima. Kalau kita hendak tunggu kepada LCS ini siap, saya rasa bahawa TLDM pun tidak akan bersetuju. Oleh sebab itu, saya boleh cerita sedikit dengan Dewan yang mulia ini daripada segi LMS, empat buah kapal yang tidak mungkin *warship* seperti LCS ini, sudah pun kita terima. *Ordemya* dibuat semasa saya Menhan- Menteri Pertahanan. Keempat-empat buah sudah ada pun di atas kapal. Tidak ada orang sebut pun apa yang telah kita janji dan telah kita tunaikan setakat hari ini.

Akan tetapi, melihat ke hadapan, mungkin menunggu LCS kita selesai, ada fasa kedua, *batch* kedua *littoral mission ship* (LMS) kita. Kalau sekiranya *the littoral mission ship* yang awal itu tidak bersenjata tetapi mungkin masalah LCS tadi boleh menjejaskan kita- saya sudah bincang dengan TLDM. LMS yang *batch* kedua ini mungkin dibekalkan dengan senjata, sekurang-kurangnya dalam masa yang ada ini,

tidaklah sampai menjejaskan perairan kedaulatan dan keselamatan tanah air kita. Ini kehendak TLDM. Bukan saya pandai-pandai. *Because* akhirnya *they are the end user* yang akan menentukan keselamatan kita semua.

Daripada segi mengklasifikasikan Laporan JKSTUPKK dan Audit Forensik, sukacita saya maklumkan berhubung dengan persoalan Laporan JKSTUPKK. Ia merupakan dokumen yang dimiliki oleh Bahagian Khidmat Pengurusan JPM. Saya difahamkan bahawa JPM telah pun memulakan proses nyah klasifikasi dan dijangka selesai dalam masa terdekat.

Berhubung Laporan Audit Forensik pula, Jemaah Menteri sedang menunggu maklum balas dari Jabatan Peguam Negara, Jabatan Audit Negara memandangkan audit forensik ini dimiliki oleh syarikat Boustead Heavy Industries Corporation Berhad dan bukan milik kerajaan.

Jadi, semua ini sudah dibentangkan. Tidak ada perkara yang kita hendak sembunyikan secara telus bahawa RCI, saya akan bawa kepada Kabinet dan Kabinet mungkin terpaksa sembah Kebawah Duli Tuanku, dokumen-dokumen yang mungkin memberi lebih jelas apa yang diperlukan, yang dibangkitkan, siapa yang sebenarnya melewati projek ini, siapa yang sebenarnya rasuah, siapa yang salah guna kuasa dengan diklasifikasikan nyahklasifikasikan Laporan JKSTUPKK dan Audit Forensik kita. Mungkin orang ramai dapat melihat sendiri apa yang kita lakukan hari ini tidak ada perkara-perkara yang saya harap dapat menjejaskan kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Nicole Wong Siaw Ting membangkitkan dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya, berhubung kait dengan barangan yang ada sekarang ini yang dilihat sebagai usang atau *obsolete*.

Berhubung perkara ini, seperti kenyataan Panglima Tentera Laut sendiri, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany dalam Prosiding PAC bertarikh 25 Januari 2022, isu *obsolescence* hanya menjadi isu apabila ia *no longer*, minta izin. Ini dalam PAC punya *report* Tuan Yang di-Pertua, "*No longer supportable, spare part tidak ada...*". Cara yang terbaik untuk mengatasi isu *obsolete* ini juga dijawab oleh Panglima Tentera Laut dalam Prosiding PAC di mana kerajaan boleh melakukan *Service Life Extension Program* (SLEP) kalau sekiranya memang ada perkara-perkara yang berkaitan dengan usang atau *obsoletenya* perkara ini, *SLEP programme* kita ada.

Barangan utama seperti enjin, sistem jana kuasa, radar, sonar, meriam, misil yang sudah dibeli, tidak *obsolete*. Saya hendak beritahu secara terus terang kepada Dewan yang mulia ini. Ia juga disahkan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia. Kontrak pembelian di antara BNS dan OEM juga mengenakan syarat untuk peralatan terlibat

mempunyai sokongan untuk tempoh tiga tahun bagi memastikan risiko ini dapat ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa masa mungkin sudah tamat...

Tuan Yang di-Pertua: Kita beri ruang kepada Yang Berhormat Menteri Kanan menerangkan.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: [*Ketawa*] Terima kasih, *alhamdulillah*. *So far so good*, setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab ini merupakan situasi yang luar biasa...

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Faham.

Tuan Yang di-Pertua: Diberikan ruang kepada Yang Berhormat untuk menerangkan.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Terima kasih. Saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana tunggu lama malam ini. Akan tetapi kita tengok beberapa hari kebelakangan ini, macam-macam perkara yang dibangkitkan.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Oh, ini Timbalan Panglima Tentera Laut ada di belakang saya ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya, baik.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Bermakna bahawa saya buat ini bukan hendak membelakangkan TLDM. Kita buat ini untuk Tentera Laut. Jadi, apa yang Tentera Laut kata, saya sebut tadi "...*mempunyai sokongan untuk tempoh tiga tahun*". Dia betulkan, "*la untuk tempoh 30 tahun*". Ini bagi memastikan risiko ini ditangani.

Jadi, apa Dewan yang mulia ini dapat lihat secara *real time, the end user*, orang yang memerlukan kapal ini. Ini memberi saya keyakinan, *insya-Allah* lah ya, apa yang telah pun menjadi perancangan kita, dapat ia direalisasikan. Sebelum ia direalisasikan, saya sebut tadi, perancangan kita untuk kapal-kapal yang mungkin kelas-kelas tertentu supaya akhirnya, matlamat utama kita iaitu memastikan keselamatan perairan kita dan kedudukan TLDM sendiri dapat kita jamin.

Akhir sekali, isu-isu berhubung kait dengan siapa salah, siapa lewat, saya yang sekali sekarang selepas membentangkannya kepada Dewan yang mulia ini, saya hendak melihat ke hadapan. Saya hendak projek ini diteruskan, saya mahukan siapa yang salah, tetap salah dan dibawa ke muka keadilan. Saya hendak mereka yang telah pun memberi jaminan kepada kerajaan dan kepada Kabinet bahawa perancangan yang saya sendiri bentangkan kepada Jemaah Menteri mendapat komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan projek ini diteruskan.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya bahawa kita harus memikir secara *constructive*. Boleh lah bawa isu-isu yang perlu saya jawab tetapi hendak melihat ke hadapan dalam isu LCS ini juga penting. SPRM telah pun saya percaya melengkapkan beberapa siasatan mereka. Jabatan Peguam Negara telah pun pertimbangkan pertuduhan dan terkini seperti yang kita tahu pagi tadi, bekas Pengarah Urusan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) telah pun didakwa di mahkamah. Dengan izin, *let the due process take its course*, dalam kita hendak melihat ke hadapan.

Kabinet telah pun bersetuju dengan Pelan Pemulihan LCS yang merangkumi Fasa Mobilisasi selama enam bulan yang saya telah terangkan kepada Yang Berhormat. Ini yang kita usahakan sekarang walaupun kita telah membuat keputusan untuk bergerak ke hadapan walaupun banyak kerja yang perlu kita lakukan. Saya sebutkan tadi rundingan dengan OEM, dengan *vendors*, dengan bank-bank yang menuntut kepada pembayaran yang tertangguh selama ini.

Ahli yang belah sana pun setuju untuk kita meneruskan projek ini. Mantan Menteri Pertahanan, Ahli Parlimen Kota Raja juga setuju- dahulu semasa dia di Menhan. Laporan PAC pun bersetuju. Laporan JKSTUPKK pun bersetuju. Saya Menteri Pertahanan sekarang ini merupakan perancangan yang telah kita persetujui bersama.

Banyak kerja perlu diselesaikan dan Ketua Pembangkang sendiri telah pun bercakap pada 11 Ogos 2022 di Pulau Pinang, dan saya ulangi apa yang beliau sebutkan. Ini Ketua Pembangkang Yang Berhormat Senator, Ketua Pembangkang. "*Cukup-cukuplah berbahas. Dakwa sahaja mereka yang bersalah*". Ini yang sedang kita lakukan. Bukan ayat daripada Yang Berhormat, tapi ini dari Ketua Pembangkang sendiri untuk menyatakan bahawa kita mahukan keadilan dan saya pun setuju dengan dia, *for the first time*.

Bagi kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berterima kasih sangat. Saya tidak boleh janji bahawa ia dapat menyelesaikan kemelut LCS ini. Akan tetapi kita dengan rakan-rakan yang terlibat, akan cuba sebaik mungkin...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah sedikit. Minta penjelasan sedikit ya boleh Dato' Seri?

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Ya, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, nanti. Hendak tanya penjelasan ya?

Datuk Razali bin Idris: Penjelasan, sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Penjelasan boleh.

Datuk Razali bin Idris: Oleh sebab Yang Berhormat Dato' Seri Menteri, dia jawab tertib, *slow* jadi tidak berapa hendak dengar. Saya hendak tanya ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal *volume* suara?

Datuk Razali bin Idris: Hendak *volume* sedikit. Sebab dia tertib menjawab. Jadi, kita tidak rasa nak marah dengan dia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sahkan sama ada...

Tuan Yang di-Pertua: Itu cara?

Datuk Razali bin Idris: Cara dia. Saya faham. Saya hendak sahkan Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk membawa RCI ke Kabinet, untuk dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong atau pun tidak? Itu soalan saya.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Mungkin mikrofon Dewan Negara...

Datuk Razali bin Idris: Dia *slow* sahaja.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: ...Sudah usang, *obsolete*...
[Ketawa] Sampai Yang Berhormat Datuk Razali tidak boleh dengar hujah saya.

Saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat Senator bahawa selepas perbahasan kita pada hari ini, saya sendiri akan bawa ke Kabinet bahawa ini pandangan. Bukan semua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju tetapi ini tanggungjawab saya untuk bawa kepada Kabinet pada hari Rabu ini, dan saya akan lakukan.

Jadi, itulah dia Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cukup berterima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya ini. Sekian...

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit lagi boleh tak?

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: ...*Wabillahitaufiq walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan telah pun selesai memberi ulasan, jawapan dan juga kalau boleh saya gunakan istilahnya penekanan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan itu selesai sudah bab kita untuk membahaskan isu di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1).

Cara beliau menyampaikan kepada kita sebentar tadi, adalah sebagai seorang Ahli Kabinet yang berpengalaman sebab itu sebahagian daripada ayatnya tadi mungkin rakan-rakan sebelah sana kurang dengar sedikit. Akan tetapi, bagi saya semuanya jelas... [Ketawa] *Alhamdulillah*... [Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, berakhirlah sudah sesi dan juga Mesyuarat Dewan Negara bagi Penggal Kelima Parlimen Keempat Belas.

Pada kesempatan ini, saya bersama-sama dengan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara mengucapkan banyak terima kasih dan penghargaan atas keprihatinan penglibatan serta ketajaman minda Ahli-ahli Yang Berhormat ketika melontarkan persoalan, berhujah dan mengemukakan hal-hal dalam bidang pengetahuan masing-masing. Saya mengambil kesempatan mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol kerana turut mempengerusikan sidang mesyuarat pada kali ini, dan membantu kami berdua menguruskan tuntutan Dewan yang mulia ini.

Sepanjang Mesyuarat ini, Dewan telah meluluskan 25 rang undang-undang dalam sesi persidangan kali ini. Ini bukanlah suatu perkara yang mudah dan saya telah pun mendaftarkan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Ketua Majlis supaya semasa kita menjalankan tugas seperti ini buat masa hadapan, hendaklah dikirakan tanggungan kita dan masa yang diperlukan agar bidang serta kualiti hujah kita itu sempurna hendaknya mengikut masa yang berpatutan. Apakah yang berpatutan? Ini akan kita halusi dan bagi anggota Jawatankuasa Khas berhubung dengan Dewan, kita akan memberi pandangan kepada kerajaan dan juga khasnya Ketua Majlis.

Usul berkenaan isu kewarganegaraan, anak bagi wanita rakyat Malaysia oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa telah dijawab oleh Kementerian Dalam Negeri.

Usul berkenaan dengan isu perolehan *Littoral Combat Ship* (LCS) bagi TLDM di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying dan telah dijawab panjang lebar, *detail* dan menekankan isu-isu masa hadapan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Terima kasih kepada beliau...
[Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, dua Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 16(1) juga telah dilaksanakan pada sesi mesyuarat ini. Kedua-duanya dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair iaitu berkenaan Pemerkasaan Dewan Negara berkaitan isu pelantikan Ahli Dewan Negara. Kedua, Pertanyaan-pertanyaan Lisan khusus kepada Perdana Menteri dan Menteri di Dewan Negara.

Sepanjang mesyuarat kali ini juga, kita turut menerima tiga orang ahli baharu menjadikan jumlah Ahli Dewan Negara pada masa ini seramai 61 orang. [Tepuk] Diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dapat memberikan khidmat bakti, setia dan terlibat dengan aktif dalam program-program yang dilaksanakan bersama.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengulangi tanggungjawab kita semua dalam membahaskan rang undang-undang. Tidak lain dan tidak bukan hanyalah demi kesejahteraan rakyat dan memerlukan khidmat kita. Justeru, sudah semestinya tanpa penglibatan penuh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini sukar untuk dizahirkan. Justeru, pada ketika ini, negara sedang meraikan Hari Kebangsaan yang ke-65. Dipohon supaya setiap Yang Berhormat Senator memainkan peranannya dan menjayakan tema Keluarga Malaysia, Teguh Bersama.

Sejajar dengan itu, untuk meneguhkan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat, sudah tentu kita perlu kembali penghayatan Rukun Negara. Seharusnya Rukun Negara itu dijadikan panduan utama dan hasrat kita iaitu pada suatu hari nanti hendaknya Rukun Negara mempunyai kuat kuasa undang-undang bagi Malaysia tercinta.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, sedikit lagi. Usaha kita untuk memartabatkan kembali institusi legislatif negara dengan memberi tumpuan kepada tiga perkara utama iaitu penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen sedang berada di tahap terakhir dan mesyuarat yang kami adakan baru-baru ini khasnya minggu lalu menelurkan idea supaya sebahagian besar penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen diambil kembali nas-nas dan prinsip-prinsip Akta 1963 tetapi dengan memasukkan kepentingan Lembaga Pentadbiran dan Perkhidmatan Parlimen sendiri.

Kedua, pindaan kepada Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952, sedang diselenggarakan oleh pihak-pihak yang berwajib termasuk draf Kod Etika Ahli-ahli Parlimen. Lantaran, kita akan bertemu dalam tempoh tidak kurang tiga bulan dari sekarang. Berdoa kita, semoga setiap anggota yang terlibat dengan tanggungjawab serta jurusan-jurusan ini dapat melaksanakan kesemuanya demi kepentingan kita bersama.

Apa yang saya harapkan sebagai Yang di-Pertua Dewan ialah akan ada satu permukiman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator bagi menilai semula *output* ataupun penyumbangan kita terhadap khidmat, kaedah-kaedah kita berinteraksi dengan rakyat dan kerajaan memahami seterusnya apa yang terpikul oleh kita sebagai anggota legislatif tertinggi di tanah air kita. Satu perkara sudah jelas. Hari ini menunjukkan bahawa parti politik ataupun politik kepartian tidak nampak di sini berlaku seperti mana yang diduga oleh sesetengah pihak. Ini markah terbaik bagi negara Malaysia... [Tepuk]

Hadirin dan Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab pada masa ini merupakan masa bagi kita menentukan tanggungjawab yang lebih ikhlas, saya berharap kita kembali kepada famili, keluarga, kawasan serta tanggungjawab masing-masing

dengan keadaan baik. Kita tunggulah apa-apa yang telah diselamatkan oleh pihak yang mentadbir ke arah yang lebih tinggi dan lebih cemerlang. Bersua lagi kita dalam sidang yang akan datang, di mana tarikhnya belum dapat kita tentukan. Selamat berkhidmat dan majulah Malaysia. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang]